



Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

Laporan Tahunan 2008
www.kpwkm.gov.my



Sekapur Sirih Seulas Pinang

Ketua Setiausaha,

Kementerian Pembangunan Wanita,

Keluarga dan Masyarakat

4

Maklumat Korporat

Visi

5

Misi

5

Piagam Pelanggan.....

6

Strategi

7

Carta Organisasi

8

- 9

KANDUNGAN

Laporan Tahunan **KPWKM 2008**

Pencapaian KPWKM 2008

Pembangunan Wanita

Pembangunan Keluarga

Pembangunan Masyarakat

10

- 12

Laporan Prestasi Tahun 2008

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Bahagian Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

14

- 20

Bahagian Kewangan

21

- 22

Bahagian Pelaksanaan Dasar Sosial Negara

23

- 27

Bahagian Hubungan Antarabangsa

28

- 39

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

40

- 46

Bahagian Khidmat Pengurusan

47

- 51

Bahagian Pembangunan

52

- 56

Bahagian Pengurusan Maklumat

57

- 61

Unit Audit Dalam

62

- 67

Unit Media dan Komunikasi Korporat

68

- 70

Unit Lembaga Kaunselor

71

- 76

Pusat Sumber dan Maklumat

77

- 80

Jabatan / Agensi Di bawah KPWKM

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM)

81

- 94

Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)

95

- 106

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

107

- 119

Institut Sosial Malaysia (ISM)

120

- 126

Institut Pengupayaan Wanita Bagi Negara-Negara Pergerakan Berkecuali NAM (NIEW)

127

- 134





**SEKAPUR SIREH SEULAS PINANG
MAKLUMAT KORPORAT
PENCAPAIAN KPWKM 2008**





SEKAPUR SIREH SEULAS PINANG

YBHG. DATUK FAIZAH MOHD TAHIR

Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Bismillah hir Rahman nir Rahim
Assalamualaikum wrt. wbt.,

Alhamdulillah, saya mengucapkan syukur ke hadrat Illahi kerana Laporan Tahunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) 2008 dapat diterbitkan. Ia merupakan laporan komprehensif yang boleh dijadikan rujukan terhadap kepelbagaian isu membabitkan wanita, keluarga dan masyarakat serta satu imbasan terbaik dalam menterjemahkan kesungguhan Kementerian dalam usaha memperkasa dan memastikan peranan serta penyertaan wanita, keluarga dan masyarakat dalam pembangunan negara.

Pencapaian tahun 2008 ini dapat dilihat di mana KPWKM telah melangkah lebih yakin ke arah pembangunan insan dan masyarakat yang membanggakan. Pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti telah membuktikan komitmen Kementerian dalam usaha memartabatkan wanita, memantapkan institusi keluarga dan sekali gus meningkatkan kesejahteraan sosial masyarakat. Kejayaan demi kejayaan yang terhasil adalah berkat kerja keras dan kerjasama semua warga KPWKM. Ia merupakan manifestasi terhadap satu komitmen yang jitu dalam usaha merealisasikan visi, misi dan objektif KPWKM.

Kejayaan ini merupakan kayu pengukur kepada keberkesanan dasar dan polisi serta pelaksanaan pelan strategik Kementerian melalui jabatan dan agensi-agensinya. Ia telah dizahirkan dengan penerimaan dan kelulusan Kerajaan terhadap beberapa saranan serta tindakan oleh Kementerian ini, agar masyarakat dapat menikmati kesan terhadap setiap penambahbaikan yang dibuat kepada dasar dan polisi tersebut. Harapan saya dengan penerbitan Laporan Tahunan 2008 ini dapat menjadi rujukan dan manfaat terhadap pencapaian Kementerian kepada semua. Insyallah.

Sekian, terima kasih.



FAIZAH MOHD TAHIR




VISI

Menjadi peneraju utama untuk mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera sebagai asas pembentukan sebuah negara maju yang terbilang.

MISI


Mengintegrasikan perspektif wanita dan masyarakat yang memerlukan ke dalam arus perdana pembangunan negara serta memperkukuhkan institusi keluarga ke arah peningkatan kesejahteraan sosial.



PIAGAM PELANGGAN

KPWKM dengan penuh tekad dan iltizam berjanji untuk melaksanakan semua dasar dan program yang telah ditetapkan melalui agensi di bawah Kementerian ke arah mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan iaitu :

- Memastikan dasar-dasar dan undang-undang mengenai pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat sentiasa relevan, berkualiti dan praktikal untuk dilaksanakan;
- Menentukan perancangan dan pelaksanaan program pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat dijalankan dengan baik dan berkesan serta mengikut jadual yang ditetapkan;
- Membuat penyelarasan yang lebih berkesan terhadap semua program Kementerian dan agensi di bawahnya serta penglibatan masyarakat am dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO's);
- Melaksanakan pengurusan yang cekap dan peka kepada isu, kualiti dan produktiviti;
- Memberi perkhidmatan yang cekap, saksama dan mesra;
- Menjalankan penyelidikan dan penilaian yang berterusan untuk mendapatkan maklumat dan maklumbalas bagi perancangan yang baik dan pelaksanaan yang berkesan; dan
- Menerapkan budaya ilmu melalui usaha penambahan ilmu pengetahuan, peningkatan kemahiran ICT dan lain-lain kemahiran serta mewujudkan etika kerja yang positif dan dinamik di kalangan semua anggota Kementerian dan Jabatan serta agensi di bawahnya.







STRATEGI

- Memastikan perspektif gender, keluarga dan kumpulan masyarakat diintegrasikan dalam penggubalan dasar dan perancangan serta pelaksanaan program.
- Memantapkan penerapan nilai-nilai murni kekeluargaan di kalangan masyarakat melalui kerjasama erat dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan.
- Mengaudit undang-undang dan peraturan sedia ada dan mencadangkan perundangan baru bagi menjamin kelangsungan hidup, perlindungan dan pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat.
- Melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan dalam bidang gender, kependudukan, pembangunan keluarga dan masyarakat bagi memperkenalkan pendekatan-pendekatan inovatif dalam perancangan dan pembangunan program.
- Membangun dan memantapkan pangkalan data sosial yang komprehensif dan bersepadu untuk tujuan perancangan, pemantauan dan penilaian program-program untuk kumpulan sasaran.
- Mempertingkatkan tahap kemahiran dan pengetahuan serta memperkasakan kumpulan sasaran bagi membolehkan penyertaan mereka yang berkesan dalam pembangunan negara.
- Menambah dan mempelbagaikan peluang kumpulan sasaran untuk meningkatkan taraf sosioekonomi melalui program-program pembangunan dengan kerjasama agensi-agensi pelaksana.
- Memperkukuhkan jaringan kerja di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan tujuan berkongsi maklumat, pengalaman dan kepakaran.
- Menubuhkan mekanisme pemantauan dan penilaian untuk menambah baik dasar dan pelaksanaan program.
- Memperluaskan akses teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kepada wanita, keluarga dan masyarakat.
- Memantap dan memperkuat sistem penyampaian perkhidmatan di semua peringkat melalui pengurusan sumber manusia kewangan dan teknologi secara profesional dan optimum.
- Menyebarkan maklumat mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang terdapat di pelbagai agensi dan pertubuhan bagi membantu wanita, keluarga dan masyarakat mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan.

Carta Organisasi



Y.B. TIMBALAN MENTERI



PENCAPAIAN KPWKM 2008

PEMBANGUNAN WANITA



Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-Kit), Julai 2008, Kelantan

Salah satu program teras bagi mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan kualiti ibu tunggal dalam Bab 13, Rancangan Malaysia Ke-9 dengan menyediakan pelbagai kursus dan seminar motivasi.



Projek Rintis Bersama Wanita Orang Asli, September 2008, Pahang

Mendapat kerjasama penuh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dengan mensasarkan hasil program dapat memperbaiki sosio-ekonomi, mengurangkan jurang perbezaan antara wanita orang asli dengan wanita lain di samping membentuk personaliti wanita yang berdikari dan berdaya saing.



Pengurus Rumah, September 2008, Johor

Bidang ini merupakan sumber baru bagi tujuan meningkatkan pendapatan ekonomi wanita yang meliputi perkhidmatan pengurusan rumah, penjagaan kanak-kanak, orang tua, bayi dan ibu bersalin dan program ini terbuka kepada wanita yang berminat sekaligus dapat mengurangkan kebergantungan masyarakat tempatan kepada pembantu rumah warga asing.

PEMBANGUNAN KELUARGA



Projek Asuhan Prihatin, September 2008, Selangor

Meningkatkan kualiti pengasuhan kanak-kanak melalui perkhidmatan taska khususnya di rumah secara tidak langsung memberi peluang pekerjaan kepada golongan wanita dan ibu tunggal dalam bidang pengasuhan tanpa perlu keluar rumah.



Keluarga@Kerja, Oktober 2008, Kuala Lumpur

Memberi kemahiran dan panduan cara gaya keibubapaan kepada ibu bapa berkerjaya untuk menghadapi cabaran pada setiap kitaran hidup berkeluarga supaya dapat memainkan peranan masing-masing dengan lebih berkesan dalam mengutamakan keluarga seiring dengan pembangunan kerjaya.

PEMBANGUNAN MASYARAKAT

Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya, April 2008, New York

KPWKM telah menandatangani konvensyen tersebut di Ibu Pejabat Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), New York, Amerika Syarikat bagi pihak kerajaan Malaysia bagi memperjuangkan hak kesamarataan golongan itu dan memastikan penglibatan mereka tidak terpinggir.



Dasar 1% OKU Dalam Perkhidmatan Awam, Mei 2008, KPWKM

Inisiatif KPWKM dalam mempercepatkan proses kemasukan seramai 10,000 OKU bagi menyertai sektor perkhidmatan awam seperti yang tercatat dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.3/2008 berkuatkuasa 1 April 2008.



Borang Maklumat Pencari Kerja OKU, Julai 2008, KPWKM

Usaha ini selaras dengan pelaksanaan Dasar 1% OKU dalam Perkhidmatan Awam untuk membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia mengumpul maklumat OKU yang berkeelayakan untuk disalurkan kepada agensi yang berkenaan.



LAPORAN PRESTASI TAHUN 2008
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)






BAHAGIAN

Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Bahagian Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat KPWKM terbahagi kepada 2 cawangan iaitu Cawangan Dasar Pembangunan Wanita dan Keluarga serta Cawangan Dasar Pembangunan Masyarakat.

Secara amnya, Cawangan Dasar Pembangunan Wanita dan Keluarga bertanggungjawab mengenai perkara yang berkaitan dengan wanita dan keluarga. Manakala Cawangan Pembangunan Masyarakat bertanggungjawab ke atas pembangunan masyarakat khususnya golongan kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU), warga emas, orang papa dan kebajikan masyarakat.



FUNGSI BAHAGIAN

Fungsi Bahagian Dasar KPWKM antara lain adalah untuk merancang, menggubal dan memantau pelaksanaan dasar dan pelan tindakan serta merangka strategi bagi memastikan perspektif gender, keluarga dan masyarakat diintegrasikan dalam dasar dan program pembangunan negara. Selain itu, Bahagian Dasar KPWKM juga mengkaji undang-undang dan peraturan sedia ada serta menggubal undang-undang baru bagi memastikan kebajikan dan kepentingan kumpulan sasar KPWKM dilindungi dan terpelihara.

PENCAPAIAN BAHAGIAN

(a) Dasar dan Pelan Tindakan

(i) Kajian Semula Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita

Dasar Wanita Negara yang digubal pada tahun 1989 dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita yang digubal pada tahun 1997 telah dikaji semula. Kajian semula Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita ini adalah bagi memastikan matlamat dan strategi Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita sejajar dengan perubahan persekitaran dan keperluan masa kini serta masa hadapan. Kajian semula ini juga dibuat bagi mempercepatkan pencapaian matlamat kesaksamaan gender di negara ini. Proses penggubalan Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita yang baru ini telah diadakan melalui beberapa siri bengkel dengan *stakeholders* yang berkaitan daripada pihak Kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mulai tahun 2007 hingga Februari 2008.

Perkara-perkara yang diketengahkan dalam matlamat Dasar Wanita Negara yang baru ini ialah:

- i) prinsip tiada diskriminasi berasaskan gender;
- ii) keperluan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi meningkatkan status dan kesejahteraan wanita; dan
- iii) pembudayaan kesaksamaan gender.

Dasar Wanita Negara yang baru ini diterjemahkan dalam bentuk program dan aktiviti untuk memudahkan *stakeholders* yang berkaitan melaksanakannya dengan sempurna.

(ii) Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-Kanak Negara

Inisiatif bagi menggubal Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-Kanak Negara diteruskan pada tahun 2008 bagi menjaga kesejahteraan dan kepentingan kanak-kanak dengan mengambil kira 4 teras utama Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak iaitu kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan. Dasar ini juga memberi tumpuan kepada peningkatan komitmen dan tanggungjawab sosial semua pihak yang terbabit demi kepentingan terbaik kanak-kanak dalam segala usaha yang dirancang dan dilaksanakan. Selaras dengan dasar tersebut, Pelan Tindakan Kanak-Kanak Negara telah dirangka bagi memperincikan program/ tindakan yang perlu dijalankan oleh pihak-pihak yang terlibat ke arah mencapai objektif Dasar berkenaan.

Penggubalan Dasar dan Pelan Tindakan ini turut disertai oleh wakil-wakil daripada agensi Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik dan pihak swasta. Dalam hal ini, satu bengkel yang melibatkan pihak-pihak berkenaan telah diadakan pada 10 hingga 12 November 2008 di Kuala Lumpur. Penglibatan semua pihak ini bertujuan memastikan penghasilan Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-Kanak Negara yang komprehensif.

(iii) Dasar dan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak

Usaha untuk menggubal Dasar dan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak telah diteruskan pada tahun 2008. Dasar dan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak ini bertujuan untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat perlindungan sewajarnya daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi. Ia menjadi pemangkin kepada kesedaran dan komitmen semua pihak termasuk setiap anggota masyarakat dalam melindungi kanak-kanak di negara ini.

Selaras dengan dasar tersebut, Pelan Tindakan juga telah dirangka bagi menggembelng tindakan segera dan bersepadu serta menggariskan program dan peranan setiap agensi Kerajaan, pihak swasta, komuniti dan NGO dalam usaha mencegah, melindungi dan menangani isu pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi terhadap kanak-kanak. Perkara utama yang digariskan oleh Dasar dan Pelan Tindakan ini adalah mengenai aspek advokasi, pencegahan, khidmat sokongan serta penyelidikan dan pembangunan.

Penggubalan Dasar dan Pelan Tindakan ini turut disertai oleh wakil agensi Kerajaan, NGO, ahli akademik dan pihak swasta dalam satu bengkel yang telah diadakan pada 21 dan 22 Mei 2008 di Kuala Lumpur.

(iv) Pelan Tindakan Ke Arah Mencapai Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan

Bagi mempercepatkan pencapaian sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus wanita dalam peringkat pembuat keputusan di semua sektor, **Pelan Tindakan ke Arah Mencapai Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan** telah digubal dengan kerjasama Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP). Penggubalan Pelan Tindakan ini telah mengambil masa selama 18 bulan iaitu dari Jun 2007 hingga Disember 2008.

Bengkel Ke Arah Mencapai Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan telah diadakan pada 23 Oktober 2008. Bengkel ini bertujuan untuk mendapatkan input dan maklum balas daripada *stakeholders* berhubung Pelan Tindakan Ke Arah Mencapai Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan di Malaysia bagi memantapkan penyediaan pelan tersebut. Peserta bengkel tersebut adalah seramai 120 orang yang terdiri daripada Ahli Parlimen termasuk ahli *Gender Caucus*, Ahli Dewan Undangan Negeri, wakil kementerian/agensi Kerajaan, ahli akademik serta wakil sektor swasta dan NGO.

(b) Akta dan Peraturan

(i) Pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994

Inisiatif bagi meminda Akta Keganasan Rumah Tangga adalah bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan akta tersebut dalam memberikan perlindungan undang-undang kepada mangsa keganasan rumah tangga agar selaras dengan keperluan semasa dalam memastikan mangsa keganasan rumah tangga mendapat perlindungan terbaik. Antara cadangan pindaan adalah seperti berikut:

- perluasan takrif bagi keganasan rumah tangga bagi merangkumi kecederaan emosi, penderaan mental, penderaan psikologi serta penggunaan bahan-bahan yang memabukkan atau mengkhayalkan ke atas mangsa tanpa kerelaan;
- pindaan-pindaan kepada perintah perlindungan interim (IPO) sedia ada;
- perluasan tuntutan pampasan kepada mangsa yang merangkumi kecederaan emosi, penderaan mental, penderaan psikologi serta delusi akibat penggunaan bahan-bahan yang memabukkan ke atas mangsa tanpa kerelaan selaras dengan perluasan takrif keganasan rumah tangga; dan
- menjadikan keganasan rumah tangga sebagai kesalahan boleh tangkap (*seizable offences*).

(ii) Pindaan kepada Akta Kanak-Kanak 2001

Langkah-langkah bagi meminda Akta Kanak-Kanak 2001 telah diteruskan pada tahun 2008 bagi memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan. Secara amnya, Akta Kanak-Kanak 2001 merupakan satu akta yang mengadakan peruntukan bagi menyediakan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak.

Antara fokus utama, inisiatif meminda Akta Kanak-kanak 2001 ialah memansuhkan peruntukan hukuman rotan, memasukkan peruntukan mengenai perintah khidmat masyarakat serta peruntukan mengenai pemeliharaan dan perlindungan segera bagi kes-kes yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan.

(iii) Pindaan Akta Orang-Orang Papa 1977

KPWKM telah mengambil inisiatif untuk meminda Akta Orang-Orang Papa 1977 pada tahun 2008 bagi meningkatkan lagi kualiti penjagaan, perlindungan, pemulihan dan bantuan kepada orang-orang papa di rumah kebajikan. Susulan itu, Kerajaan pada 22 Ogos 2008 telah bersetuju supaya Rang Undang-Undang Orang-Orang Papa (Pindaan) 2008 dibentangkan di Parlimen. Bacaan Kali Yang Pertama Rang Undang-Undang Orang-Orang Papa (Pindaan) 2008 telah dibentang di Dewan Rakyat pada 21 Oktober 2008.

Antara cadangan pindaan Akta Orang-Orang Papa 1977 ini ialah memasukkan beberapa takrifan baru seperti Lembaga Pelawat, majistret, pegawai kebajikan masyarakat, pegawai perubatan, penghuni dan pihak berkuasa tempatan; memasukkan peruntukan mengenai penglibatan seseorang papa di rumah kebajikan dalam aktiviti yang bersesuaian; mencadangkan peruntukan baru bagi membolehkan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat memindahkan seseorang penghuni dari satu rumah kebajikan ke rumah kebajikan yang lain; dan memberi perlindungan kepada mereka yang terlibat dalam penguatkuasaan Akta Orang-Orang Papa daripada tindakan guaman, pendakwaan atau prosiding perundangan jika mereka bertindak dengan suci hati dan mengikut lunas undang-undang.

(iv) Peraturan (Tempat Perlindungan) Akta Antipemerdagangan Orang 2008

Peraturan-peraturan (Tempat Perlindungan) Akta Antipemerdagangan Orang telah digubal pada tahun 2008. Peraturan ini disediakan sebagai panduan mentadbir tempat perlindungan dan ia meliputi hal-hal berhubung tanggungjawab Ketua Pengarah, penguasa dan kakitangan, hak-hak penghuni, kemudahan kesihatan, disiplin penghuni dan operasi harian tempat perlindungan mangsa pemerdagangan orang.

Dalam hal ini, Bengkel Bagi Memantap dan Memuktamadkan *Standard Operating Procedures (SOP)* dan Peraturan-Peraturan Tempat Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang telah diadakan pada 17 hingga 19 Mac 2009 untuk menambah baik SOP dan draf Peraturan Tempat Perlindungan.



(c) Program

(i) Sidang Kemuncak Wanita 2008

KPWKM telah menganjurkan Sidang Kemuncak Wanita 2008 pada 21 Ogos 2008 di Pusat Persidangan Sime Darby, Kuala Lumpur dengan tema "Bersama Membawa Perubahan". Sidang Kemuncak kali ini memberi penekanan kepada pentingnya kerjasama antara lelaki dan wanita bagi membawa perubahan positif di rumah, di tempat kerja dan di peringkat negara. Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah merasmikan Sidang Kemuncak ini yang dihadiri seramai 1,000 orang peserta. Mereka terdiri daripada wanita profesional dalam sektor awam dan swasta serta wanita korporat. Antara perakuan yang diketengahkan ialah menggalakkan pengamalan dasar kerja mesra keluarga, penghapusan undang-undang yang mempunyai unsur diskriminasi terhadap wanita, penyediaan persekitaran kerja yang membolehkan wanita mengembangkan kerjaya serta langkah-langkah bagi membantu wanita mencapai potensi dalam bidang pekerjaan.

(ii) Peningkatan Kesedaran Di Kalangan Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan Mengenai Pejabat@Rumah

Sesi Taklimat Mengenai Pejabat@Rumah kepada pegawai pihak berkuasa tempatan (PBT) telah diadakan pada 11 November 2008 di Hotel Concorde, Shah Alam dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Taklimat ini bertujuan untuk menyebarkan dan memperjelaskan konsep Pejabat@Rumah kepada pegawai PBT dari seluruh negara. Seramai 125 orang peserta telah menghadiri sesi taklimat ini.

Secara keseluruhannya, sesi taklimat ini dapat meningkatkan kefahaman dan pengetahuan pihak PBT berhubung konsep Pejabat@Rumah. Peningkatan pemahaman pegawai-pegawai PBT terhadap konsep Pejabat@Rumah dapat memudah dan melicinkan pelaksanaan cara kerja alternatif ini.

(d) Inisiatif Mengarusperdanakan Gender

(i) **Usaha untuk mengarusperdanakan gender ke dalam semua peringkat perancangan, penggubalan dasar dan pelaksanaan projek/program Kerajaan telah diteruskan sepanjang tahun 2008. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:**

- **Analisis Bajet Gender**

Dua siri kursus Analisis Bajet Gender (ABG) telah diadakan dengan kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) iaitu pada 14 hingga 16 Julai 2008 dan 11 hingga 13 November 2008. Kursus yang dihadiri oleh pegawai yang terlibat dalam penyediaan bajet di kementerian dan agensi telah meningkatkan pemahaman dan pengetahuan mereka mengenai pelaksanaan *gender responsive budget*.

- **Buku Siti Aisha**

Buku Siti Aisha telah diterbitkan bagi memberi kesedaran kepada kanak-kanak, terutamanya yang berumur 11 tahun dan ke atas, mengenai konsep kesaksamaan gender seperti yang diperuntukkan di bawah Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). Buku ini telah diedarkan kepada sekolah-sekolah di kawasan Lembah Klang.

- **Pengaplikasian Data Mengikut Pecahan Jantina**

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kesaksamaan Gender (JKKG) yang bersidang pada 9 Julai 2008 bersetuju supaya setiap kementerian/agensi Kerajaan mengumpul dan menganalisa data mengikut pecahan jantina bagi tujuan penggubalan dasar dan pelan tindakan serta perancangan program yang lebih efektif demi kepentingan dan kesejahteraan wanita. Arahan mengenai pengaplikasian data mengikut pecahan jantina ini seterusnya telah dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara menerusi Surat Ketua Setiausaha Negara Bilangan KPWK 05/07/04 Jld. 10 (83) pada 16 Oktober 2008.

(e) Mekanisme Menangani Isu Kumpulan Sasar

(i) **Kenaikan Kelayakan Pendapatan Bagi Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan TASKA di Tempat Kerja Dalam Sektor Awam**

Susulan kepada inisiatif KPWK, Kerajaan telah bersetuju menaikkan kadar kelayakan pendapatan isi rumah bagi pemberian subsidi yuran pengasuhan taman asuhan kanak-kanak (TASKA) di Tempat Kerja Dalam Sektor Awam kepada anggota perkhidmatan awam iaitu daripada tidak melebihi RM2,000 kepada tidak melebihi RM3,000 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2009 melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2008. Kenaikan kelayakan pendapatan ini adalah selaras dengan penyetaraan gaji anggota perkhidmatan awam melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007.

(ii) Perluasan Jaringan Keselamatan Sosial

Bagi meluaskan liputan jaringan keselamatan sosial, Kerajaan dalam Bajet 2009 telah bersetuju supaya tahap kelayakan pendapatan isi rumah bagi tujuan pertimbangan bantuan kebajikan masyarakat dinaikkan daripada RM400 kepada pendapatan garis kemiskinan semasa iaitu RM720 bagi Semenanjung, RM960 bagi Sabah dan RM830 bagi Sarawak. Ini bermakna, bilangan golongan miskin yang menerima bantuan kebajikan juga meningkat sekali ganda daripada 54,000 isi rumah kepada 110,000 isi rumah dan melibatkan perbelanjaan tambahan berjumlah RM500 juta.

Program perluasan jaringan keselamatan sosial merupakan antara komponen utama Bajet 2009 yang dirangka oleh Kerajaan bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan golongan yang mudah terdedah kepada kesusahan hidup. Pelbagai faktor telah diambil kira oleh Kerajaan termasuk kesejahteraan ekonomi, peningkatan kualiti hidup, pemantapan pendidikan, pembangunan infrastruktur sokongan dan pembangunan di kawasan luar bandar.

(f) Pengurusan Sumber Manusia dan Latihan

(i) Pencapaian 100% Penyertaan Dalam Kursus

Bagi melahirkan anggota perkhidmatan awam yang lebih berkecekapan, berkebolehan, berkemahiran tinggi dan produktif di samping dapat mewujudkan nilai cipta (*value-creation*) dan nilai tambah (*value-added*), semua pegawai dan kakitangan Bahagian Dasar telah diberi peluang untuk menghadiri kursus yang berkaitan dengan bidang tugas masing-masing. Warga Bahagian Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mencapai 100% penyertaan dalam menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari dalam setahun. Ini adalah selaras dengan pelaksanaan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam seperti yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2005.

(g) Penyertaan di Peringkat Antarabangsa

(i) Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya

Malaysia telah menandatangani Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), New York pada 8 April 2008. Y. Bhg. Tan Sri Faizah Mohd. Tahir, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah mewakili Kerajaan Malaysia untuk menandatangani Konvensyen ini dalam satu majlis ringkas yang penuh bersejarah di Ibu Pejabat PBB, New York. Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan konvensyen hak asasi manusia komprehensif yang pertama dalam milenium ini.

Konvensyen ini menggariskan kesaksamaan hak dan peluang serta penyertaan penuh OKU dalam masyarakat. Secara prinsipnya, langkah menandatangani konvensyen ini dapat memberi kesan positif kepada usaha Kerajaan dalam aspek memperkasakan dan memperjuangkan hak dan kesejahteraan OKU di negara ini.



BAHAGIAN *Kewangan*

Bahagian Kewangan bertanggungjawab untuk melaksanakan tatacara kewangan dengan cekap dan berkesan berpandukan peraturan kewangan melalui perancangan, pengawasan dan kawalan yang menyeluruh bagi mencapai objektif kementerian.

Di samping itu, Bahagian ini turut berperanan untuk merancang dan menguruskan peruntukan Kementerian dengan cekap dan berkesan berpandukan peraturan kewangan melalui penyelarasan, perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian ke atas peruntukan perbelanjaan mengurus Kementerian. Antara perkhidmatan teras yang dilaksanakan oleh Bahagian ini adalah seperti berikut:

- Anggaran Belanjawan Tahunan;
 - Pemeriksaan Belanjawan;
 - Laporan-Laporan Kewangan;
 - Penilaian Program;
 - Waran Peruntukan Tambahan;
 - Pindah Peruntukan;
 - Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun;
 - Pelaksanaan Sistem Kewangan;
 - Pembayaran;
- Terimaan;
 - Penyata-penyata penyesuaian;
 - Penyelenggaraan Akaun;
 - Penyelenggaraan Wang Panjar;
 - Perolehan;
 - Pinjaman;
 - Pendahuluan;
 - Laporan Audit (Teguran); dan
 - Akaun Amanah



Pemantauan Prestasi Kewangan

Bagi memastikan prestasi kewangan Kementerian sentiasa selaras dengan program/aktiviti yang telah dirancang, beberapa **laporan perlu disediakan secara berkala** seperti berikut:

- Laporan Suku Tahun JPKA;
- Laporan Harta Modal dan Perjalanan ke Luar Negara setiap Suku Tahun;
- Laporan Prestasi Perbelanjaan Mingguan;
- Unjuran Perbelanjaan Suku Tahun kepada Perbendaharaan;
- Laporan kedudukan harian prosesan bil-bil Kementerian/Jabatan/Agensi (2 kali sebulan);
- Laporan Bil-bil tertunggak;
- Laporan Perbelanjaan Bulanan Kementerian;
- Laporan Penyata Penyesuaian Bulanan; dan
- Laporan Daftar Bil

Mesyuarat Pemeriksaan Belanjawan

Mesyuarat pemeriksaan belanjawan diadakan bagi menyediakan anggaran belanjawan tahunan dan permohonan peruntukan tambahan tahun semasa bersama Pegawai Pemeriksa Belanjawan (BRO). Tujuan mesyuarat tersebut diadakan adalah untuk merancang keperluan peruntukan program/aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi bagi tahun semasa. Bagi **tahun 2008** KPWK M telah diperuntukkan sebanyak RM708.96 juta. Kementerian secara keseluruhannya telah berbelanja sebanyak RM713,124,262 atau 100.58% dan baki peruntukan keseluruhan Kementerian adalah sebanyak RM7,053,318 atau - 0.99%.

Agihan Peruntukan Mengurus Tahun 2008 Mengikut Program

Bil	Kementerian / Jabatan	Peruntukan (RM)
1	KPWKM	107,631,500
2	JPW	33,932,500
3	JKMM	495,493,700
4	ISM	11,164,900
5	LPPKN	50,993,400
	JUMLAH	708,960,000




BAHAGIAN

Pelaksanaan Dasar Sosial Negara

Bahagian Pelaksanaan Dasar Sosial Negara (DSN) diluluskan Kabinet pada 19 Februari 2003 dan pelancaran rasmi telah dilakukan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 19 Ogos 2003. DSN ditubuhkan sebagai dasar payung bagi menyelaraskan pelaksanaan program/aktiviti pembangunan sosial. Dasar Payung yang merangkumi falsafah dan pelbagai dasar pembangunan sosial yang lain dan memberi panduan bagi pelaksanaan dan pengurusan pembangunan sosial.

DSN menggariskan empat (4) objektif khusus yang saling melengkapi dengan menerapkan nilai-nilai murni di setiap peringkat pelaksanaannya iaitu memastikan keperluan asas individu, keluarga dan masyarakat dipenuhi; membangun dan memperkasakan insan sepanjang hayat; memperkukuh dan membangunkan sistem sokongan sosial; dan perkhidmatan sosial; dan menjana sinergi multisektor.



PENCAPAIAN 2008

Sepanjang tahun 2008, DSN telah melaksanakan beberapa program antaranya Program NADI, Mesyuarat Majlis Sosial Negara yang ke-5, Seminar Penilaian Impak Sosial (SIA) Peringkat ASEAN, Penyelaras Geran Bantuan kepada Pusat Bantuan Khidmat Sosial Chow Kit dan aktiviti turun padang bagi Program Pembangunan Kawasan Berisiko Tinggi di Johor Bharu.

Seminar SIA

Seminar SIA Peringkat ASEAN telah dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 19 hingga 20 November 2008 bertempat di Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya, Selangor. Seramai 170 orang peserta tempatan dan dari negara ASEAN telah menghadiri seminar tersebut. Sejumlah 15 kertas kerja telah dibentangkan oleh pakar rujuk tempatan dan antarabangsa yang merangkumi aspek status, amalan terbaik, pengalaman dan cabaran pelaksanaan SIA di peringkat ASEAN. Seminar ini telah berjaya menyebarkan kesedaran dan mempertingkatkan pengetahuan para peserta mengenai SIA dan mewujudkan jalinan kerjasama di kalangan pengamal SIA dari rantau ASEAN.



Program NADI 2008

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melantik seramai 572 Pengerusi NADI di kalangan pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi seperti Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ketua-ketua masyarakat yang lain untuk memastikan NADI dapat memenuhi tanggungjawab kepada masyarakat setempat.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengadakan Majlis Penyerahan Peruntukan Tahun 2008 kepada Pengerusi NADI pada 31 Januari 2008 bertempat di Hotel Nikko, Kuala Lumpur. Majlis tersebut telah dihadiri oleh seramai 572 Pengerusi NADI serta wakil. Peruntukan sebanyak RM10,000.00 telah diberikan kepada setiap Pengerusi NADI untuk mereka menjalankan program berbentuk sosial di kawasan mereka. Jumlah peruntukan yang diberikan adalah sebanyak RM5.72 juta bagi tahun 2008.



Program Pembangunan Kawasan Berisiko Tinggi Johor Bharu

Mesyuarat Majlis Sosial Negara (MSN) Ke-5 pada 4 Februari 2008 yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri telah memutuskan bahawa satu program rintis untuk mengurangkan kadar gejala sosial akan dilaksanakan di negeri Johor di kawasan-kawasan berikut:

- i. Kg. Skudai Kiri, Johor Bahru;
- ii. Taman Tampoi Indah, Johor Bahru;
- iii. Kg. Dato' Sulaiman Menteri, Johor Bahru;
- iv. Kg. Pandan, Johor Bahru; dan
- v. Ulu Tiram/Taman Puteri Wangsa.

Idea kepada projek perintis tersebut adalah berasaskan teori sosial perbandaran "*Broken Window Theory*" di mana pemulihan fizikal kawasan berkenaan merupakan antara faktor dan indikator kepada kesejahteraan komuniti setempat seperti membaik pulih prasarana, menyediakan kemudahan riadah untuk belia dan memastikan keselamatan kawasan permainan kanak-kanak. Objektif Program Perintis Pembangunan Komuniti di kawasan-Kawasan Berisiko Tinggi adalah:

- i) Menkuatkan sistem sokongan sosial tabii yang sedia wujud dalam masyarakat;
- ii) Mempertingkatkan keberkesanan jentera agensi-agensi Kerajaan yang menyediakan perkhidmatan sosial;
- iii) Memupuk semangat pembangunan komuniti oleh komuniti;
- iv) Mengurangkan indeks jenayah di kawasan berisiko tinggi; dan
- v) Mempertingkatkan kemudahan infrastruktur fizikal serta memupuk budaya penyelenggaraan.

Hasil daripada perbincangan dan persetujuan daripada Kerajaan Negeri Johor, KPWKM telah mengadakan sesi dialog dengan wakil-wakil lima (5) kawasan tersebut serta telah membuat lawatan bagi meninjau kawasan tersebut pada 25 dan 26 November 2008.

Satu bengkel bagi Program Pembangunan Kawasan Berisiko Tinggi telah diadakan di Melaka pada 26 - 28 Februari 2009 dan telah berjaya menghasilkan pelan tindakan beserta jumlah peruntukan yang diperlukan untuk menjayakan program ini. Penggubalan pelan tindakan pembangunan kawasan berisiko tinggi adalah berdasarkan kepada lima (5) teras utama iaitu pembangunan infrastruktur fizikal; pembangunan insan; kesejahteraan sosial; membasmi kemiskinan; dan membasmi dadah dan jenayah. Program akan dijalankan dalam dua fasa seperti berikut:



- Fasa 1 (Quick Wins) 2009 – program fizikal jangka pendek; dan
- Fasa 2 (2009-2011) – program fizikal jangka panjang dan memerlukan peruntukan yang besar serta program pembangunan modal insan.

Jumlah keseluruhan peruntukan yang dicadangkan bagi program ini adalah sebanyak RM9.038 juta.

Pusat Bantuan Khidmat Sosial Chow Kit

Pusat Bantuan Khidmat Sosial (PBKS) Chow Kit adalah satu program pakatan bestari dengan NGO (Yayasan PT) telah diwujudkan pada Ogos 2007 oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menyediakan perkhidmatan sosial dan kebajikan kepada kumpulan terpinggir termasuk mereka yang menghidap HIV/AIDS, pekerja seks dan Mak Nyah. Tiga bentuk khidmat sokongan sosial disediakan iaitu tempat singgah (*Drop-In*), Jangkauan (*Outreach*) dan kaunseling serta khidmat maklumat. Perkhidmatan pusat ini menekankan kepada aspek pendidikan, pencegahan, rawatan, penjagaan dan bantuan khidmat sokongan sosial kepada

kumpulan sasar. Jumlah pelanggan pusat ini menunjukkan peningkatan sejak ianya mula ditubuhkan. Sehingga kini jumlah pelanggan yang telah mendapat perkhidmatan adalah seramai 571 orang.

Mesyuarat Majlis Sosial Negara (MSN) ke-5

Mesyuarat MSN yang ke-5 telah diadakan pada 4 Februari 2008 yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dengan keanggotaan terdiri daripada Menteri-Menteri Kabinet yang berkaitan dengan sektor sosial. MSN telah ditubuhkan di peringkat persekutuan sebagai jentera penyelarasan pelaksanaan bagi merealisasikan pelaksanaan strategi di bawah DSN. Pelbagai keputusan telah dicapai khususnya bagi melaksanakan program pembangunan sosial di dalam komuniti termasuklah pelaksanaan program perintis Pembangunan Kawasan Berisiko Tinggi di Johor Bahru.



PERANCANGAN 2009

Di samping program-program yang telah dilaksanakan, beberapa program baru akan dilaksanakan pada tahun 2009 seperti berikut:

- i. Peluasan Pusat Khidmat Sokongan Sosial (PKSS) untuk penghidap HIV/AIDS di beberapa buah negeri di Malaysia. PKSS ini bertujuan untuk membantu mereka yang mengidap dengan HIV/AIDS;
- ii. Program pembiayaan 15 buah Pusat Jagaan HIV/AIDS. Program ini dilaksanakan melalui pakatan bestari dengan NGO yang bertujuan untuk menyediakan tempat tinggal bagi pesakit HIV/AIDS yang terpinggir dan memberi fokus kepada kanak-kanak serta wanita.
- iii. Pewujudan *Youth Hub*/Pusat Remaja di Chow Kit sebagai sebuah *One Stop Centre* yang akan
- iv. Pelaksanaan program pembangunan kawasan berisiko tinggi di Johor Bahru.

memberi kemudahan dan peluang kepada golongan remaja berumur di antara 13 hingga 21 tahun untuk membangunkan diri mereka. Pusat ini akan menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan oleh remaja dan program-program berbentuk pendidikan, kaunseling, pembangunan diri serta latihan vokasional bagi membentuk golongan remaja yang yakin dan berkebolehan.




BAHAGIAN *Hubungan Antarabangsa*

Globalisasi memerlukan setiap negara untuk memperkukuhkan jalinan hubungan antarabangsa bagi mempertahankan kewibawaan dan pendirian negara ke atas isu-isu berkaitan dengan ekonomi, politik dan sosial, di mana hak asasi manusia termasuk kesaksamaan gender dan perlindungan wanita dan kanak-kanak merupakan fokus utama sedunia.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berperanan untuk menentukan pendirian dan dasar sosio-budaya negara diketengah dan diambilkira dalam segala penggubalan dasar atau pelan tindakan di peringkat antarabangsa serta menyelaras hubungan antarabangsa KPWKM di peringkat antarabangsa samaada pelbagai hala, serantau dan dua hala bagi menentukan komitmen Kerajaan dipenuhi.

Bahagian Hubungan Antarabangsa yang merupakan salah satu bahagian di bawah Sektor Dasar mengandungi tiga unit utama iaitu Unit Pelbagai Hala, Unit Serantau dan Unit ASEAN dan Dua Hala dengan seramai 13 orang pegawai dan kakitangan. Bahagian ini berfungsi dalam perkara seperti berikut:

- Menentukan kepentingan Negara dalam hal berkaitan dengan wanita, keluarga dan masyarakat dipelihara dan diutamakan di peringkat antarabangsa;
 - Menentukan negara akan mendapat manfaat dari penglibatan/penyertaan negara di peringkat antarabangsa dalam hal berkaitan dengan wanita, keluarga dan masyarakat;
 - Mengetengahkan imej dan pendirian negara serta menentukan negara memainkan peranan utama dalam penglibatan atau penyertaan di peringkat antarabangsa dalam hal berkaitan dengan wanita, keluarga dan masyarakat;
 - Memastikan komitmen kerajaan di peringkat antarabangsa dilaksanakan sepenuhnya; dan
 - Memperkukuhkan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dalam hal berkaitan dengan wanita, keluarga dan masyarakat.
- 

PENCAPAIAN 2008

UNIT PELBAGAI HALA

Dalam tahun 2008, isu kesaksamaan gender, perlindungan wanita dan kanak-kanak telah diberi keutamaan dan diutarakan di peringkat antarabangsa melalui perwakilan KPWKM di persidangan pertubuhan pelbagai hala seperti di Sidang Kemuncak Global Wanita, Persidangan ke-3 Ahli-Ahli Parlimen Mengenai Taraf Wanita dan Berkenaan Kesaksamaan Gender dan *World Congress III Against Sexual Exploitation of Children and Adolescents*.

Malaysia juga telah menunjukkan komitmen negara kepada kebajikan orang kurang upaya (OKU) dengan menandatangani Konvensyen Berkenaan Hak Orang Kurang Upaya Bangsa-Bangsa Bersatu (*UN Convention on Protection of Rights and Dignity of Persons With Disabilities - CRPD*).

Upacara Menandatangani Konvensyen Berkenaan Hak Orang Kurang Upaya, New York, 8 April 2008

Ketua Setiausaha, KPWKM telah mewakili Negara menandatangani dokumen Konvensyen berkenaan Hak Orang Kurang Upaya (*Convention on Protection of Rights and Dignity of Persons With Disabilities*) yang merupakan instrumen bagi menjaga kepentingan dan hak golongan OKU. Konvensyen ini menggariskan lapan (8) prinsip asas sebagai garis panduan untuk memberi hak dan pengiktirafan kepada golongan OKU di Malaysia. Penubuhan Jabatan khas untuk golongan OKU di Malaysia adalah antara salah satu komitmen negara untuk mencapai matlamat tersebut.



Sidang Kemuncak Global Wanita (Global Summit of Women) 2008, Hanoi, Vietnam, 5 - 7 Jun 2008

Delegasi Malaysia yang diketuai oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menghadiri Sidang Kemuncak Global Wanita yang bertemakan "*Women and Asia: Driving the Global*" Economy yang bertumpu kepada isu-isu yang dihadapi wanita di peringkat domestik dan global bagi tujuan meningkat taraf ekonomi wanita melalui penglibatan dalam bidang pekerjaan dan perniagaan.

Persidangan Global ke-33 Majlis Kebajikan Sosial Antarabangsa (ICSW) Mengenai kebajikan Sosial, Tours, Perancis, 30 Jun – 5 Julai 2008

YB Menteri KPWKM mengetuai pegawai Kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Persidangan ini yang bertemakan "*The Dynamics of Social Development in the Context of Globalisation: Lessons from the Past, Challenges for Today and Tomorrow*" bagi berkongsi pengalaman mengenai kebajikan dan pembangunan sosio-ekonomi yang seimbang, kaedah membasmi kemiskinan melalui kebajikan produktif (*productive welfare*) dan *micro-enterprise* serta keberkesanan perkongsian bestari antara Kerajaan dan NGO dalam menangani isu sosial dan komuniti.



Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Tetap Sains Sosial (JKTSS), Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM), 22 Ogos 2008

KPWKM mengetuai Jawatankuasa Kecil Tetap Sains Sosial (JKTSS) yang bertanggungjawab dalam bidang sains sosial di bawah Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM). JKTSS yang dianggotai oleh agensi Kerajaan, ahli-ahli akademik dan penyelidik serta pertubuhan bukan kerajaan bertanggungjawab untuk meneliti isu-isu berkaitan dengan pembangunan sains sosial di negara kita dan di peringkat antarabangsa.

World Congress III Against Sexual Exploitation of Children and Adolescents, Rio de Janeiro, Brazil, 25 - 28 November 2008

Pada kongres ini, YB Menteri KPWKM telah memberi tumpuan mengenai topik "*Guarantee of the Rights of Children and Adolescents and their Protection against Sexual Exploitation - for a Systemic Approach*" telah berjaya menarik perhatian komuniti antarabangsa kepada usaha membasmi eksploitasi seksual terhadap golongan remaja dan kanak-kanak di peringkat global. Malaysia telah berkongsi dalam menangani isu eksploitasi tersebut dengan melaksanakan Akta Kanak-Kanak 2001 dan Akta Antipemerdagangan Orang 2007 yang turut merangkumi pemerdagangan kanak-kanak bagi tujuan seksual.



Persidangan ke-3 Ahli-ahli Jawatankuasa Parlimen Mengenai Taraf Wanita dan Jawatankuasa-jawatankuasa Berkenaan Kesaksamaan Gender (Third Conference for Parliamentary Committees on the Status of Women and other Committees Dealing with Gender), Geneva, Switzerland, 2-4 Disember 2008

Dalam persidangan ini, KPWKM telah berkongsi pengalaman dan usaha menghapuskan keganasan terhadap wanita di Malaysia dengan ahli-ahli Jawatankuasa Parlimen. Menerusi persidangan ini juga beberapa langkah telah diambil, antaranya pendekatan secara komprehensif, pembentukan perundangan dan program kesedaran terhadap isu keganasan perlu diadakan supaya keganasan terhadap wanita dapat dihapuskan.

UNIT SERANTAU

Di peringkat serantau, KPWKM turut memberi tumpuan terhadap isu berkaitan pembangunan wanita dan pengukuhan institusi kekeluargaan. Melalui beberapa persidangan di peringkat serantau yang dihadiri, KPWKM telah berkongsi dengan negara-negara lain berkaitan dasar dan pengalaman Malaysia dalam isu berkaitan kesaksamaan gender dan perlindungan hak asasi wanita serta pengukuhan daya tahan keluarga. Di samping itu, KPWKM telah meneruskan inisiatif bagi meningkatkan status wanita di negara-negara Islam dengan menganjurkan mesyuarat di peringkat antarabangsa bagi meningkatkan jaringan kerjasama serta perkongsian maklumat dengan negara-negara serantau.

Penganjuran *Expert Group Meeting on the Participation of Women at the Decision-Making Level of the OIC Member States* di Kuala Lumpur pada 21-22 Januari 2008 oleh KPWKM telah menghasilkan kesepakatan di kalangan negara-negara anggota OIC untuk meningkatkan penglibatan wanita di peringkat membuat keputusan seperti yang digariskan dalam *Kuala Lumpur Recommendations for the Enhancement of Women's Participation at Decision-Making Level in OIC Member State*.

Di samping itu, Malaysia bersama dengan negara-negara anggota OIC yang lain telah merangka pelan tindakan meningkat status wanita di negara-negara OIC yang dikenali sebagai *OIC Plan of Action for the Advancement of Women (OPAAW)* yang menggariskan langkah-langkah utama seperti menghapus kemiskinan di kalangan wanita, mempertingkatkan penglibatan wanita di peringkat membuat keputusan, memberi peluang pendidikan dan perkhidmatan kesihatan yang sama kepada wanita serta menghapus diskriminasi dan keganasan terhadap wanita. Pelan tindakan ini telah diterima pakai secara rasmi sebagai *Cairo Plan of Action for Women di Persidangan Kedua Peringkat Menteri Mengenai Peranan Wanita dalam Pembangunan Negara-negara Anggota OIC* di Kaherah, Mesir dalam bulan November 2008. Keganasan terhadap wanita dan keperluan bajet gender juga menjadi tumpuan Ahli-Ahli Parlimen negara Komanwel semasa *Persidangan Ke-54 Ahli-ahli Parlimen Komanwel di Kuala Lumpur* dalam

bulan Ogos 2008 di bengkel khas bagi membincangkan peranan Ahli-Ahli Parlimen dalam penghapusan keganasan terhadap wanita terutamanya keganasan rumahtangga.

Pendekatan negara Malaysia dalam mempertingkatkan daya tahan institusi kekeluargaan terutamanya dalam keadaan krisis ekonomi semasa telah diketengahkan di **Forum Ke-3 Peringkat Menteri Asia Timur Mengenai Keluarga**, di Bali, Indonesia dalam bulan November 2008. *"Bali Statement On Strengthening Collaboration For Programs On Family Resilience"* telah dihasilkan untuk meningkat kerjasama bagi memperkukuhkan daya tahan keluarga serta perlindungan sosial di kalangan negara-negara rantau Asia Timur. Antara program yang dianjurkan oleh Unit ini adalah:

Mesyuarat Kumpulan Pakar Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) Mengenai Penyertaan Wanita Di Peringkat Membuat Keputusan (*Expert Group Meeting on the Participation of Women at the Decision-Making Level of the OIC Member States*), Kuala Lumpur, 21 - 22 Januari 2008

KPWKM telah menganjurkan mesyuarat kumpulan pakar ini bagi menggubal strategi untuk menggalakkan penyertaan wanita di peringkat membuat keputusan di kalangan negara-negara anggota OIC. Seramai 125 peserta yang terdiri daripada pakar-pakar dari agensi kerajaan seperti penggubal dasar, penggubal undang-undang, pakar-pakar dari institusi-institusi pengajian tinggi dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari 28 buah negara anggota OIC telah menyertai mesyuarat ini.

"Kuala Lumpur Recommendations for the Enhancement of Women's Participation at Decision-Making Level in OIC Member States" telah dihasilkan juga turut mencadangkan supaya Setiausaha Agung OIC melantik seorang wanita bagi menjawat jawatan sebagai Penolong Setiausaha Agung OIC dan turut menyarankan Sekretariat OIC membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada wanita.



**Persidangan Ke-54 Ahli-ahli Parlimen Komanwel,
Kuala Lumpur, 1 - 10 Ogos 2008**

Persidangan Ke-54 Ahli-ahli Parlimen Komanwel yang dianjurkan oleh Parlimen Malaysia memberi tumpuan kepada isu wanita dengan penganjuran dua (2) bengkel khas yang bertajuk *"The Role Of Parliamentarians In The Elimination Of Violence Against Women With A Particular Reference To Domestic Violence"* dan *"Mechanisms To Ensure Adequate Recognition Of Women's Issues In Budgetary Processes"*.

Perbincangan dalam dua (2) bengkel khas tersebut telah dipimpin oleh YB. Menteri dalam usaha meningkatkan kesedaran di kalangan ahli-ahli Parlimen dari negara-negara Komanwel bahawa mereka memainkan peranan penting dalam menghapuskan keganasan terhadap wanita serta pentingnya perspektif gender di ambil kira ke arah kesaksamaan gender.





主办：中华全国妇女联合会
协办：中国东盟协会
广西壮族自治区妇女联合会

All-China Women's Federation
In Collaboration with:
China-ASEAN Association
Women's Federation of Guangxi Zhu



Majlis Makan Malam Bersama Isteri Para Perwakilan Asing, Kuala Lumpur, 13 Ogos 2008

Dalam usaha mewujudkan kerjasama dengan wanita di negara-negara asing, KPWKM telah menganjurkan majlis makan malam bersama isteri perwakilan asing yang dihoskan oleh YB Menteri PWKM. Isteri perwakilan asing telah diberi taklimat mengenai objektif dan fungsi KPWKM serta program-program yang dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Wanita dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia sebagai langkah untuk menggalakkan penglibatan sukarelawan di kalangan perwakilan asing.

Forum Kedua Peringkat Tertinggi China-ASEAN Mengenai Wanita, Nanning, China Dan Lawatan Kerja Ke Beijing dan Shanghai, China, 20 - 28 Oktober 2008

Forum Kedua Peringkat Tertinggi China-ASEAN Mengenai Wanita, di Nanning, China yang dihadiri oleh menteri-menteri negara ASEAN termasuk YB Menteri PWKM membincangkan isu keseksamaan gender dan hak asasi wanita ke arah mengukuhkan kerjasama antara negara China dan ASEAN yang dizahirkan dalam dokumen



第二届中国—东盟妇女高层论坛
Second China-ASEAN High-level Women's Forum

主办：中华全国妇女联合会
协办：中国东盟协会
广西壮族自治区妇女联合会
中国·南宁 2008.10.21-23

All-China Women's Federation
In Collaboration with:
China-ASEAN Association
Women's Federation of Guangxi Zhuang Autonomous Region
Nanning, China, 2008.10.21-23



Nanning Declaration of China-ASEAN High-level Women's Forum.

YB Menteri juga telah mengadakan perbincangan dua-hala dengan Madam Gu Xiulian, Presiden ACWF merangkap Vice Chairperson of the Standing Committee of the 10th National People's Congress of China dan Presiden Persatuan China-ASEAN, di mana cadangan untuk mengadakan Memorandum Persefahaman Malaysia-Republik China dalam bidang pembangunan wanita telah dipersetujui untuk diberi pertimbangan oleh kedua-dua pihak.

Delegasi KPWKM juga telah melawat *China Disabled Persons' Federation* (CDPF) serta diberi pendedahan mengenai amalan terbaik dalam aspek pemeliharaan hak asasi orang kurang upaya yang boleh dicontohi oleh Malaysia. Lawatan ke *Shanghai Children's Home* dan Rumah Warga Tua – *Sun Keren Older Orphanage* juga telah diadakan di mana kedua belah pihak telah berkongsi pengalaman berkaitan pengurusan warga emas yang boleh diterapkan di kedua-dua negara.



Forum Ke-3 Peringkat Menteri Asia Timur Mengenai Keluarga, Bali, Indonesia, 17 - 19 November 2008

Forum ini telah dihadiri oleh YB. Menteri yang telah memberi tumpuan kepada usaha dalam meningkatkan hubungan kerjasama terhadap daya tahan keluarga di rantau Asia Timur. Forum juga telah mencapai persetujuan untuk meningkatkan kerjasama melalui perkongsian pengetahuan dan pertukaran maklumat berkaitan amalan-amalan terbaik dalam penggubalan dasar dan pelaksanaan program ke arah memperkukuhkan daya tahan keluarga seperti yang digariskan dalam "*Bali Statement On Strengthening Collaboration For Programs On Family Resilience*".

Open Ended Governmental Group of Experts Meeting to Develop OIC Plan of Action for the Advancement of Women (OPAAW), Jeddah, Arab Saudi, April dan Oktober 2008

Dua (2) mesyuarat di peringkat kumpulan pakar bagi merangka pelan tindakan pembangunan wanita di negara-negara anggota OIC telah diadakan di Jeddah, Arab Saudi dalam bulan April dan Oktober 2008. KPWKM bersama wakil negara-negara anggota OIC yang lain telah berjaya memuktamadkan *OIC Plan of Action for the Advancement of Women (OPAAW)* yang menggariskan tindakan yang boleh diambil dalam usaha meningkatkan status wanita di negara-negara anggota OIC.



Persidangan Kedua Peringkat Menteri Mengenai Peranan Wanita Dalam Pembangunan Di Negara-Negara Anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Kaherah, Mesir, 24 - 25 November 2008

Di persidangan ini, negara-negara anggota OIC secara rasminya menerima setuju *OIC Plan of Action for the Advancement of Women (OPAAW)* dan bersepakat mengiktiraf pelan tindakan ini sebagai *Cairo Plan of Action for Women*, di mana langkah-langkah utama seperti menghapus kemiskinan di kalangan wanita, mempertingkatkan penglibatan wanita di peringkat membuat keputusan, memberi peluang pendidikan dan perkhidmatan kesihatan yang sama kepada wanita serta menghapus diskriminasi dan keganasan terhadap wanita telah digariskan.

UNIT ASEAN DAN DUA HALA

ASEAN

Isu pemerkasaan wanita, perlindungan kanak-kanak dan pembangunan kebajikan masyarakat menjadi fokus utama Negara-negara ASEAN pada tahun 2008. Malaysia dan Negara-negara ASEAN telah bersepakat untuk melahirkan Pelan Induk Sosio Komuniti Budaya ASEAN (*ASEAN Socio-Cultural Community Blueprint - ASCC*) yang menjadi fokus ke arah pembentukan Komuniti ASEAN menjelang tahun 2015 seperti yang dipersetujui negara-negara ASEAN. Pembangunan insan, perlindungan kebajikan sosial, hak keadilan sosial, persekitaran yang mampan, pembentukan identiti ASEAN dan merapatkan jurang pembangunan adalah lima (5) tumpuan KPWK dalam ASCC.

ASEAN Committee on Women (ACW) merupakan platform peringkat tertinggi bagi negara-negara ASEAN menzahirkan keprihatinan dalam isu kesaksamaan gender, pembangunan wanita dan perlindungan kanak-kanak, dan di mesyuarat ACW pada tahun 2008, KPWK telah mengetengahkan pendirian negara dalam isu dan hak kesaksamaan gender serta kanak-kanak diambil kira dalam rundingan mewujudkan satu badan khas demi melindungi hak-hak wanita dan kanak-kanak di rantau ASEAN. KPWK adalah ahli dalam Jawatankuasa Kumpulan Kerja bagi menggubal dan merangka terma rujukan dan garis panduan untuk Penubuhan *ASEAN Commission on the Promotion and Protection of Women and Children*.

Bagi memenuhi komitmen negara di bawah ASEAN *Senior Officials Meeting on Social Welfare Development (SOMSOD)*, KPWK telah menerajui penganjuran bengkel Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) pada 10-23 Oktober 2008 di mana kepakaran dan pengalaman Malaysia dalam pembangunan PDK telah dikongsi dengan negara-negara ASEAN yang lain. Antara program di bawah ASEAN adalah:

ASEAN Consultation Meeting on Good Practices in CEDAW Reporting and Follow up, Vientiane, LAO PDR, 14 - 15 Januari 2008

Bagi memastikan komitmen Negara dipenuhi, KPWK telah mewakili Malaysia bagi membincangkan aspek penyediaan Laporan Negara berhubung CEDAW. Negara-negara di ASEAN bermesyuarat bagi mewujudkan kerjasama terbaik untuk melahirkan kaedah dan mekanisma dalam pelaporan CEDAW serta langkah-langkah tindakan susulan terhadap dokumen tersebut.

ASEAN Joint Roundtable Discussion on the Promotion and Protection on the Rights of Women and Children, Jakarta, Indonesia, 7-8 April 2008

KPWK telah menyertai Rundingan Meja Bulat bagi membincangkan cadangan penubuhan ASEAN *Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children*. Rundingan Meja Bulat ini telah memperhalusi cadangan penubuhan badan tersebut dengan membangkitkan isu-isu berkaitan yang memberi kesan kepada hak pembangunan wanita dan perlindungan kanak-kanak.

ASEAN Regional Workshop on Domestic Violence, Hanoi, Vietnam, 19 - 20 Oktober 2008

Bengkel tersebut yang telah diwakili oleh pegawai kanan KPWK dan wakil Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) telah mencapai persetujuan dalam kaedah pelaksanaan akta-akta bersangkutan dengan keganasan rumahtangga di rantau ini.

Bengkel tersebut juga membincangkan mengenai kekangan yang dihadapi oleh negara-negara ASEAN dalam mewujudkan Akta Keganasan Rumahtangga di negara masing-masing.

Mesyuarat Ke-7 ASEAN Committee on Women (ACW), Hanoi, Viet Nam, 20 - 23 Oktober 2008

Perwakilan KPWKM di Mesyuarat tersebut telah meneliti draf Pelan Induk Sosio Komuniti Budaya ASEAN, membincangkan aspek mekanisma penubuhan ASEAN Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children serta program dan aktiviti kerjasama antara negara-negara ASEAN dengan Negara Jepun, Korea dan China dalam meningkatkan penyertaan wanita dalam pelbagai bidang di peringkat serantau.



The 4th Roundtable Discussion on Human Rights in ASEAN, Bangkok, Thailand, 20 - 21 November 2008

Penyertaan KPWKM bersama dengan negara-negara ASEAN dalam rundingan meja bulat ini telah menyentuh hal-hal berkaitan hak asasi manusia di rantau ASEAN dan meneliti cadangan penubuhan badan hak asasi manusia di ASEAN melalui mekanisma yang digariskan dalam *Vientiane Action Programme (VAP)*.

Mesyuarat Ke-5 Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN bagi Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat dan Mesyuarat Ke-4 Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Campur Tiga bagi Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat, Manila, Filipina, 3 - 4 Disember 2008

Mesyuarat ini telah diwakili oleh delegasi KPWKM bersama-sama sejumlah 50 ahli delegasi Negara anggota ASEAN termasuk Republik Rakyat China dan Jepun. Antara perkara-perkara yang telah dibincangkan dalam mesyuarat ini adalah inisiatif-inisiatif ASEAN dalam menangani masalah penyeludupan dan pemerdagangan manusia, Rangka Kerja mengenai Kebajikan Sosial, Keluarga dan Kependudukan serta status projek-projek yang telah dipersetujui. Mesyuarat juga berpeluang bertukar-tukar pendapat mengenai isu kebajikan sosial dan mencadangkan beberapa langkah untuk menangani masalah sosial.

Di Mesyuarat Ke-4 Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Campur Tiga, projek-projek dalam bidang penjagaan warga emas dan kanak-kanak; pencegahan penyeludupan manusia dan bantuan ke atas mangsa keganasan telah dikenalpasti melalui perkongsian pandangan dan pengalaman dalam meningkatkan taraf hidup kumpulan yang kurang bernasib baik.





DUA HALA

KPWKM telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) Kerjasama dengan tiga (3) buah Negara iaitu Republik Indonesia, Iran dan Mesir dalam bidang pemerkasaan wanita, pembangunan keluarga dan kerjasama sosial. Tujuan utama kerjasama dua hala adalah untuk berkongsi pengetahuan, kepakaran dan amalan terbaik yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

Dalam menentukan bidang kerjasama di bawah MoU dilaksanakan, Kumpulan Kerja Bersama (KKB) Indonesia dan Iran telah bermesyuarat bagi merancang, melaksana dan memantau program yang telah dipersetujui. Pada tahun 2008, sebagai salah satu program di bawah MoU Malaysia-Iran, adalah dengan penganjuran Seminar Bersama Malaysia dan Kerajaan Republik Islam Iran berkenaan HIV/AIDS yang telah diadakan pada 1-2 Disember 2008. Seminar tersebut telah mencetuskan penubuhan satu pasukan kerja Muslim pertama di kalangan pakar kedua-dua buah Negara dan menghasilkan satu kerjasama berterusan melalui pertukaran latihan jangka pendek serta program-program berkaitan pencegahan, rawatan, penjagaan dan khidmat sokongan kepada pesakit HIV/AIDS dan orang awam. Antara program di bawah kerjasama dua hala adalah:

Mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama (KKB) Ke-2 di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) Malaysia dan Republik Islam Iran di Tehran Iran, 16 - 18 Ogos 2008

Mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama (KKB) Malaysia dan Republik Islam Iran yang diadakan pada bulan Ogos 2008. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh Encik Saripuddin bin Kasim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPWKM dan turut dihadiri oleh pegawai kanan Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan. Delegasi Iran diketuai oleh Madam Massumeh Taheri, Pusat untuk Hal Ehwal Wanita dan Keluarga Iran.

Mesyuarat KKB Ke-2 telah membincangkan prestasi dan status pelaksanaan program/aktiviti bagi tahun 2008/2009 untuk mewujudkan peluang perniagaan antara usahawan wanita kedua-dua buah Negara melalui pertukaran lawatan, promosi pelaburan dan penubuhan laman web Malaysia-Iran.



Mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama (KKB) Ke-6 di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) Malaysia dan Republik Indonesia di Kuala Lumpur, 25 - 26 Ogos 2008

Memorandum Persefahaman (MoU) Malaysia-Indonesia dalam bidang pemerkasaan wanita dan pembangunan keluarga yang ditandatangani pada tahun 2002 telah menghasilkan kerjasama erat antara Malaysia dan Indonesia di mana Mesyuarat KKB Ke-6 telah diadakan di Kuala Lumpur.

Datuk Faizah Mohd. Tahir, Ketua Setiausaha KPWKM dan Dr. Ir. Koensatwanto Inpasihardjo, Sekretaris Menteri Negara Pemberdayaan Perempuan Republik Indonesiatelah mengadakan perbincangan untuk mengenal pasti program/ aktiviti seperti latihan dan peningkatan kemahiran keusahawanan bagi pengusaha wanita, program koperasi, bengkel kekeluargaan serta penubuhan laman web Malaysia-Indonesia bagi tempoh 2008/2009.



Seminar Berkenaan HIV/AIDS Antara Malaysia dan Republik Islam Iran di bawah MoU Malaysia-Republik Islam Iran di Kuala Lumpur, 1 - 2 Disember 2008

Seminar "*Approaches to HIV/AIDS: Prevention, Care, Treatment and Support*" telah dianjurkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Iran merupakan salah satu daripada sembilan (9) program yang dipersetujui di bawah MoU Malaysia-Iran Mengenai Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Seminar telah membincangkan perkongsian pengalaman dan amalan terbaik serta persetujuan untuk menubuhkan satu pasukan kerja Muslim pertama di kalangan pakar kedua-dua buah Negara berhubung langkah-langkah pencegahan serta penjagaan pesakit AIDS di kedua-dua buah Negara.

Rundingan Kerjasama Malaysia-Indonesia dalam Kerjasama Hal Ehwal Sosial, 4 Disember 2008, Kuala Lumpur

KPWKM telah mengadakan sesi rundingan dengan pihak Kementerian Hal Ehwal Sosial Republik Indonesia bagi meningkatkan kerjasama antara kedua-dua buah Negara melalui cadangan mewujudkan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Malaysia dan Republik Indonesia dalam Kerjasama Hal Ehwal Sosial.

PERANCANGAN 2009


Tahun 2009 akan lebih mencabar disebabkan kegawatan ekonomi yang dialami di seluruh dunia memerlukan KPWKM menentukan jalinan kerjasama di peringkat antarabangsa dipereratkan untuk manfaat bersama.

Peranan KPWKM untuk menentukan kesaksamaan gender terutama pemerksaan wanita dan perlindungan hak wanita dan kanak-kanak akan diperkukuhkan di peringkat antarabangsa. KPWKM akan mempertingkatkan penglibatan di pertubuhan pelbagai hala untuk mengetengahkan pendirian dan nilai-nilai yang selaras dengan agama dan budaya kita. Peranan pencetus Malaysia di pertubuhan seperti NAM dan OIC yang berkaitan dengan wanita dan kanak-kanak akan dikekalkan bagi menentukan Malaysia dapat berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam pembangunan negara dengan negara anggota lain terutama dalam isu-isu pembangunan wanita dan perlindungan kanak-kanak.

Penglibatan KPWKM dalam Pelan Induk Komuniti Sosio-Budaya (*ASEAN Socio-Cultural Community Blueprint*) akan diberi perhatian khas bagi memastikan pembentukan Komuniti ASEAN menjelang 2015 dicapai. KPWKM juga merancang untuk memberi fokus kepada institusi kekeluargaan dengan cadangan penganjuran forum peringkat pegawai kanan Asia Timur mengenai keluarga pada tahun 2009.

Hubungan kerjasama dua hala akan diperluaskan dengan negara lain iaitu Negara Republik Indonesia dalam bidang hal ehwal sosial dan Negara Oman dalam bidang pembangunan wanita, keluarga dan

sosial. Program kerjasama bagi memenuhi matlamat Memorandum Persefahaman Kerjasama Malaysia-Mesir akan dikenalpasti dan dipersetujui bersama pihak Negara Mesir di Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Kumpulan Kerja Malaysia-Mesir yang dijadualkan di Cairo pada pertengahan tahun 2009.





BAHAGIAN *Pengurusan Sumber Manusia*

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (PSM), bertanggungjawab ke atas 8203 personnel di Kementerian serta Jabatan/Agensi dibawahnya termasuklah urusan pengambilan, pengesahan jawatan, pertukaran, urusan persaraan, kenaikan pangkat, latihan dan pengiktirafan.

Ringkasan perjawatan di Kementerian serta Jabatan/Agensi di bawahnya sehingga 30 Disember 2008 adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 01 Kedudukan Perjawatan Sehingga 30 Disember 2008

Perjawatan	KPWKM	JPW	ISM	NIEW	JKMM	JPOKU	LPPKN	JUMLAH
Pengurusan Tertinggi	4	1	0	0	3	0	1	9
Pengurusan & Profesional	108	50	28	13	506	35	185	925
Sokongan 1	118	86	42	16	3759	224	812	5057
Sokongan 2	38	45	37	4	1448	408	232	2212
Jumlah Perjawatan	268	182	107	33	5716	667	1230	8203
Jumlah Pengisian	248	155	75	29	4915	597	987	7006
Jumlah Kekosongan	20	27	32	4	801	70	243	1197

Seiring dengan matlamat 'Pembangunan Modal Insan' (*human capital development*), pada tahun 2008 Bahagian PSM telah menyediakan Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia. Pelan ini merupakan satu garis panduan dan perancangan menyeluruh Kementerian yang memberi tumpuan kepada pembentukan dan pengukuhan modal insan cemerlang. Pelan ini mengandungi strategi-strategi yang dirancang dan akan dilaksanakan bagi tempoh **lima (5) tahun** mulai tahun 2008 hingga 2012. Pelaksanaan pelan ini juga dijangka mampu meningkatkan lagi prestasi dan mutu sistem penyampaian perkhidmatan awam dalam melaksanakan pengurusan sumber manusia yang menepati kehendak Kementerian.

PENCAPAIAN 2009

Penghargaan/Pengiktirafan

Pencalonan penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang serta Pingat Persekutuan mahupun negeri-negeri merupakan salah satu mekanisme pengiktirafan terhadap jasa serta sumbangan yang diberikan oleh pegawai. Ianya secara tidak langsung dapat meningkatkan moral serta motivasi pegawai. Pada tahun 2008, Y.B. Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah dikurniakan Darjah Kebesaran Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (S.S.A.P) yang membawa gelaran Dato' Sri sempena Hari Keputeraan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada 24 Oktober 2008. Dua (2) orang pegawai KPWKM juga telah menerima anugerah yang membawa gelaran Dato' iaitu Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (D.S.A.P) iaitu Y.Bhg. Dato' Meme Zainal Rashid, Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dan Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P), bagi Y.Bhg. Dato' Aminah Abdul Rahman, Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

Sebagai penghargaan, pengiktirafan dan ucapan terima kasih Kerajaan, khususnya pihak pengurusan KPWKM terhadap prestasi kerja yang baik atas sumbangan yang telah diberikan oleh pegawai dan kakitangan, Majlis Penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang KPWKM Tahun 2008 telah diadakan pada 16 Jun 2008. Seramai 435 orang pegawai dan kakitangan KPWKM dan Jabatan/Agensi dibawahnya telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2007.

Kaunseling/Mentoring

Pada tahun 2008, seramai 24 pegawai dan kakitangan KPWKM telah ditauliahkan sebagai ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAM). Mereka terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan. Sejumlah dua (2) kursus AKRAM telah dilaksanakan, iaitu Kursus Asas Kaunseling Tahap 2 pada 1 hingga 3 Julai 2008 dan Kursus Asas Kaunseling Tahap 3 pada 8 hingga 10 Oktober 2008 yang melibatkan 24 orang peserta.

Sepanjang tahun 2008, ahli AKRAM juga telah menyertai tiga (3) program yang dianjurkan oleh agensi luar iaitu Taklimat AKRAM di Jabatan Perdana Menteri pada 8 Februari 2008 (seorang wakil ahli AKRAM), Majlis Pentauliahkan Ahli AKRAM pada 13 November 2008 (24 ahli AKRAM) dan Konvensyen AKRAM Jabatan Perdana Menteri pada 17 November 2008 (3 ahli AKRAM). Selain daripada itu, seramai 16 ahli AKRAM telah menyertai Kursus *Coaching and Mentoring* anjuran KPWKM pada 1 dan 2 Disember 2008 di Melaka.



**MAJLIS PENTAUHIAHAN
RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM
(AKRAM) KALI KE 4 TAHUN 2008
13 NOVEMBER 2008
PERBADANAN PUTRAJAYA**



Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)

Usaha-usaha meningkatkan kesedaran dan kepentingan pelaksanaan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) di kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian serta Jabatan/Agensi dibawahnya telah mula menampakkan hasil pada tahun 2008. Dengan pengisian pegawai dan kakitangan di Unit HRMIS, modul-modul HRMIS telah dapat dilaksanakan dengan lancar.

Di antara modul tersebut ialah Modul Data Perjawatan, Modul Data Peribadi dan Modul Pengurusan Cuti. Pada tahun 2008 kebanyakan Bahagian/Unit di Kementerian telah mula melaksanakan Modul Pengurusan Cuti menggunakan HRMIS. Pengemaskinian data peribadi pegawai dan kakitangan di Kementerian dalam HRMIS telah mencapai 95%. Dalam perancangan seterusnya, pelaksanaan HRMIS perlu lebih giat pada tahun hadapan terutama di peringkat Jabatan/Agensi di bawah Kementerian.

Laporan Menangani Karenah Birokrasi

Satu usaha penambahbaikan yang dilaporkan oleh Kementerian mengenai Sistem Scan Pro dalam Laporan Pasukan Petugas Menangani Karenah Birokrasi Suku Tahun Ketiga 2008 telah disenaraikan pendek sebagai usaha penambahbaikan berimpak tinggi. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melalui Bahagian Kependudukan telah mula menggunakan perisian Solar ScanPro bagi memasukkan data Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia ke-4 yang telah dijalankan pada tahun 2004.

Dalam kajian ini, sejumlah 32,143 buah buku soalan selidik telah diimbas dengan bantuan sistem ini. Dengan hanya menggunakan lima (5) komputer dan lima (5) mesin pengimbas beserta lima (5) orang penyelidik, kesemua data dalam buku soalan selidik tersebut telah berjaya diimbas dalam tempoh enam (6) bulan.



Peperiksaan Perkhidmatan

Pada tahun 2008, Kementerian telah menguruskan Peperiksaan Perkhidmatan untuk anggota Kementerian Kumpulan Sokongan I bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan. Seramai 56 orang anggota telah menghadiri pelbagai peperiksaan dan ujian untuk Gred N11, Gred N17, Gred W17 dan Gred N27 seperti Ujian Menaip, Trengkas, Peperiksaan Kederasan Menaip, Peperiksaan Undang-Undang, ISAC, KPSL dan Peperiksaan Subjek Utama Gred 17.

Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)

Kementerian juga telah melaksanakan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK), Tahap Kecekapan 1 dan 2 KPWKM Siri 1/2008 bagi anggota Kumpulan Sokongan II pada 27 hingga 31 Oktober 2008. Seramai 55 anggota dari Kementerian, Jabatan Pembangunan Wanita dan Institut Sosial Malaysia telah mengambil PTK bagi Jawatan Pembantu Am Pejabat Gred N1 (25 calon), Pekerja Awam Gred R1 (8 calon) dan Pemandu Kenderaan Gred R3 (22 calon). Semua calon telah berjaya Lulus/Melempi Tahap Kompetensi (Aras III) dan ke atas kecuali seorang Pemandu Kenderaan Gred R3 yang tidak menghadiri sesi temuduga. Jumlah calon yang berjaya Lulus/Melempi Tahap Kompetensi Pada Aras Kecemerlangan (Aras IV) untuk ketiga-tiga skim perkhidmatan adalah seramai 18 orang.

Latihan/Kursus

Pelbagai program latihan di dalam dan luar negara telah dilaksanakan untuk meningkatkan tahap kualiti sikap, pengetahuan dan kemahiran anggota Kementerian. Sepanjang tahun 2008, seramai 3,703 anggota Kementerian serta Jabatan/Agensi dibawahnya telah menghadiri program latihan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Jadual 2 Jenis Latihan Dan Bilangan Peserta Yang Hadir Tahun 2008

BIL.	PROGRAM	JUMLAH PESERTA	BILANGAN PROGRAM
1.	Kursus/Ceramah/Bengkel Dalaman	2,387	58
2.	Kursus Induksi Khusus dan Umum	1,126	12
3.	Kursus Anjuran Jabatan/Agensi	122	53
4.	Kursus Anjuran Swasta	52	16
5.	Kursus/Seminar Luar Negara	16	4
	Jumlah	3,703	143

Untuk memantau dan memastikan anggota di peringkat Kementerian menghadiri kursus sekurang-kurangnya tujuh hari (7) setahun, Rekod Sistem Latihan (Silat) digunakan. Pada tahun seramai 213 orang anggota Kementerian atau 91.81% berjaya mencapai rekod kehadiran bilangan hari berkursus tujuh (7) hari dan ke atas. Daripada 232 orang anggota tetap Kementerian, hanya tiga (3) orang anggota lantikan baru yang tidak menghadiri sebarang kursus kerana mereka hanya melapor diri pada pertengahan bulan Disember 2008. Secara keseluruhan, peratusan anggota Kementerian yang berkursus adalah sebanyak 98.71% dengan minimum bilangan hari berkursus sebanyak dua hari.

Jadual 3 Rekod SILAT Kementerian Tahun 2008

Bilangan Hari Berkursus	Bilangan Anggota Yang Telah Menghadiri Kursus	Peratus (%)	Peratus Kumulatif (%)
7 hari dan ke atas	213	91.81%	91.81%
6 hari	9	3.88%	95.69%
5 hari	1	0.43%	96.12%
4 hari	3	1.29%	97.41%
3 hari	2	0.87%	98.28%
2 hari	1	0.43%	98.71%
1 hari	0	0.00%	98.71%
0 hari	3	1.29%	100.00%
Jumlah Pegawai/Kakitangan Tetap Yang Diambil Kira	232	100%	100%

Setiap tahun Bahagian PSM akan melaksanakan program latihan mengikut perancangan dalam Pelan Operasi Latihan (POL) KPWK M yang diluluskan oleh Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan) Kementerian.

Kursus Jangka Panjang

Selaras dengan dasar latihan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang menggalakkan pembelajaran berterusan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan tahap kompetensi anggotanya, Kementerian telah memperakukan permohonan anggota untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Pada tahun 2008, seramai sepuluh orang anggota Kementerian telah berjaya untuk mengikuti kursus pengajian tinggi di peringkat ijazah kedoktoran (seorang), ijazah sarjana (lima orang), ijazah sarjana muda (dua orang) dan diploma (dua orang). Seramai empat orang anggota Kementerian telah berjaya menamatkan kursus peringkat Diploma.

Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menempatkan seorang Pegawai Hal Ehwal Islam S44 di Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, KPWKM mulai 1 Jun 2008. Pegawai ini dipertanggungjawabkan untuk melaksana dan menyelaraskan program Penerapan Nilai-Nilai Islam (PNI), Pelan Integriti Pengukuhan Awam (PIPA) dan 10 Konsep Pendekatan Islam Hadhari. Di antara program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2008 ialah lapan (8) siri Ceramah Eksekutif, tiga (3) Kursus Bina Insan, Kursus Tasawwur Islam dan Kursus Kefahaman dan Penghayatan Islam.

Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2008

Majlis Jasamu Dikenang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Tahun 2008 diadakan bagi meraikan dan menghargai pesara dan bakal pesara Kementerian. Majlis ini dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 5 Februari 2008. Seramai 144 orang pesara di Kementerian dan Jabatan/Agensi dibawahnya telah diraikan.

Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2004. Tujuan utama MBJ Kementerian diwujudkan adalah sebagai satu saluran dua hala, di mana Pihak Pekerja diberikan saluran untuk berkomunikasi dengan Pihak Pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan pekerja dan organisasi. Sejak ditubuhkan MBJ Kementerian berperanan dalam membincangkan dan menyelesaikan isu-isu penting berkaitan dengan sistem kerja, urusan pentadbiran, kebajikan pekerja dan pengurusan organisasi di Kementerian serta jabatan/agensi. MBJ KPWKM terdiri daripada Pihak Pengurusan Kementerian dan wakil-wakil Pihak Pekerja.

Sehingga kini, bilangan keahlian MBJ KPWKM adalah seramai 30 orang. Pihak Pengurusan terdiri daripada Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) selaku Pengerusi, semua Setiausaha Bahagian dan Ketua Unit. Manakala perwakilan Pihak Pekerja adalah di kalangan pegawai dan kakitangan daripada Gred 44 sehingga Gred 1 yang dipilih secara undian. Kejayaan MBJ KPWKM dalam mengadakan mesyuarat sebanyak empat kali setahun telah mendapat pengiktirafan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bagi tiga tahun berturut-turut iaitu 2005, 2006 dan 2007.

Kajian Mengenai Persekitaran Kerja, KPWKM

Pada tahun 2008, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (PSM) Kementerian dengan bantuan Bahagian Kependudukan, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara telah berjaya menjalankan Kajian Mengenai Persekitaran Kerja di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Berdasarkan kajian itu, didapati bahawa lebih 80 peratus bersetuju dengan kenyataan mereka bangga berkhidmat dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, bermotivasi untuk meneruskan kerjaya sebagai penjawat awam, semangat kecintaan dan kekitaan terhadap perkhidmatan awam tidak luntur

walaupun adanya kritikan-kritikan negatif oleh pelbagai pihak, memperakukan Perkhidmatan Awam sebagai tempat yang baik untuk bertugas dan yakin perkhidmatan awam memberikan sumbangan yang bermakna dalam agenda pembangunan dan kemakmuran negara.

Menerusi kajian tersebut, hampir keseluruhan anggota KPWKM bersetuju bahawa semangat kecintaan (*sheer passion*) terhadap tanggungjawab sebagai penjawat awam perlu dipertingkatkan lagi. Kajian juga mendapati bahawa lebih 80 peratus responden bersetuju bahawa setiap penjawat awam perlu bekerja dengan penuh integriti dan lebih 75 peratus bersetuju bahawa perlakuan mereka dan penjawat awam akan mempunyai kesan ke atas imej KPWKM dan Perkhidmatan Awam.

Lebih daripada 60 peratus responden memberi persetujuan positif terhadap semua kenyataan berkaitan warga organisasi mereka terutama kenyataan bahawa warga organisasi diperlukan kerana sumbangan yang mereka berikan (84.7%) dan kenyataan warga organisasi memahami tugas mereka mempunyai kesan kepada organisasi kerajaan yang lain (73.9%) selain merasakan bahawa jika mereka tidak memberikan perkhidmatan yang terbaik, imej organisasi dan perkhidmatan awam akan terjejas. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa lebih daripada separuh responden mencapai kepuasan dalam kerja mereka.



BAHAGIAN
Khidmat Pengurusan



Bahagian Khidmat Pengurusan bertanggungjawab menyediakan serta memberikan perkhidmatan sokongan yang diperlukan ke arah mencapai visi dan misi Kementerian. Bagi memenuhi objektif dan melaksanakan tanggungjawab tersebut, Bahagian Khidmat Pengurusan dibahagikan kepada empat (4) unit iaitu;

- 1.1** Unit penyelarasan dan keurusetiaan mempunyai tiga (3) unit iaitu Urusetia Majlis Rasmi, Kualiti dan Parlimen. Urusetia Majlis Rasmi berfungsi menyelenggara dan menjadi urus setia dan majlis rasmi kerajaan. Unit Kualiti berfungsi untuk menguruskan *Total Quality Management* (TQM) KPWKM. Unit Parlimen berperanan menyelaraskan hal-hal berkaitan Parlimen meliputi pertanyaan Dewan Rakyat dan Dewan Negara, perbincangan dan penggugutan serta pembentangan Rang Undang-undang.

- 1.2** Unit logistik dan pengurusan aset bertanggungjawab mengurus logistik pejabat dan aset alih kerajaan. Selain itu, unit ini turut menyelenggara rekod harta modal, inventori dan alat tulis. Ia juga bertanggungjawab mengurus perancangan pembelian aset dan harta modal, urusan pelupusan dan kehilangan aset alih kerajaan serta mengurus dan menyelenggara perolehan (stor) KPWKM.

- 1.3** Unit keselamatan dan pentadbiran am bertanggungjawab mengurus kebersihan dan keindahan ruang pejabat, keselamatan fizikal dan dokumen, sistem fail dan surat menyurat serta menyelaraskan penggunaan dan penyelenggaraan kenderaan pejabat serta pengurusan TASKA di tempat kerja.

- 1.4** Unit pusat sumber berfungsi sebagai pusat rujukan berkaitan data dan maklumat serta menjadi pusat sumber interaktif kepada semua warga dan kumpulan sasar Kementerian, Jabatan dan Agensi dalam menyokong pembangunan dan penyelidikan dalam bidang wanita, keluarga dan masyarakat serta membantu ke arah pembudayaan amalan membaca di kalangan warga KPWKM


PENCAPAIAN 2008

Unit Parlimen

Unit Parlimen memainkan peranan yang penting dalam menyelaraskan hal-hal berkaitan Parlimen meliputi pertanyaan-pertanyaan Dewan Rakyat dan Dewan Negara, perbahasan dan penggulungan serta pembentangan Rang Undang-undang.

Sepanjang 2008, KPWKM telah menerima 175 pertanyaan berkaitan kumpulan-kumpulan sasar Kementerian serta inisiatif yang dijalankan oleh Kementerian bagi membantu kebajikan rakyat.

	DEWAN RAKYAT		DEWAN NEGARA		JUMLAH
	LISAN	BUKAN LISAN	LISAN	BUKAN LISAN	
MESYUARAT PERTAMA	11	11	17	2	41
MESYUARAT KEDUA	26	12	28	1	67
MESYUARAT KETIGA	27	12	26	2	67
JUMLAH	64	35	71	5	175



- DEWAN RAKYAT LISAN
- DEWAN RAKYAT BUKAN LISAN
- DEWAN NEGARA LISAN
- DEWAN NEGARA BUKAN LISAN

Dalam menyelaraskan semua pertanyaan yang diterima oleh KPWKM, Unit Parlimen berperanan memastikan kualiti jawapan yang disediakan oleh Bahagian/Jabatan dan Agensi KPWKM terjamin. Untuk itu, proses mendapatkan kelulusan jawapan oleh pengurusan tertinggi KPWKM adalah berdasarkan carta aliran kerja yang telah ditetapkan.

Bagi tahun 2008, sesi perbahasan dan penggulungan, KPWKM telah menerima 78 isu bagi sesi Perbahasan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara meliputi Usul Menjunjung Kasih dan Perbahasan Titah DiRaja 2008 pada Mesyuarat Pertama, Perbahasan Kajian Separuh Penggal RMK-9 pada Mesyuarat Kedua dan Perbahasan Bajet 2008 bagi Mesyuarat Ketiga. Selaras dengan pertambahan komposisi ahli-ahli Dewan daripada pembangkang seramai 82 orang, kebanyakan isu-isu yang dibangkitkan perlu diberikan perhatian secara serius dalam menyediakan maklumbalas bagi setiap isu yang dibangkitkan.

Jadual dibawah menunjukkan ringkasan jumlah isu mengikut Mesyuarat dan Dewan

SESI MESYUARAT	DEWAN RAKYAT	DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA (Perbahasan Titah DiRaja)	14	3
MESYUARAT KEDUA (Perbahasan Kajian Separuh Penggal RMK-9)	24	6
MESYUARAT KETIGA (Perbahasan Bajet 2008)	23	8
JUMLAH	61	17

UNIT PENGURUSAN ASET

Unit ini ditubuhkan untuk memenuhi tanggungjawab dalam melaksanakan tugas sebagai Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan KPWKM. Sepanjang tahun 2008, Unit ini telah melaksanakan pemantauan aset, antaranya:

Pemeriksaan Aset dan Verifikasi Stok

Pasukan Pemeriksa Aset dan Pemverifikasi Stok telah berjaya mengadakan Lawatan Pemeriksaan Aset dan Verifikasi Stok di 62 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) dan 12 Institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.

Pelupusan Aset Alih Kerajaan

Unit Pengurusan Aset telah menguruskan proses permohonan pelupusan Aset Alih Kerajaan bagi lebih kurang empat (4) Institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan satu (1) pelupusan bagi Pusat Sumber KPWKM.

Kehilangan dan Hapus Kira Aset Alih Kerajaan

Sepanjang tahun 2008, terdapat lebih kurang lapan (8) kes kehilangan telah berlaku di beberapa Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan Institusi-institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Laporan Akhir Kehilangan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-30) bagi kesemua kes kehilangan tersebut telah dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia dan telahpun mendapat kelulusan untuk dihapuskan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK)

Bagi tahun 2008, sejumlah empat (4) JKPAK telah diadakan setiap suku tahun iaitu pada 24 Mac 2008, 24 Jun 2008, 19 September 2008, dan 19 Disember 2008.

UNIT PENTADBIRAN


Menara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

Perancang keperluan ruang pejabat Kementerian telah bermula pada awal tahun 2003. Menara KPWKM terletak di Lot 4G11 Precint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Ia mempunyai 39 tingkat setinggi 176m akan menjadi menara tertinggi di Putrajaya kelak. Keluasannya adalah 4693.8 sqm yang boleh menempatkan lebih 1,000 orang pegawai dan kakitangan di 13 Bahagian/Unit di bawah KPWKM dan empat (4) agensi.

Kemudahan lain yang disediakan adalah 475 ruang letak kereta (tiga tingkat bawah tanah), Dewan serbaguna, Bilik VIP, Ruang legar, Taska/Tadika, Kafeteria, Surau, Perpustakaan, Klinik Nur Sejahtera, dan Gym. Pada masa kini, status perkembangan pembinaan Menara KPWKM telah siap 20 peratus. Ia dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2010.

UNIT PENYELARASAN DAN KEURUSETIAAN

Sepanjang 2008, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menganjurkan beberapa majlis rasmi di pelbagai peringkat. Antara Majlis yang telah berjaya dilaksanakan adalah Program Larian Perpaduan Merdeka, Hari Keluarga KPWKM, Majlis Keberangkatan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Sempena Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XIII, Majlis Konvensyen Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Agensi Peringkat Negeri/Daerah/Institusi, Majlis Kesyukuran Dan Sambutan Hari Raya Aidil Fitri, Hari Kualiti KPWKM 2008, Konvensyen Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK), Majlis Perjumpaan/Perhimpunan YB Menteri bersama Warga KPWKM, dan Majlis Lawatan Sekolah-sekolah ke KPWKM.






BAHAGIAN *Pembangunan*

Bahagian Pembangunan, KPWKM telah ditubuhkan pada 1 Mei 2007, yang diketuai oleh Setiausaha Bahagian, Gred M52 dengan jumlah keseluruhan perjawatan seramai 19 orang (lapan (8) pegawai Pengurusan dan Profesional dan 11 kakitangan Sokongan. Sebelum penubuhannya, fungsibahagian ini dilaksanakan oleh Unit Pembangunan yang diletakkan di bawah Bahagian Kewangan KPWKM.

Pada dasarnya, Bahagian Pembangunan bertanggungjawab untuk menyelaras pelaksanaan program-program pembangunan Kementerian yang disenaraikan di bawah Rancangan Lima Tahun Malaysia (RLTM). Secara sistematik, tanggungjawab ini dipecahkan kepada peranan tiga sub-unit di bawahnya iaitu; Unit Penyelarasan dan Pemantauan Projek, Unit Pengurusan Hartanah dan Urusetia dan Unit Teknikal.




PENCAPAIAN 2008

Di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe9), sejumlah 91 buah projek disenaraikan bagi dilaksanakan oleh KPWKM. Daripada jumlah tersebut, hanya lima (5) projek yang terdiri daripada program pembangunan bukan fizikal iaitu dua projek penyelidikan, dua projek pembangunan ICT Kementerian (sistem, *database* dan pembelian peralatan) dan satu projek pembiayaan kerja awal dan perolehan hartanah. Kesemua projek ini merangkumi sejumlah sub-sub projek kecil yang lain. Baki 86 buah projek lagi merupakan projek-projek pembangunan fizikal seperti pembinaan institusi-institusi baru, kerja-kerja naiktaraf institusi sedia ada dan perolehan/ubahsuaai bangunan untuk dijadikan pelbagai jenis kemudahan untuk kegunaan Kementerian.

Bagi pembiayaan pelaksanaan program-program pembangunan ini, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU) telah meluluskan peruntukan sejumlah RM552,000,000 sebagai siling (had) untuk dibelanjakan dalam tempoh lima tahun (5) iaitu dari tahun 2006 hingga 2010. Namun begitu, langkah penyusunan semula siling peruntukan di bawah program Kajian Separuh Penggal (KSP) pada pertengahan tahun 2008 yang lalu menyaksikan pengurangan jumlah kepada RM 487,979,009. Bagi menyesuaikan jumlah peruntukan dengan status semasa pelaksanaan projek di atas, Kementerian telah mengambil tindakan menangguhkan beberapa projek untuk memberi keutamaan kepada projek yang lebih kritikal.

Carta 1

Agihan siling RMKe9 kepada agensi




Siling peruntukan yang diterima ini diagihkan secara berperingkat melalui Belanjawan Tahunan. Penyediaan anggaran keperluan peruntukan untuk dibentangkan dibuat melalui beberapa siri perbincangan Pegawai Pemeriksa Bajet daripada Kementerian Kewangan Malaysia beberapa bulan lebih awal.



Carta 3

Peruntukan Pembangunan yang diterima KPWKM Daripada Tahun 2006 hingga 2009



Program Penyelarasan dan Pemantauan Projek

Bagi memulakan pelaksanaan, Bahagian Pembangunan akan menyelaras penyediaan keperluan-keperluan asas projek iaitu skop kerja, maklumat tapak dan peruntukan (siling) untuk dikemukakan kepada agensi-agensi teknikal dalam format kertas ringkasan.

Sehingga 31 Disember 2008, kesemua projek-projek yang tersenarai telah mempunyai maklumat yang lengkap kecuali dua buah projek yang baru iaitu; Pembelian Pejabat dan Klinik Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Johor Bahru dan Pembelian Klinik LPPKN Batu Pahat. Tapak bagi kedua-dua projek ini telah dikenalpasti. Berikut nilai

siling yang sangat terbatas, projek ini dijangka perlu digugurkan daripada senarai dan akan dibiaya di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE II) yang akan dibentangkan di Parlimen pada Mac 2009 akan datang.

40% daripada projek yang disenaraikan telah berjaya disiapkan dan sejumlah besar lagi samada sedang atau akan dilaksanakan dalam tempoh yang terdekat. Tujuh (7) buah projek yang masih dalam peringkat rekabentuk dijangka akan dimulakan pada tahun 2010 dan berkemungkinan besar akan disenaraikan bersama lima (5) buah lagi projek yang ditangguhkan sebagai projek sambungan di bawah Rancangan Malaysia KeSepuluh (RMKe10). Di samping itu, Bahagian Pembangunan juga terlibat dalam program pemantauan projek yang dilaksanakan oleh Kementerian. Ini bagi memastikan projek-projek berjalan mengikut perancangan.

Jadual 1

Ringkasan Status Pelaksanaan Projek RMKe9


	JPW	LPPKN	JKMM	KPWKM	JUMLAH
Rancang	0	2	0	0	2
R/Bentuk	0	1	5	1	7
Perolehan	2	1	8	0	11
Laksana	1	4	21	3	29
Siap	5	5	25	2	37
Tangguh	0	1	4	0	5
JUMLAH	8	14	63	6	91

Program Pengurusan Bajet

Pada tahun 2008, Kementerian telah menerima peruntukan pembangunan berjumlah RM118,325,010. Peruntukan ini telah diagihkan kepada agensi-agensi pelaksana projek-projek Kementerian dalam bentuk waran peruntukan selain pembayaran secara langsung bagi projek-projek yang dilaksanakan sendiri oleh Kementerian.

Carta 2

Agihan waran pada tahun 2008 (RM juta)



Sehingga 31 Disember 2008, waran berjumlah RM 114,496,106 telah dihantar secara berpeingkat dengan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya sebagai penerima tertinggi iaitu RM 52.67 juta. Laporan perbelanjaan muktamad bagi tahun 2008 yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara menunjukkan pencapaian perbelanjaan sebanyak RM 110,329,965 atau 93.24% daripada jumlah peruntukan diterima.

Program Pelaporan

Selain daripada penyediaan laporan yang akan dibentangkan setiap kali Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan, Bahagian Pembangunan turut bertanggungjawab mengemaskini maklumat-maklumat projek dalam Sistem Pemantauan Projek (SPP II) yang diselarasakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU). Kementerian telah mencapai peratusan sempurna (100%) dalam pengisian maklumat projek di ketiga-tiga medan am, aktiviti dan kewangan di sepanjang tahun 2008.

Program Pengurusan Hartanah dan Urusetia

Aktiviti yang dijalankan menerusi program pengurusan hartanah adalah perolehan hartanah. Dimana dalam perolehan hartanah ini, Bahagian Pembangunan bertanggungjawab untuk menguruskan perolehan tapak ke semua projek yang disenaraikan di bawah RMKe9. Bagi tahun 2008, Bahagian Pembangunan telah terlibat dalam urusan pampasan (pengambilan tanah), saguhati (setinggalan) dan pembelian (syarikat atau orang perseorangan). Dengan nilai peruntukan yang terhad serta pelbagai isu prosedur perolehan yang timbul, hanya lima (5) urusan perolehan hartanah telah diselesaikan.

Di samping itu juga, Bahagian Pembangunan sedang dalam usaha untuk menjilidkan rekod-rekod hakmilik kesemua hartanah milik Kementerian. Proses pengumpulan dokumen telah mencapai 85% pada tahun 2008 dan dijangka akan dapat dilengkapkan pada tahun ini dengan muktamadnya urusan perolehan hartanah-hartanah yang belum selesai. Pada masa yang sama, Bahagian ini turut bertanggungjawab mengemaskini rekod aset tidak alih Kementerian dalam sistem e-Senggara. Prestasi pengemaskinian rekod dan daftar dalam sistem ini yang dibuat pada setiap bulan mencapai tahap 100%.

Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan


Sebagai urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (MJTP), Bahagian Pembangunan turut bertanggungjawab menyediakan buku laporan prestasi pelaksanaan RMKe9 untuk dibentangkan semasa mesyuarat. Sebanyak sepuluh (10) sesi MJTP telah dianjurkan pada tahun 2008 termasuk program lawatan yang diadakan di luar pejabat bagi memberi gambaran lebih jelas status pelaksanaan kepada ahli-ahli jawatankuasa.

Program Teknikal

Bahagian Pembangunan turut terlibat secara khusus dalam program teknikal bagi membantu mengurangkan kebergantungan Kementerian kepada Jabatan Kerja Raya. Antara projek-projek yang terlibat ialah:-

- i. Pembinaan Rumah Seri Kenangan Cheras, Selangor
- ii. Pembinaan Rumah Kanak-kanak Penor, Pahang
- iii. Pembinaan Pusat Kesejahteraan Keluarga Seremban, Negeri Sembilan

Dengan cara ini, Kementerian akan berupaya memberi sepenuh perhatian terhadap aspek-aspek penyediaan skop kerja, lantikan kontraktor/perunding, rekabentuk bangunan dan pengurusan kewangan projek.






BAHAGIAN *Pengurusan Maklumat*

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) di (KPWKM) bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan ICT bagi KPWKM dan agensi di bawahnya.

Di awal penubuhan Kementerian, Bahagian ini dikenali sebagai Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) di mana Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah memperakukan perubahan nama BTM kepada BPM berkuat kuasa 15 Ogos 2008 melalui surat no. ruj. JPA(S)BPO 253/2/8-66 Klt. 11 (29) yang bertarikh 27 Ogos 2008. Ini merupakan salah satu inisiatif perubahan sektor awam ke arah pemodenan dan peningkatan penyampaian perkhidmatan untuk meningkatkan lagi *accessibility*, kemudahan dan kualiti interaksi antara Kerajaan dengan sektor swasta serta masyarakat umum.





Kini BPM mempunyai kakitangan seramai 23 orang yang diketuai oleh Pengurus BPM dan dibantu oleh tiga unit iaitu Unit E-Masyarakat (E-Masyarakat), Unit Pembangunan dan Penyenggaraan Sistem (PPS) dan Unit Operasi dan Rangkaian (OR). Objektif BPM adalah untuk meningkatkan tahap kepuasan pelanggan ("*customer satisfaction*") dan kualiti IT KPWKM melalui:

- Penumpuan terhadap produktiviti dan perkembangan (*growth*); dan
- Peningkatan "*value creation*" BPM yang cekap dan inovatif.

Fungsi utama BPM adalah untuk:

- Memastikan pengurusan ICT Kementerian dan Jabatan/agensi berjalan dengan cekap dan berkesan;
- Membangun dan menyenggara sistem dan aplikasi; dan
- Memastikan operasi dan penyelenggaraan sistem ICT serta keselamatan rangkaian berjalan dengan baik dan *reliable*.

PENCAPAIAN 2008

Kajian Semula Pelan Strategik Teknologi Maklumat (ISP) KPWKM

ISP KPWKM telah dibangunkan pada tahun 2005 yang meliputi KPWKM dan agensi-agensinya di bawahnya yang terpakai bagi tempoh lima tahun bermula 2006 hingga 2010 seiring dengan perancangan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9).

Kajian semula diperlukan memandangkan terdapat penambahan bahagian serta agensi baru KPWKM seperti NAM Institute For The Empowerment of Women (NIEW) dan juga perlu mengambil kira keperluan baru mengikut perancangan strategik KPWKM dan perancangan strategik Pengurusan Sumber Manusia.

Kajian Semula ISP KPWKM telah dilaksanakan oleh Pasukan Teras Kepakaran ICT, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bermula pada Ogos 2008 di mana beberapa sesi temubual dengan pengurusan tertinggi KPWKM dan agensi telah diadakan di samping mengadakan lawatan ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) dan institusi kebajikan yang telah dikenalpasti.

E-JKM

E-JKM merupakan projek perintis e-Masyarakat yang bertujuan untuk meningkatkan tahap kesediaan ICT Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) yang mana ianya akan melibatkan pembangunan infrastruktur dan perkakasan/perisian ICT JKMM.

Sejumlah 22 perkhidmatan JKMM yang telah dikenalpasti (masih dijalankan secara manual) akan ditukar kepada prosesan secara elektronik dan dijadikan sebagai modul-modul di dalam Aplikasi e-JKM.


Pembangunan e-JKM telah dimulakan pada Januari 2008 dan dijangka selesai dalam tempoh 18 bulan. Antara aktiviti yang terlibat dalam pembangunan e-JKM ialah pembangunan data pusat JKMM, pembangunan aplikasi, program kesedaran, data migrasi, latihan serta perpindahan teknologi.

Talian Nur KPWKM

Talian Nur KPWKM telah dilancarkan pada 5 Disember 2007 oleh Y.A.B. Perdana Menteri di mana perkhidmatan ini bertindak sebagai *single point of contact* kepada semua pelanggan KPWKM dan jabatan/agensi untuk mengemukakan pertanyaan, aduan atau permohonan. Ini membolehkan capaian maklumat perkhidmatan melalui panggilan telefon dilakukan secara konsisten dan pada bila-bila masa (24 jam x 7 hari seminggu) dan seterusnya meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar.

Jadual 1

Statistik Talian Nur KPWKM bermula 5 Dis 2007 - 31 Dis 2008




BIL.	PROGRAM	BIL. PANGGILAN
1.	KPWKM	4967
2.	JKMM	7039
3.	JPW	345
4.	LPPKN	1939
5.	ISM	1
6.	NIEW	1
7.	PTP **	61159
	Jumlah	75451

** PTP – Panggilan tidak produktif seperti silent call dan crank call

Jadual 2

Statistik Panggilan Talian Nur KPWKM Yang Dimajukan kepada JKMM bermula 5 Dis 2007 - 31 Dis 2008



KATEGORI	BIL. KES	PERATUS (%)
OKU	75	5.91
KK	248	19.54
WTK	313	24.67
EB	600	47.28
KAUNSELING	27	2.13
PA	6	0.47
Jumlah Keseluruhan	1269	100

Petunjuk:

OKU	- Orang Kurang Upaya
KK	- Kanak-Kanak
WTK	- Warga Tua dan Keluarga
EB	- Sosio Ekonomi dan Bantuan
PA	- Perundangan dan Advokasi
KAUNSELING	- Kaunseling dan Psikologi

Laman Web Rasmi KPWKM

Laman Web Rasmi KPWKM sedang dilengkapi dengan ciri-ciri *Web Accessibility* (W3C) selaras dengan Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2006: Pengurusan Laman Web/Portal Sektor Awam yang dikeluarkan oleh MAMPU. Ciri *Web Accessibility* (W3C) memudahkan capaian laman web untuk kepada orang yang tidak berkemampuan atau orang kurang upaya (OKU). Antara ciri-ciri yang telah dibangunkan oleh BPM adalah panduan pengguna untuk mendapatkan kemudahan *screen reader* dan *RSS Feed*. BPM akan meneruskan pembangunan ciri-ciri W3C yang lain seperti membesarkan saiz tulisan dan menyediakan pilihan warna untuk golongan yang kurang jelas penglihatan.

SMS Bencana Alert

SMS Bencana *Alert* adalah bertujuan untuk menyediakan satu saluran penyampaian maklumat bencana yang cepat dan sistematik kepada Kementerian dan agensi khususnya JKMM. Ini adalah untuk memudahkan *stakeholder* dan pihak bertanggungjawab merancang dan mengambil tindakan susulan untuk menghadapi bencana yang bakal atau telah menimpa di samping mewujudkan budaya proaktif dalam penyampaian maklumat awal bencana. Projek ini kini digunakan sepenuhnya oleh JKMM, JKMN dan PKMD di seluruh negara.

Perolehan Perkakasan dan Perisian ICT

Pada tahun 2008, Kementerian telah membeli 514 unit komputer yang disewa setelah tamat tempoh sewaan pada November 2008. Langkah ini diambil memandangkan komputer-komputer tersebut masih dalam berkeadaan baik untuk digunakan. Pada masa yang sama, BPM telah membuat perolehan perkakasan ICT yang baru berikutan kemasukan pegawai baru, kerosakan perkakasan dan

perkakasan yang telah menjangkau jangka hayat dan perlu dilupuskan. Perolehan ini adalah untuk menampung kekurangan serta keperluan semasa pengguna, pembangunan dan penyenggaraan sistem serta keselamatan ICT.

PERANCANGAN 2009

Kad Jaringan Keselamatan Sosial (JKsM)

Dengan sistem e-Bantuan sedia ada JKMM telah dapat mengumpul maklumat penerima bantuan bermula dari proses permohonan bantuan, siasatan sehinggalah kepada memberi kelulusan bagi permohonan bantuan. Bayaran bantuan pula dibuat dalam pelbagai kaedah sama ada disalurkan melalui institusi kewangan atau membuat bayaran secara tunai kepada penerima bantuan.

Penerima bantuan akan diberikan kad yang dipanggil Kad Jaringan Keselamatan Sosial (JKsM). Kad ini akan memberi faedah dan amat sesuai digunakan memandangkan bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan boleh dikawal serta dapat meminimumkan penyalahgunaan bantuan Kerajaan.

Kad ini juga dapat memberikan satu identiti yang unik kepada semua penerima bantuan. Ianya disediakan dengan ciri keselamatan yang tinggi iaitu *chip-based card* serta pengumpulan maklumat menjadi lebih selamat dan terpelihara. Agihan kad kepada penerima bantuan dapat dikawal dan dipantau dengan cara yang lebih telus serta dapat menjamin penyalahgunaan kad tersebut.

Untuk jangka masa panjang, Kad JKsM akan diperluaskan penggunaannya dalam memberi pelbagai kemudahan seperti baucer makanan, wang bantuan dan lain-lain keistimewaan yang akan dimasukkan ke dalam kad JKsM ini untuk kegunaan penerima bantuan.

Secara tidak langsung, ia dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan yang sememangnya selaras dengan Transformasi Sosial Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM).

Penaiktarafan Laman Web

Laman web merupakan salah satu saluran bagi menyampaikan maklumat perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kementerian kepada orang ramai. Laman web KPWKM akan dinaik taraf dengan ciri-ciri W3C dan beberapa sub laman web akan dibangunkan seperti Laman Web PUSPANITA KPWKM, Majlis Bersama Jabatan (MBJ) KPWKM, Kelab Sukan Dan Kebajikan (KESKEB) KPWKM dan laman web kerjasama di antara Kementerian dan negara-negara lain.

Ciri-ciri W3C akan dapat membantu golongan orang kurang upaya dari segi penglihatan mendapatkan maklumat melalui laman web sejajar dengan saranan kerajaan di dalam memberi dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar melalui pelbagai kaedah.

BPM bercadang untuk mengadakan bengkel latihan pembangunan laman web bercirikan W3C yang akan memberi ilmu pengetahuan dan kemahiran personel ICT dalam pembangunan aplikasi ini. Latihan ini akan diberikan kepada semua pegawai ICT kementerian dan agensi di bawahnya yang terlibat di dalam pembangunan laman web. Latihan ini akan dikendalikan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB).

e-Khasnita Fasa 2

Pada masa ini, e-Khasnita telah dibangunkan bagi tujuan pendaftaran dan pengagihan bantuan khas perbendaharaan kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang menerima bantuan tersebut melalui JKMM, JPW dan LPPKN.

e-Khasnita akan dinaik taraf dengan pertambahan modul pemantauan yang merupakan sistem pengurusan dan pemantauan maklumat dan aktiviti NGO yang menerima bantuan tersebut. Modul ini akan membantu dalam proses pengagihan Bantuan Khas Perbendaharaan kepada NGO dengan menyediakan maklumat terkini di mana NGO boleh mencapai sistem yang bercirikan web ini untuk mengemaskini maklumat persatuan, projek, kewangan dan sebagainya.



UNIT *Audit Dalam*

Unit Audit Dalam, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (UAD KPWKM) telah ditubuhkan pada 30 Januari 2001 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1979 dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha KPWKM.

Peranan dan tanggungjawab UAD, kemudiannya dimantapkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004, *Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian /Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri*. UAD menjalankan pengauditan secara bebas dan melaporkan hasil pengauditan kepada Ketua Setiausaha KPWKM dengan memberi pendapat terhadap keutuhan pelaksanaan Pengurusan Kewangan.

UAD KPWKM diberi kuasa menjalankan pengauditan terhadap program/aktiviti Kementerian, peringkat negeri dan seluruh agensi dibawahnya seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Institut Sosial Malaysia (ISM) dan 80 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah kawalan Kementerian.

Usaha untuk mempertingkatkan dan memantapkan pematuhan pengurusan kewangan Kementerian dan agensi dibawahnya adalah secara berterusan melalui Rancangan Pengauditan Tahunan. Selain daripada berfungsi secara bebas, UAD memberi kepastian dan khidmat perundingan kepada semua auditi melalui ceramah dan bengkel bagi mempertingkatkan tahap kecekapan, keberkesanan dan perbelanjaan yang berhemah serta berekonomi.

Sehubungan itu, UAD sentiasa membantu Kementerian untuk mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik melalui kaedah penilaian dan keberkesanan pelaksanaan kawalan dalaman dan tadbir urus yang sempurna. UAD juga merupakan satu sendi atau *cornerstone* kepada tadbir urus Kementerian. UAD sentiasa memastikan Kementerian mengamalkan akauntabiliti dan integriti, penambahbaikan prosedur kerja, penerapan keyakinan di kalangan *stakeholders* dan penggunaan sumber awam secara efektif.



INDEKS AKAUNTABILITI

Tujuan pelaksanaan Indeks Akauntabiliti (AI) adalah untuk menanda aras tahap pengurusan kewangan sesebuah Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan agar dapat dijadikan benchmark dan seterusnya dapat merangka penambahbaikan ke arah pencapaian kecemerlangan pelaksanaan pengurusan kewangan.

Taklimat AI telah dapat dilaksanakan pada 27 dan 28 Oktober 2008 di *Air Keroh D' Village Resort, Melaka* untuk pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita, Institut Sosial Malaysia dan *NAM Institute of Empowerment Women*. Pendedahan dan kefahaman tentang pengauditan AI telah dikongsi bersama oleh Jabatan Audit Negara dan KUAD KPWKM. Majlis telah disempurnakan oleh YBrs. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPWKM. Hasil daripada taklimat tersebut, Pelan Tindakan telah disediakan untuk meningkatkan tahap penarafan *Star Rating* Kementerian seperti berikut:

- Penubuhan *Task Force* di semua peringkat bagi memantau pematuhan peraturan kewangan yang ditetapkan
- Membudayakan AI dalam pengurusan peringkat Ibu Pejabat dan Negeri
- Menjadikan AI sebagai sebahagian daripada agenda tetap dalam mesyuarat pengurusan
- Menjadikan AI dan *Star Rating* (SSR) sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) pada peringkat Setiausaha Bahagian
- Mengisi jawatan W17 dan N17 bagi membolehkan beban tugas pengurusan kewangan dan pentadbiran di JKM dan seterusnya meningkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan dan pentadbiran jabatan
- Mewujudkan jawatan Akauntan serta pengambilan pegawai yang kompeten dalam teknologi maklumat di JKM
- Memastikan semua pegawai kanan yang terlibat menghadiri *Exit Conference* dengan Jabatan Audit Negara supaya dapat memberikan penjelasan yang tepat bagi setiap teguran Audit; dan
- Mengamalkan budaya '*Membetulkan Yang Biasa dan Membiasakan Yang Betul*'

PENDOKUMENTASIAN ISU

Sepanjang tahun 2008, UAD telah mendokumenkan sebahagian daripada terhadap isu-isu dan pertanyaan yang dibangkitkan oleh auditi sebagai panduan pembaca Laporan ini seperti berikut:

BIL	PERKARA	PANDANGAN DAN PENDAPAT AUDIT
(i)	<p>Kelulusan bantuan kepada permohonan melalui Projek Cari.</p> <ul style="list-style-type: none"> Kelulusan dibuat tanpa siasatan dijalankan ke rumah klien oleh Pegawai Jabatan 	<ul style="list-style-type: none"> Kawalan Dalaman perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali untuk menyelidik ketelusan permohonan sebelum diluluskan Setiap urusan pengurusan kewangan wajib <i>accountable</i> dengan menentukan setiap wang dibelanjakan bagi mencapai maksud ianya diperuntukkan di bawah anggaran Peraturan telah sedia ada didokumenkan dalam MS ISO 9000: JKM: Pengurusan Bantuan Kebajikan di JKM. Hanya JKM tidak lagi mematuhi ekoran keputusan pembayaran secara tunai oleh Kabinet
(ii)	<p>Pemberian dan penerimaan hadiah dalam perkhidmatan awam - Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/1998 – Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah di Dalam Perkhidmatan Awam</p>	<p>Samada perlu dilaporkan atau tidak kepada Ketua Jabatan</p> <ul style="list-style-type: none"> Jika nilainya melebihi $\frac{1}{4}$ emolumen bulanan atau RM500, yang mana terendah – perlu dilapor kepada Ketua Jabatan Jika nilainya tidak melebihi $\frac{1}{4}$ emolumen bulanan atau RM500, tidak perlu lapor kepada Ketua Jabatan
(iii)	<ul style="list-style-type: none"> Pekeliling Pentadbiran Bil. 1/2008 – Perlaksanaan Kawalan Dalaman di Bahagian / Unit / PTJ Pekeliling Pentadbiran Bil. 2/2008 – Senarai Semak Indeks Akauntabiliti 	<p>Panduan persediaan auditi terhadap pengauditan Indeks Akauntabiliti</p>

BIL	PERKARA	PANDANGAN DAN PENDAPAT AUDIT
(iv)	<p>Perbincangan dalam Mesyuarat MBJ dan Mesyuarat Pagi Bil. 7/2008 – Arahan Perbendaharaan 170 (i) dan (ii)</p> <p>Arahan Perbendaharaan 169.1</p>	<p>Menentukan seorang pembekal untuk membekalkan makanan dan minuman bagi mesyuarat sepanjang tahun - Boleh dilakukan melalui sebutharga dengan syarat Kementerian dapat menyediakan senarai tarikh mesyuarat sepanjang tahun. Kos melebihi RM50,000 dan kurang dari RM200,000.</p> <p>Rasionalnya:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak perlu membuat pesanan setiap kali perkhidmatan diperlukan dan tidak mengalami tekanan kenaikan harga barang • Kerugian kepada pembekal sekiranya berlaku kenaikan harga barang <p>Keperluan kajian pasaran dan analisis pembekal oleh Kementerian untuk disalurkan kepada Bahagian Kewangan untuk tindakan perolehan - Kajian pasaran patut dilakukan oleh bahagian perolehan dengan maklumat daripada pengguna yang membuat permohonan. Maklumat kemudiannya akan diserahkan kepada bahagian kewangan untuk tindakan seterusnya</p>
(v)	<p>Nota makluman – Pindaan Arahan Perbendaharaan dan Peranan JPKA</p>	<p>Makluman Arahan Perbendaharaan (Pindaan) dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10/2008</p>
(vi)	<p>Memberi ceramah dalam Bengkel Indeks Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan JPW di Pulau Pinang</p>	<p>Persediaan dalam menghadapi pengauditan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara</p>


PENCAPAIAN 2008

Pengauditan Pengurusan Kewangan

Pengauditan Pengurusan Kewangan meliputi aspek-aspek pematuhan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan bagi pengukuhan sistem Kawalan Dalaman pengurusan kewangan. Bagi bilangan (i), (ii) dan (iv), pencapaian adalah kurang daripada sasaran kerana telah digantikan dengan aktiviti susulan pengauditan tahun sebelumnya.

PERANCANGAN - PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

BIL	PERANCANGAN - PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN	SASARAN	PENCAPAIAN (MELALUI BILANGAN LAPORAN YANG DIKELUARKAN)
(i)	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	5	3
(ii)	Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)	6	3
(iii)	Pengauditan Khusus	2	2
(iv)	NIEW	1	0



Pengauditan Siasatan

Pengauditan ini merangkumi aktiviti khusus untuk memberi pendapat terhadap pematuhan pengurusan kewangan melalui aduan yang diterima. Jadual berikut menunjukkan pencapaian aktiviti yang telah dapat disempurnakan pada tahun 2008.

BIL	PENGAUDITAN KHAS	PENCAPAIAN
(i)	PKMD Raub	Laporan telah dikeluarkan (September 2008)
(ii)	Pengauditan di Kementerian - Pengurusan Tender dan Sebutarga	Laporan telah dikeluarkan (September 2008)
(iii)	Pengauditan di Kementerian - Bil - bil Tertunggak dan Lewat Dibayar	Nota Makluman telah dikeluarkan (November 2008)
(iv)	PPWN Perlis	Laporan telah dikeluarkan (Disember 2008)
(v)	JKMN Johor	Laporan telah dikeluarkan (Disember 2008)

Pengauditan Prestasi

Pengauditan prestasi adalah menjurus kepada pelaksanaan Program dan Aktiviti Kementerian dan agensi dibawahnya dengan menilai pelaksanaannya dari aspek *economy, efficiency & effectiveness*. Bagi tempoh tahun 2008, tiga (3) kajian yang dirancang telah dapat dilaksanakan sepenuhnya seperti berikut :-

BIL	PERANCANGAN PENGAUDITAN PRESTASI	SASARAN	PENCAPAIAN (MELALUI BILANGAN LAPORAN YANG DIKELUARKAN)
1	Kajian Pengurusan Akaun Lembaga Pelawat	6	6
2	Kajian Pengurusan Pemberian Bantuan Elaun Pekerja Cacat (EPC)	3	3
3	Kajian Pengurusan Aset Alih Kerajaan	10	10

Perancangan pengauditan pengurusan kewangan telah dikurangkan setelah mendapat kelulusan Ketua Setiausaha Kementerian kerana telah digantikan dengan aktiviti pemantapan pelaksanaan pengurusan kewangan peringkat Kementerian dan PTJ. Pencapaiannya adalah seperti berikut:

BIL	AKTIVITI TAMBAHAN	PENCAPAIAN
(i)	Penyediaan Perancangan Strategik	Disiapkan pada bulan September 2008 dan diluluskan oleh KSU pada 4 September 2008
(ii)	Panduan Pelaksanaan Kawalan Dalaman di Jabatan / Bahagian / Unit / PTJ	Edaran Pekeliling Pentadbiran Bilangan 1 Tahun 2008
(iii)	Penyediaan Senarai Semak Pengauditan meliputi Indeks Akauntabiliti dan <i>Star Rating</i>	Edaran Pekeliling Pentadbiran Bilangan 2 Tahun 2008
(iv)	Taklimat Indeks Akauntabiliti kepada Pegawai-pegawai kanan	Diadakan pada 27 dan 28 Oktober 2008




UNIT

Media Dan Komunikasi Korporat

Unit Perhubungan Awam pada mulanya bernaung di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan sehingga rombakan kabinet pada 2004. Selepas itu, unit ini dikenali sebagai Unit Media dan Komunikasi Korporat (UMKK) dengan perjawatan yang diluluskan seramai sepuluh (10) orang.

Penubuhan unit ini bertujuan untuk memelihara dan meningkatkan imej positif Kementerian melalui strategi perhubungan awam (PR) yang teratur serta memastikan penyebaran maklumat dan mesej sampai kepada khalayak sasaran melalui medium perhubungan awam. Dengan penubuhan UMKK, ia bertanggungjawab dalam mewujudkan strategik komunikasi yang berkesan menerusi pendekatan program perhubungan awam melibatkan kumpulan sasaran Kementerian dan juga masyarakat.

Selain itu, UMKK juga terlibat dalam urusan merancang dan menyelaras publisti, promosi Kementerian serta pengurusan media, menyelaras program khidmat pelanggan menerusi aktiviti Hari Bersama Pelanggan, Urusetia Mesyuarat Koordinasi Media, Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aduan dan Tinjauan Kepuasan Pelanggan dan Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk KSU.



PENCAPAIAN 2008

i. Pengurusan Media

Sepanjang tahun 2008, sebanyak 80 jemputan telah dikeluarkan kepada Ketua Pengarang untuk membuat liputan yang melibatkan YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan program serta aktiviti tahunan Kementerian dan juga Jabatan di bawah KPWK. Di samping itu sejumlah sepuluh 10 kenyataan media telah disediakan bagi pihak YB Menteri.

ii. Program Hari Bersama Pelanggan

Hari Bersama Pelanggan (HBP) diadakan pada setiap bulan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjalinkan hubungan erat dengan masyarakat umum terutamanya kumpulan sasar Kementerian. Melalui program ini Kementerian dapat mendekati kumpulan sasar yang memerlukan bantuan serta dapat meningkatkan perkhidmatan Kementerian dan Agensi dibawahnya menerusi maklumbalas yang diberikan oleh pelanggan.

Pada tahun 2008, HBP telah dilaksanakan sebanyak 12 kali di seluruh Malaysia. Pelbagai aktiviti menarik telah dilaksanakan sepanjang program berlangsung antaranya Pameran Kementerian dan Agensi dibawahnya serta Agensi swasta dan NGO, Kaunter Pendaftaran OKU, Pemeriksaan Kesihatan Pertandingan Melukis dan Mewarna Kanak-kanak dari Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, Persembahan Tarian Kanak-kanak OKU, Sesi Kaunseling serta Kuiz untuk pengunjung.

Antara lokasi HBP adalah Lembah Pantai, Kuala Lumpur; Penang International Spot Arena, Pulau Pinang; Sekolah Menengah Kebangsaan Danau Kota; The Summit Batu Pahat, Johor; Dataran Raub, Pahang; Dataran Tonggak 10, Sungai Besar, Selangor; Melaka Mall, Melaka; Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur; Dataran Merdeka, Kuala Lumpur; Terminal One, Seremban; Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan, Bangi, Selangor; dan Central Square, Sungai Petani, Kedah.

iii. Penerbitan Bahan-bahan Promosi

UMKK telah menerbitkan penerbitan Coffee Table Book dalam usaha menyebarkan maklumat ilmiah kepada kumpulan sasar iaitu Women In Government dan Journey Of The Heart. Daripada semasa ke semasa unit ini juga turut menerbitkan risalah-risalah berkaitan perkhidmatan yang disediakan oleh kementerian dan agensi di bawah KPWK.

iv. Mesyuarat Pengurusan Aduan Awam dan Kepuasan Hati Pelanggan

Dalam mencapai hasrat KPWK untuk menjadi salah satu Kementerian yang terbaik, UMKK begitu komited dalam usaha-usaha untuk penambahbaikan yang berterusan bagi memastikan kepuasan pelanggan terjamin. Dalam mencapai ke arah ini, UMKK akan memastikan segala aduan, cadangan, komen, permintaan, syor serta pandangan diberikan perhatian yang serius dan sentiasa diberikan perhatian agar dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik buat pelanggan KPWK. Mesyuarat telah diadakan sebanyak tiga (3) kali dan sepanjang tahun 2008.

v. Urus Setia Mesyuarat Koordinasi Media

Mesyuarat Koordinasi Media telah diadakan sebanyak tujuh (7) kali sepanjang tahun 2008. Mesyuarat ini dihadiri oleh Pegawai Perhubungan Awam Kementerian dan Pegawai Perhubungan Awam Agensi dibawahnya yang bertujuan untuk membincangkan segala aktiviti yang hendak dilaksanakan secara bersepadu.

vi. **Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan**

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBhg Datuk KSU ini ditubuhkan untuk memastikan segala bahan penerbitan yang hendak diterbitkan adalah yang berkualiti serta memenuhi kriteria agar informasi yang diberikan dapat diseragamkan serta memberi manfaat kepada pengguna. Mesyuarat ini telah bersidang sebanyak empat (4) kali.





UNIT

Urus Setia Lembaga Kaunselor

Sesuai dengan perkembangan pesat yang berlaku dalam masyarakat Malaysia, profesion kaunseling memerlukan suatu pengawalan yang diiktiraf dengan akta yang tersendiri.

Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) memberikan kuasa secara sah ke atas pengawalseliaan perkhidmatan kaunselor serta semua aktiviti kaunseling di Malaysia. Akta Kaunselor ini telah diwartakan pada bulan Mac 1998. Semenjak tarikh tersebut, Lembaga Kaunselor telah ditubuhkan (mengikut peraturan undang-undang Malaysia) bertujuan bagi memastikan pelaksanaan Akta Kaunselor 1998 (Akta 580). Lembaga Kaunselor dianggotai oleh seorang Presiden yang dilantik dari kalangan Kaunselor Berdaftar dan 13 orang ahli lain dengan persetujuan YB Menteri KPWKM.

Unit berperanan untuk memartabatkan profesion kaunselor dan perkhidmatan kaunseling yang dapat memberikan sumbangan kepada individu, masyarakat dan negara melalui perkhidmatan kaunseling yang mempunyai tahap piawaian selaras dengan keperluan negara; memastikan perkhidmatan kaunseling dilaksanakan mengikut tahap kualiti dan kaedah yang betul; memastikan semua perkhidmatan kaunseling dilaksanakan oleh kaunselor yang berkelayakan dan bertauliah mengikut peraturan dan undang-undang sedia ada.

PERKHIDMATAN TERAS

DASAR

Seksyen 12 (b)

Menilai keperluan perkhidmatan kaunseling di Malaysia

Seksyen 12 (f)

Membuat syor kepada kerajaan berhubung dengan standard perkhidmatan kaunseling.

Seksyen 12 (d)

Menentukan kelayakan yang melayakkan seseorang didaftarkan di bawah Akta Kaunselor 1998

Seksyen 12 (e)

Menentukan standard latihan kaunseling;

PEMANTAUAN DAN PENGAWALSELIAAN

Seksyen 12 (a)

Menyelia perkhidmatan kaunseling

Seksyen 12 (h)

Mengawal selia fi yang boleh dikenakan oleh Kaunselor Berdaftar bagi perkhidmatan kaunseling

Seksyen 12 (c)

Mengawal selia latihan dan menentukan jenis tahap kaunseling di Malaysia

Seksyen 12 (j)

Mengawal selia tata kelakuan profesional kaunselor termasuklah menetapkan Kod Etika bagi profesion kaunseling.

OPERASI

Seksyen 12 (g)

Mendaftar kaunselor yang berkelayakan

Seksyen 12 (k)

Melakukan apa-apa perkara lain yang difikirkan perlu untuk membolehkan lembaga menjalankan fungsinya dengan berkesan.

Seksyen 12 (i)

Melantik anggota-anggota lembaga untuk menganggotai mana-mana lembaga, jawatankuasa atau badan yang ditubuhkan bagi apa-apa maksud yang menyentuh profesion kaunseling

PENCAPAIAN 2008

Sepanjang 2008, antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah:

Sesi semakan kelayakan Kaunselor Berdaftar

Selaras dengan fungsi Lembaga Kaunselor di bawah Akta Kaunselor 1998 Seksyen 12(g) Lembaga Kaunselor telah menjalankan sesi semakan kelayakan bagi tujuan pendaftaran. Sesi ini dijalankan oleh Jawatankuasa Kelayakan dan Pendaftaran Lembaga Kaunselor yang di pengerusi oleh Prof. Dr. Md. Shuaib bin Che Din beserta dua orang ahli lain dalam Lembaga Kaunselor. Sepanjang tahun 2008 sebanyak 19 kali sesi semakan ini telah dijalankan di seluruh negara. Pembahagian dilakukan mengikut enam (6) zon iaitu Zon Tengah (Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya), Zon Selatan (Johor, Melaka dan Negeri Sembilan), Zon Timur (Pahang, Terengganu dan Kelantan), Zon Utara (Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak) Zon Sabah dan Zon Sarawak. Setakat 31 Disember 2008 jumlah Kaunselor Berdaftar yang telah didaftarkan adalah seramai 1,549 orang.



Mesyuarat Lembaga Kaunselor

Dalam menjalankan tanggungjawabnya juga, pertemuan antara ahli-ahli Lembaga Kaunselor merupakan sesuatu yang penting. Mesyuarat Lembaga Kaunselor telah dijadualkan diadakan pada setiap bulan bagi membincangkan perancangan aktiviti, perbincangan berkaitan isu-isu semasa berkaitan bidang kaunseling dan profesionalisme Kaunselor Berdaftar.

Dalam pertemuan ini juga ahli-ahli akan bertukar pandangan dan pendapat berkaitan isu-isu dan ilmu-ilmu baru dalam bidang kaunseling dan psikoterapi. Mesyuarat yang diadakan ini juga akan mengesahkan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kelayakan dan Pendaftaran Kaunselor bagi membolehkan seseorang kaunselor itu didaftarkan. Bagi tahun 2008, sebanyak sepuluh pertemuan telah dijalankan.

Mesyuarat ini biasanya akan dijalankan di sekitar Kuala Lumpur dan dihadiri oleh semua ahli yang merupakan individu yang profesional dan mahir dalam bidang kaunseling serta di lantik oleh YB Menteri KPWK. Mesyuarat ini akan dipengerusikan oleh seorang Presiden yang juga dilantik oleh YB. Menteri yang juga merupakan seorang Kaunselor Berdaftar.



Mesyuarat Perancangan Strategik Lembaga Kaunselor di Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu 29 Mac -1 April 2008

Bagi mengharungi cabaran dan halangan dalam bidang kaunseling Lembaga Kaunselor telah merencanakan satu wadah perancangan strategik jangka panjang (5 Tahun) Lembaga Kaunselor. Sesi perancangan strategik ini telah diadakan di Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu Sabah pada 29 Mac hingga 1 April 2008. Semua ahli Lembaga Kaunselor telah menghadiri sesi perancangan ini. Antara perkara-perkara yang dibincangkan adalah seperti berikut:

Kursus Pemantapan Pegawai Psikologi KPWK

Selain menjalankan tugas-tugas sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta Kaunselor 1998, Lembaga Kaunselor juga telah membantu pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan memberikan latihan-latihan kepada Pegawai Psikologi KPWK. Ini adalah sebagai satu ikatan kerjasama antara Lembaga Kaunselor dan juga KPWK. Seramai 40 orang Pegawai Psikologi KPWK telah terlibat dalam kursus yang telah dijalankan ini. Pihak Lembaga berharap agar ilmu yang dicurahkan ini dapat dimanfaatkan bagi membantu kumpulan sasar KPWK.



Bengkel Latihan Penyeliaan Tahap II (Amali) Kaunselor Berdaftar



Sebagai salah satu program tambah nilai kepada Kaunselor Berdaftar, pihak Lembaga Kaunselor telah menganjurkan Bengkel Latihan Penyeliaan Tahap ii (Amali) pada 6-8 Jun 2008 bertempat di Citrus Hotel Kuala Lumpur. Seramai 40 orang Kaunselor Berdaftar telah menyertai bengkel ini. Tujuan Bengkel Latihan Penyeliaan ini adalah untuk melatih kaunselor supaya menjadi:

- (a) penyelia amalan yang berkesan sejajar dengan Piawai & Standard Latihan yang disediakan oleh Lembaga Kaunselor;
- (b) penyelia yang peka dan prihatin terhadap perkembangan profesional;
- (c) penyelia agensi awam dan swasta yang dapat membimbing rakan sejawat profesion supaya perkhidmatan kaunseling yang diberikan mencapai tahap yang lebih tinggi; dan
- (d) penyelia lapangan kepada kaunselor pelatih.

Lawatan Pemantauan Program Kaunseling Kolej Sastera dan Sains Pembangunan Sosial dan Manusia Universiti Utara Malaysia

Satu siri lawatan Pemantauan Program Kaunseling telah diadakan pada 24 Februari 2008 di Universiti Utara Malaysia bagi memantau Program Sarjana Muda Pendidikan Dengan Keujian (Bimbingan dan Kaunseling). Ahli Lembaga yang akan terlibat adalah Y.Bhg Dato' Dr. Mohd Mansor Abdullah, Y.Bhg Prof. Emeritus Dato' Dr. Amir Awang, Y.Brs Prof. Dr. Suradi Salim, dan Y.Brs En. Juhari Jani (Pendaftar).

Lawatan pemantauan program kaunseling ini adalah bagi memastikan program yang ditawarkan oleh Universiti Utara Malaysia ini adalah selari dengan kehendak Lembaga Kaunselor seperti mana yang digariskan oleh Piawai dan Kelayakan Latihan Kaunselor. Pematuan ini adalah perlu bagi memastikan lepasan graduan dari UUM ini boleh didaftarkan sebagai Kaunselor Berdaftar sesuai dengan peruntukan di dalam Akta Kaunselor 1998 (Akta 580).



CABARAN LEMBAGA KAUNSELOR

- Untuk mewujudkan dan menentukan keperluan perkhidmatan kaunseling di Malaysia yang boleh dijadikan mekanisme pembangunan masyarakat Malaysia;
- Menetapkan satu standard latihan kaunseling yang seragam di institusi pengajian tinggi negara;
- Mendaftarkan semua kaunselor yang mengamalkan perkhidmatan kaunseling di Malaysia;
- Memastikan semua pihak yang terlibat secara langsung dengan perkhidmatan kaunseling mematuhi peraturan dan perundangan berkaitan yang sedia ada; dan
- Memastikan perkhidmatan kaunseling sentiasa relevan selari dengan arus pembangunan negara.

MATLAMAT STRATEGIK DAN STRATEGI

Mewujudkan perkhidmatan kaunseling yang profesional dan berkesan, melalui strategi:

- Membuat kajian mengenai keperluan pelanggan dan isu-isu semasa bagi mengenal pasti keperluan terhadap perkhidmatan kaunseling
- Menetapkan bidang-bidang pengkhususan dalam kaunseling;
- Menyediakan satu garis panduan berhubung keperluan perkhidmatan kaunseling di negara ini; dan
- Memberi kefahaman berkaitan hak-hak kaunselor dan pelanggan dalam perkhidmatan kaunseling.

PERANCANGAN 2009

- Menghantar delegasi Lembaga Kaunselor bagi menghadiri International Counselling and Social Work Symposium di Universiti Sains Malaysia pada 6 Januari 2009;
- Menganjurkan Bengkel Peningkatan Kemahiran dan Teknik Kaunseling (20-22 Februari 2009);
- Menganjurkan Seminar Kebangsaan Lembaga Kaunselor pada Mei 2009; dan
- Menjalankan sesi semakan kelayakan bagi tujuan pendaftaran.



Pusat Sumber dan Maklumat

Pusat Sumber dan Maklumat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) beroperasi di Aras 1, Blok 'E' Kompleks Pejabat Kerajaan Bukit Perdana, Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur. Pusat ini bertanggungjawab untuk membangunkan koleksi yang komprehensif dan menyediakan perkhidmatan maklumat dan bahan-bahan mengenai wanita, keluarga dan masyarakat kepada semua warga dan kumpulan sasar Kementerian, Jabatan dan Agensi dalam menyokong pembangunan dan penyelidikan dalam bidang wanita, keluarga dan masyarakat serta membantu ke arah mewujudkan warga yang membudayakan membaca dalam melaksanakan tugas-tugas harian.

Selaras dengan motto "Keperluan Anda Kami Penuhi", Pusat Sumber KPWKM berhasrat untuk mencapai objektif yang ditetapkan melalui perkhidmatan terasnya iaitu Pinjaman dan Pemulangan; Rujukan Maklumat; WebOPAC InfoNur; KM@Nur (Pengurusan Ilmu); Pempakejan Maklumat; Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP); Pendidikan Pengguna; Bilik Audio Visual; Kemudahan Komputer; dan Kemudahan Reprografi.

PENCAPAIAN 2008


Prestasi Perkhidmatan Pusat Sumber


Pusat Sumber, KPWKM mencatat peningkatan pembaca bagi tahun 2008 iaitu sebanyak 2,515 orang berbanding 1218 orang pada tahun 2007. Perbandingan statistik prestasi tahun 2008 dan 2007 dapat dilihat dalam Jadual 1. Bilangan pengguna/pembaca paling tinggi dicatat pada bulan Julai iaitu 296 orang manakala catatan paling rendah pada bulan Jun.

Peningkatan ini didorong oleh usaha yang diambil oleh Pusat Sumber melalui promosi galakan dan jemputan kepada warga Kementerian, Jabatan dan Agensi untuk menjadi ahli berdaftar kepada Pusat Sumber KPWKM. Peningkatan dalam prestasi perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti perkhidmatan pinjaman, pertanyaan rujukan dan penggunaan internet/OPAC adalah seperti dalam rajah Jadual 1 dan Jadual 1.2.

Jadual 1

PRESTASI PERKHIDMATAN PUSAT SUMBER Januari – Disember 2008





PERKHIDMATAN

Jadual 2

STATISTIK PERKHIDMATAN PUSAT SUMBER

Januari – Disember 2008

PERKHIDMATAN

BULAN	PENGGUNA KPWK & AGENSI	PINJAMAN BAHAN	PEMULANGAN BAHAN	PERTANYAAN RUJUKAN	PENGUNAAN INTERNET/OPAC
JANUARI	214	46	18	16	138
FEBRUARI	210	39	28	3	74
MAC	199	33	12	7	124
APRIL	230	40	7	7	107

MEI	180	37	29	14	120
JUN	166	42	33	20	86
JULAI	296	92	60	39	104
OGOS	204	39	58	13	40
SEPTEMBER	229	88	32	24	27
OKTOBER	202	63	45	6	9
NOVEMBER	170	47	28	9	11
DISEMBER	215	41	60	6	9
JUMLAH	2,515	607	410	169	849

Program Mari Mula Membaca @ Let's Start Reading

Program telah diadakan pada 24 November 2008 di Kompleks Penyayang BAKTI Sungai Buluh. Antara objektif program adalah untuk meningkatkan kesedaran kumpulan sasaran serta warga KPWKM tentang keseronokan membaca; membentuk persekitaran membaca yang selesa; memupuk tabiat membaca sepanjang hayat melalui peranan Pusat Sumber; mewujudkan budaya membaca dan cintakan ilmu di kalangan warga KPWKM dan institusi-institusi bawah JKM khususnya, yang terdiri daripada pelbagai kategori kumpulan.

Program ini berkonsepkan "Penyayang & Ceria" di mana pengisian program melibatkan aktiviti-aktiviti keilmuan seperti Bacaan Kegemaran Saya (BKS), *info hunt*, bercerita, pameran buku dan sesi urutan refleksologi oleh pelatih OKU penglihatan dan disertai oleh kanak-kanak dari Rumah Kanak-Kanak, pelatih Sekolah Tunas Bakti, Kompleks Penyayang BAKTI Sungai Buluh, Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan (PPKK) Serendah, warga OKU serta warga tua.

Usaha-usaha ini adalah bertepatan dengan tanggungjawab di bawah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia. Secara keseluruhan, program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada peserta-peserta yang terlibat dan jemputan yang hadir.



LAPORAN PRESTASI
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA (JKMM)





JABATAN

Kebajikan Masyarakat Malaysia

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKMM) diwujudkan dibawah kuasa yang diperuntukan P.U.(A) 35, Akta Tugas-tugas Menteri 1969 dan Perintah Menteri-menteri Kerajaan persekutuan 2000. JKMM merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sejak tahun 1990. Pada 27 Mac 2004, JKM telah diletakan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.



Semenjak penubuhannya, JKMM telah diberi tugas dan tanggungjawab utama untuk mengendalikan Skim Bantuan Am, Perkhidmatan Restoran Rakyat dan Skim Bantuan Tragedi di Jalan Keretapi Burma/Siam. Perkhidmatan kebajikan masyarakat kemudiannya berkembang untuk memenuhi keperluan semasa dan pemberian perkhidmatan diperluaskan kepada orang miskin, kanak-kanak, orang kurang upaya dan juvana bermasalah. Selaras dengan peredaran masa, perkhidmatan yang disediakan oleh JKMM semakin bertambah bagi memenuhi tuntutan masyarakat semakin meningkat. Secara ringkas, fungsi dan tanggungjawab JKM sejak mula ditubuhkan adalah seperti berikut :

- Menguruskan Bantuan Kewangan, Bantuan Bencana Alam, Skim Wang Amanah, Perlindungan Dan Jagaan Kanak-Kanak, Perlindungan Dan Jagaan Warga Tua, Pemulihan Akhlak Juvana, Perlindungan Wanita Dan Gadis, Perlindungan Dan Pemulihan Orang Kurang Upaya; dan
- Melaksanakan program/aktiviti pemulihan pengemis, kesejahteraan keluarga/bantuan guaman, penyertaan komuniti dan Badan Sukarela (NGO) serta program Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA).

Dalam menjalankan peranan tersebut, tujuh (7) Kumpulan Sasar JKM yang perlu diberi perlindungan dan pemulihan adalah kanak-kanak; orang kurang upaya (OKU); warga tua; orang papa; keluarga (wanita dan gadis, ibu/bapa tunggal, mangsa keganasan rumahtangga, oang miskin dan mereka yang bermasalah); mangsa bencana dan pertubuhan kebajikan sukarela.

Sehingga kini, JKM masih menjalankan tugas dan peranan tradisi untuk membantu dan membangunkan tujuh (7) kumpulan sasar dengan mengambil pendekatan/strategi baru, iaitu :

- Mengoptimumkan keupayaan, potensi diri serta kesejahteraan kumpulan sasar;
- Mengintegrasikan aspek kebajikan dalam perancangan sosio-ekonomi;

- Menjadi paksi utama dalam perancangan dan penilaian program pembangunan kebajikan masyarakat;
- Perkongsian bijak dan strategik;
- Mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan;
- Pengurusan dan penggunaan sumber manusia secara optimum; dan
- Perancangan dan pengurusan kewangan serta teknologi maklumat dan komunikasi secara profesional.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN ORANG KURANG UPAYA

Bahagian ini menyediakan perkhidmatan dan kemudahan jagaan, perlindungan, pemulihan, latihan serta peluang pekerjaan kepada orang kurang upaya di samping menggalakkan penyertaan aktif komuniti setempat melalui pengintegrasian dan pembangunan orang kurang upaya. Bahagian ini juga berperanan untuk menggerakkan program kesejahteraan orang kurang upaya.

Memberikan perkhidmatan yang komprehensif kepada OKU anggota untuk mendapatkan latihan vokasional dan pemulihan perubatan.

- Mengembalikan kemahiran yang telah hilang akibat kemalangan bagi meningkatkan kemampuan mereka bekerja dan berdikari;
- Mengambil langkah awal untuk pemulihan bagi mengelakkan kurang upaya menjadi bertambah teruk;
- Menyediakan tempat perkhidmatan sebagai rujukan dan sumber latihan penuntut perubatan, jurupulih, juruteknik prostetik dan ortotik serta lain-lain kakitangan yang memerlukan;
- Menjadi tempat rujukan untuk menjalankan kajian berkaitan OKU.



Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang 2008 adalah Kejohanan Special Olympics JKM Kebangsaan 2008 yang telah diadakan pada 29 Nov hingga 1 Disember 2008 di Stadium Bolasepak Kuala Lumpur, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur; Ekspo Pekerjaan Bagi OKU 2008 yang telah diadakan pada 3 Disember 2008 di Pusat Latihan Pemulihan dan Perindustrian Bangi (PLPP); Mesyuarat Majlis Kebangsaan OKU; Penguatkuasaan Akta Orang Kurang Upaya 2008 pada 7 Julai 2008 dan Seminar Kebangsaan DOHSA HOU pada 19-21 Julai 2008 di Kuala Lumpur.



BAHAGIAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

Bahagian ini merupakan satu bahagian baru yang telah diwujudkan pada 1 Februari 2007 untuk melaksanakan perintah khidmat masyarakat kepada pesalah muda yang berumur 18 hingga 21 tahun yang didapati bersalah melakukan kesalahan jenayah selain daripada denda, penjara dan ikat jamin. Ia bermatlamat untuk mencegah pesalah muda daripada melakukan semula kesalahan di masa depan dengan mengembalikan mereka ke dalam masyarakat

Bahagian ini bertanggungjawab dalam melucutkan masa lapang pesalah muda dan memberikan suatu tanggungjawab ke atas mereka; merangsang tanggungjawab sosial dan menjadikan khidmat masyarakat suatu pengalaman berfaedah kepada pesalah muda; dan mewujudkan ruang bagi pesalah muda membuat pemulihan akhlak dan menawarkan faedah nyata kepada masyarakat.



Antara aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2008 adalah perluasan pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat di Jabatan Pembersihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur; pemeriksaan percuma kepada pesalah muda/ perubatan; memperkenalkan Insuran kelompok kepada pesalah muda; perbincangan Ikhtisas Antara Agensi Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat pada 7 April 2008 di Sarawak; dan Latihan Kerja Sosial Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM).

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN

Bahagian ini diwujudkan bagi memastikan pengubalan dasar, perancangan dan pembangunan dapat dijalankan secara strategik, cekap dan berkesan selaras dengan keperluan semasa. Bahagian ini bertanggungjawab memberikan perkhidmatan yang meliputi perancangan dasar, penyelidikan, penilaian dan pembangunan kepada semua bahagian dan negeri untuk menyumbang kepada pencapaian misi dan objektif Jabatan secara cekap dan berkesan.

Pencapaian 2008

Majlis Pelancaran Coffee Table Book, "Caring For Malaysia: 60 Years of Social Welfare"

Majlis Pelancaran *Coffee Table Book*, "Caring For Malaysia: 60 Years of Social Welfare", telah diadakan pada 16 Februari 2008 di Dewan Seri Gemilang, Sekolah Tunas Bakti, Sungai Besi. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB. Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ketika itu. Majlis tersebut telah dihadiri oleh Dato' KSU, KPKM, pegawai kanan KPWKM dan Jabatan, mantan KSU KPWKM, mantan Pengarah JKM, pesara JKM dan kumpulan sasar Jabatan. *Coffee Table Book*, "Caring For Malaysia: 60 Years of Social Welfare" diterbitkan bersempena sambutan 60 tahun JKMM.



Bengkel Audit Institusi JKMM

Bengkel Audit Institusi telah diadakan pada 11 hingga 12 September 2008 di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi, bertujuan untuk mengumpul maklumat bagi penyediaan garis panduan audit institusi JKMM. Selain dihadiri oleh pegawai kanan JKM, Bengkel ini turut dihadiri oleh ahli-ahli akademik dari pelbagai bidang kepakaran dan wakil dari Pertubuhan Sukarela Kebajikan.

Bengkel Perancangan Strategik JKM

Bengkel Perancangan Strategik Jabatan diadakan pada 6-8 Disember 2008 bagi membincangkan Perancangan Strategik Jabatan bagi tahun 2009. Bengkel ini telah dihadiri oleh semua Pengarah Bahagian JKMM dan semua Pengarah Negeri.

BAHAGIAN WARGA TUA & KELUARGA

Bahagian ini bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan jagaan, perlindungan dan pemulihan yang berkualiti kepada warga tua agar mereka mendapat peluang yang saksama untuk meneruskan kehidupan yang sejahtera. Bahagian ini juga menyediakan perkhidmatan seperti menyelamat orang papa dan pengemis, memberi perkhidmatan perlindungan dan khidmat nasihat kepada keluarga yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga serta bantuan bimbingan nasihat untuk membantu keluarga yang bermasalah.

Bahagian ini bertanggungjawab dalam memberi perkhidmatan kebajikan berpandukan takrifan 'World Assembly On Ageing' adalah seseorang yang berumur 60 tahun ke atas; memberi jagaan dan perlindungan harian kepada Warga emas di Institusi (Rumah Seri Kenangan & Rumah Ehsan); memberi bantuan kewangan kepada yang berkelayakan; meyalurkan bantuan alat sokongan/tiruan; menyelaras Pusat Aktiviti Warga Emas; menyediakan khidmat bantu di rumah; dan perkhidmatan Unit Penyayang Warga Emas.

Antara aktiviti yang dijalankan oleh Bahagian ini sepanjang tahun 2008 adalah sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan 2008 di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi, Selangor; penyerahan 11 buah van Unit Penyayang Warga Emas kepada Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia pada Julai 2008 di PLPP Bangi; Urus setia pertandingan "Edible Garden" Institusi JKM 2008; dan Urus setia panel lantikan Lembaga Pelawat dan JKKD.





BAHAGIAN KANAK-KANAK

Bahagian ini bertanggungjawab memberi perlindungan, pemulihan dan pembangunan kepada kanak-kanak dari bahaya penyalahgunaan, penyeksaan, penderaan, diskriminasi, eksploitasi dan yang terdedah atau telah terlibat dengan masalah akhlak, kesalahan jenayah dan keruntuhan moral selaras dengan Akta Kanak-kanak 2001. Antara tanggungjawab Bahagian ini adalah seperti berikut:

i) Perkhidmatan Perlindungan

- Penjagaan dan Perlindungan;
- Skim Anak Pelihara dan Anak Angkat;
- Permohonan Kewarganegaraan;
- Permohonan Daftar Lewat Surat beranak;
- Teledera;
- Pasukan Inter Agensi;
- Khidmat Sokongan Saksi (*Witness Support Service-WSS*);
- Rumah Kanak-Kanak Sistem Berkeluarga (Rumah Tunas Harapan);
- Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak; dan
- Pusat Aktiviti Kanak-Kanak;

ii) Perkhidmatan Pemulihan

- Perlindungan dan Pemulihan;
- Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak; dan Daerah (JKKD)

iii) Perkhidmatan Institusi (Perlindungan dan Pemulihan)

- Institusi Pemulihan;
- Pengintegrasian Semula dan Program, Pencegahan; dan
- Institusi Perlindungan.

Antara program yang dianjurkan oleh Bahagian ini adalah Lawatan Raja Permaisuri Agong ke RKK Tengku Budriah pada 8 Jun 2008; Lawatan Raja Permaisuri Agong Ke RKK Kuantan pada 2 Okt 2008; Kursus Pengenalan Asas Asuhan Kanak-Kanak; dan kenaikan Kadar Elaun Ibu Pelihara daripada RM600.00 sebulan kepada RM1000.00 sebulan.



BAHAGIAN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI & BANTUAN

Bahagian ini menyediakan perkhidmatan bagi meningkatkan taraf sosio ekonomi kumpulan sasar Jabatan. Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk merancang, memantau dan memastikan peranan serta tanggungjawab JKMM dalam memberi perkhidmatan pengurusan bantuan kewangan, pembangunan sosioekonomi penerima bantuan dan pengurusan bencana dilaksanakan dengan berkesan. Bahagian ini bertanggungjawab untuk membantu golongan miskin yang produktif untuk berdikari; membantu golongan miskin ke arah kesejahteraan hidup; dan mengurus mangsa bencana.

Pencapaian 2008

Antara pencapaian Bahagian ini, sepanjang tahun 2008 adalah seperti berikut:

- Penambahbaikan Sistem Pengurusan Bantuan;
- Urusan bayaran bantuan bulanan kepada semua klien JKMM adalah ditetapkan pada 5 haribulan setiap bulan bayaran;
- Perluasan Skim Bantuan Persekutuan ke Negeri Sabah dan Sarawak;
- Pengenalan skim bantuan baru seperti Skim Bantuan Penjaga Pesakit Kronik Terlantar, Tabung Bantuan Segera dan kenaikan kadar Elaun Pekerja Cacat dan Bantuan Orang Tua dari RM200 kepada RM300; dan
- Kenaikan kadar kelayakan permohonan bantuan dari RM400 ke PGK semasa iaitu:
 - RM720.00 : Semenanjung Malaysia
 - RM830.00 : Sarawak
 - RM960.00 : Sabah



BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN ADVOKASI

Bahagian ini bertanggungjawab untuk menentukan segala urusan perkhidmatan Jabatan yang ada kaitan dengan perundangan dikendalikan mengikut Akta-Akta, Kaedah dan Peraturan yang berkaitan. Bahagian ini juga memainkan peranan advokasi ke arah mendidik warga Jabatan khususnya, agensi Kerajaan yang terlibat sama dengan penguatkuasaan Akta serta masyarakat umum mengenai sistem peruntukan perundangan Jabatan.

Antara fungsi Bahagian ini adalah:

- 2.1. Membuat segala perancangan mengenai sistem perundangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dari segi penggubalan, penyemakan dan pindaan Akta, Kaedah dan Peraturan yang berkaitan, memberi khidmat nasihat dan kepakaran berhubung bidang kuasa Bahagian dari segi pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta, Kaedah dan peraturan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.
- 2.2. Menentukan segala urusan perkhidmatan Jabatan yang berkaitan dengan perundangan dikendalikan mengikut peruntukan, amalan dan prosedur Akta, Kaedah dan Peraturan yang ditetapkan termasuklah menguruskan pewartaan pegawai dan mengeluarkan kad kuasa kepada pegawai yang diwartakan, pewartaan institusi kebajikan termasuklah (tempat selamat, tempat perlindungan, tempat berlindung dan tempat tahanan), menyediakan modul dan latihan serta pangkalan data Penasihat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak.
- 2.3. Menyelia dan mengurus hal ehwal Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) dan Pusat Jagaan termasuklah memberi perakuan pendaftaran TASKA dan Pusat Jagaan (lesen), pendaftaran pengasuh dan penjaga berdaftar, modul kursus pengasuh dan penjaga, kursus dan peperiksaan Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK) dan menyimpan serta menyelenggara rekod mengenai TASKA dan Pusat Jagaan.

- 2.4.** Melaksana dan menguatkuasa Akta dan Peraturan TASKA serta Pusat Jagaan dengan membuat pemantauan, mengendalikan aduan, siasatan, mengambil tindakan pendakwaan (termasuklah menyediakan kertas affidavit Jabatan) terhadap TASKA dan Pusat Jagaan yang tidak mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan.
- 2.5.** Meningkatkan kesedaran pegawai-pegawai JKM M dan orang ramai berkaitan dengan Akta, Peraturan dan Kaedah di bawah Jabatan dengan menyedia dan menyebarkan bahan-bahan bercetak, mengadakan latihan, bengkel, kursus dan seminar, mengadakan perkongsian bijak dengan lain-lain badan atau agensi Kerajaan dan NGO.
- 2.6 .** Akta, Kaedah, Peraturan dan Proklamasi, Konvensyen dan Perjanjian Antarabangsa yang diterima pakai oleh negara yang berada di bawah fungsi dan tanggungjawab Bahagian ini adalah seperti berikut ;

Akta-akta di bawah bidang kuasa JKMM

- (a) Akta Orang Kurang Upaya 2007;
- (b) Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611);
- (c) Akta Keganasan Rumahtangga 1994 (Akta 521);
- (d) Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308);
- (e) Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506); dan
- (f) Akta Orang Papa 1977 (Akta 193).

Akta-akta lain yang berkaitan

- (g) Akta Pengangkatan 1952 [Seksyen 13(1)];
- (h) Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 [Seksyen 10 (1)]; dan
- (i) Akta Penjagaan Budak 1961 (pindaan 1999) [Seksyen 8A].

Peraturan-peraturan di bawah bidang kuasa JKMM

- (j) Peraturan Pusat Jagaan 1994;
- (k) Peraturan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak 1994;
- (l) Peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak 1985 (pindaan 1993);
- (m) Peraturan Perlindungan Kanak-kanak (tempat selamat) 1992;
- (n) Peraturan Jawatankuasa Kebajikan Budak-budak (perlembagaan dan kewajipan-kewajipan) 1976 (pindaan 1988);
- (o) Peraturan Asrama Akhlak 1982; dan
- (p) Peraturan Sekolah yang Diluluskan 1981.

Kaedah-kaedah di bawah bidang kuasa JKMM

- (q) Kaedah bagi Pengurusan Rumah Orang-orang Tua 1983;
- (r) Kaedah Perlindungan Wanita dan Gadis (tempat perlindungan) 1982; dan
- (s) Kaedah (Rumah Kebajikan) Orang-orang Papa 1981.

Proklamasi, Konvensyen dan Perjanjian Antarabangsa

- (t) *Biwako Millennium Framework for Action : Towards an inclusive Barrier-free and Rights-based Society for Persons with Disabilities in Asia and the Pacific (2003-2012)*;
- (u) Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (ditandatangani oleh Malaysia pada 9 April 2008); dan
- (v) Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (ditandatangani oleh Malaysia pada 28 Disember 1994).

Pencapaian 2008

Antara pencapaian Bahagian ini sepanjang tahun 2008 adalah seperti berikut:

Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984

- Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak (Institusi) 2008;
- Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak (Rumah) 2008;
- Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak (Tempat Kerja) 2008; dan
- Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak (Komuniti) 2008.

Akta Pusat Jagaan 1993

- Peraturan Pusat Jagaan 2008.

Akta Kanak-Kanak 2001

- Peraturan Tempat Perlindungan 2008;
- Peraturan sekolah diluluskan 2008;
- Peraturan Asrama Akhlak 2008;
- Peraturan Kanak-Kanak (Orang yang layak dan sesuai) 2008;
- Peraturan Kanak-Kanak (Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak) 2008; dan
- Peraturan Kanak-Kanak (Ibu atau Bapa Pelihara) 2008.

Akta Orang Kurang Upaya 2007

- Peraturan Orang Kurang Upaya (Pendaftaran dan Pengeluaran kad OKU) 2008;
- Peraturan Orang Kurang Upaya (Pusat Perkembangan Kerjaya) 2008;
- Peraturan Orang Kurang Upaya (Institusi Orang Kurang Upaya Mental - Dan Intelektual) 2008; dan
- Peraturan Orang Kurang Upaya (Institusi-institusi Orang dengan Ketidakupayaan Teruk) 2008.

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994(3)

- Peraturan Keganasan Rumah Tangga (Tempat Selamat) 2008; dan
- Peraturan Keganasan Rumah Tangga (Badan Pendamai) 2008.

Akta Orang-Orang Papa 1977

- Peraturan Orang-Orang Papa (Rumah Kebajikan) 2008.

Akta

- Akta Orang-Orang Papa 1977
 - Bacaan Ke-2; dan
- Akta TASKA dan Pusat Jagaan
 - telah dikuatkuasakan.

Kad Kuasa

- Semua Pegawai Pelindung, Pegawai Akhlak, pegawai diberi kuasa TASKA dan Pusat Jagaan telah diberi kad kuasa; dan
- SOP penyiasatan dan pendakwaan telah dibuat.

Modul Penasihat Mahkamah

- JKM telah berjaya menyiapkan Modul Penasihat Mahkamah; dan
- Semua Penasihat Mahkamah telah diberi latihan berdasarkan modul ini.





BAHAGIAN PENYELARASAN HAL EHWAL ANTARABANGSA & KEURUSETIAAN

Bahagian ini bertanggungjawab terhadap pengurusan kualiti Jabatan, penerbitan dokumen Jabatan, hubungan kerjasama dan komitmen antarabangsa serta lawatan dari luar negara. Di samping itu, Bahagian ini juga menyediakan perkhidmatan keurusetiaan untuk persidangan dan mesyuarat di peringkat Jabatan yang melibatkan pegawai kanan Jabatan.

Antara fungsi Bahagian ini adalah meningkatkan pembangunan dan kesejahteraan sosial kumpulan sasar Jabatan melalui hubungan kerjasama dan komitmen antarabangsa; menyediakan perkhidmatan keurusetiaan secara profesional dan cekap ke arah pencapaian misi dan objektif Jabatan; menentukan pelaksanaan program kualiti yang berkesan ke arah melahirkan budaya organisasi yang cemerlang, gemilang dan terbilang; pelaksanaan MS ISO 9001: 2000 Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.

Pencapaian 2008

- Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diluluskan Pensijilan MS ISO 9001:2000 yang meliputi skop bagi proses perlindungan, pemulihan, pencegahan, pembangunan dan pengintegrasian untuk perkhidmatan luar merangkumi lokasi Ibu Pejabat JKM, JKMN/ JKMM Wilayah Persekutuan dan PKMD Jajahan kecuali Sabah dan Sarawak yang telah diterima semasa Sambutan Hari Kualiti Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia Tahun 2008 di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi; dan
- Sambutan Hari Kualiti JKMM Tahun 2008 dan Konvensyen ICC dan Pertandingan Inovasi telah diadakan di PLPP, Bangi pada 26 November 2008.



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

Bahagian ini memberi penekanan terhadap penglibatan aktif masyarakat dalam program-program pembangunan komuniti melalui perkongsian bijak antara Jabatan dengan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (NGO), komuniti setempat, sektor swasta dan korporat, para sukarelawan dan komuniti setempat. Bahagian ini juga mengendalikan urusan pemberian geran serta mengawal kutipan derma yang dikendalikan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan. Secara keseluruhannya, bahagian ini bertanggungjawab dalam perancangan, penyelarasan, pelaksanaan, pemantauan, pembangunan dan penilaian program-program pembangunan komuniti peringkat Jabatan. Bahagian ini berfungsi dalam melaksanakan projek organisasi komuniti; melaksanakan dasar sosial negara; membangun dan mengurus pertubuhan sukarela kebajikan; melaksanakan Unit Khidmat Penyayang; dan membangunkan kesukarelaan

Pencapaian 2008

- Majlis Penyerahan Peruntukan kepada Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kawasan Parlimen (MAYANG);
- Bengkel Pemantapan Briged Kebajikan Perdana (BKP) Tahun 2008 Siri 1 (Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor);

- Bengkel Pemantapan Briged Kebajikan Perdana (BKP) Tahun 2008 Siri 2 (Perlis, Negeri sembilan, Melaka, Johor dan Pahang);
- Bengkel Pemantapan Briged Kebajikan Perdana (BKP) Tahun 2008 Siri 3 (Kuala Lumpur, Terengganu, Kelantan, Sabah, Sarawak dan Labuan);
- Bengkel Pemantapan Briged Kebajikan Perdana (BKP) Tahun Siri 4 2008;
- Majlis Pelancaran Projek CARI;
- Majlis penyerahan Cek Bantuan Khas Perbendaharaan dan Geran Tahunan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK);
- Majlis Taklimat dan Pelancaran "Buku Panduan Bantuan JKM" ;
- Kursus Kerja Sosial dengan Komuniti (Kerjasama dengan ISM); dan
- Majlis Penyerahan Cek kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).



BAHAGIAN KAUNSELING DAN PSIKOLOGI

Bahagian ini berperanan untuk menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan bidang kaunseling secara cekap dan berkesan bagi mempertingkatkan profesionalisme pegawai serta kualiti perkhidmatan kaunseling Jabatan. Peranan ini dijalankan menerusi aktiviti pemantauan terhadap aspek pematuhan etika dan standard amalan kaunseling di setiap peringkat pelaksanaan, penyediaan garis panduan, penetapan dasar kaunseling serta bertindak sebagai perancang dan pelaksana program untuk tujuan kaunseling Jabatan.

Pencapaian 2008

- Modul Kaunseling Institusi bersama Kaunselor di Rumah Kanak-Kanak Kota Kinabalu;
- Modul Kaunseling Institusi bersama Pakar Rujuk di Rumah Kanak-Kanak Kuching Sarawak; dan
- Modul Kaunseling Institusi bersama Pakar Rujuk di Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah.





LAPORAN PRESTASI
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA (JPW)






JABATAN

Pembangunan Wanita

Pada tahun 1975, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (National Advisory Council on the Integration of Women in Development - NACIWID) sebagai jentera bagi memastikan penglibatan wanita dalam pembangunan. Urus setia Majlis tersebut adalah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Ahli-ahli Majlis berkenaan dilantik oleh YAB Perdana Menteri bagi tempoh tiga tahun.

Pada tahun 1983, Urus Setia Hal Ehwal Wanita, Jabatan Perdana Menteri atau HAWA diwujudkan bagi mengambil alih tugas sebagai Urusetia NACIWID. Pada 26 Ogos 1985, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya HAWA diperkukuhkan dengan menaikkan tarafnya kepada Bahagian. Pada 27 Oktober 1990, Bahagian Hal Ehwal Wanita telah dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Pada 29 Januari 1997, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya Bahagian Hal Ehwal Wanita dinaikkan taraf kepada sebuah Jabatan. Pada 1 Julai 1997, HAWA beroperasi sebagai sebuah Jabatan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Pada 18 Disember 1999, selepas Pilihanraya Umum 1999 dan rombakan Kabinet, Jabatan Hal Ehwal Wanita telah diletakkan semula di Jabatan Perdana Menteri.



Pada 1 Julai 2001, Jabatan Hal Ehwal Wanita distruktur semula dan dinamakan sebagai Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). JPW berfungsi sebagai jentera pelaksana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan menjalankan program dan aktiviti pembangunan wanita selaras dengan visi dan misi KPWKM. JPW terdiri daripada lima (5) bahagian iaitu:

- i. Bahagian Perancangan Pembangunan Wanita;
- ii. Bahagian Pembangunan Kapasiti;
- iii. Bahagian Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian;
- iv. Bahagian Bimbingan dan Kaunseling; dan
- v. Bahagian Khidmat Pengurusan.

Pada 1 Mac 2002, pejabat cawangan JPW iaitu Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) telah ditubuhkan di 13 buah negeri.

PENCAPAIAN 2008

Sepanjang tahun 2008, JPW telah berjaya melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang telah memberi manfaat kepada masyarakat terutamanya golongan wanita. JPW mengambil pelbagai inisiatif untuk meningkatkan tahap sosio-ekonomi wanita dengan menggalakkan wanita melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan dan keusahawanan termasuk perniagaan mikro (*microenterprise*).

Antara program dan aktiviti yang telah dilaksanakan adalah termasuk program peningkatan kemahiran dan pendapatan, program peningkatan kesedaran kualiti hidup wanita, penyelarasan jentera pembangunan wanita di peringkat akar umbi, program kesejahteraan emosi wanita, program kerjasama dengan Kementerian/agensi lain, dan program kerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) wanita melalui pengagihan Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan. Melalui mekanisme Jabatan di peringkat negeri iaitu 13 buah PPWN di seluruh negara, pelbagai program peningkatan kemahiran serta pendapatan dilaksanakan untuk wanita khususnya yang berpendapatan rendah. Program-program yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT)

Program ini menggunakan pendekatan latih dan bimbing di mana seramai 30 orang ibu tunggal di setiap negeri diberikan latihan kemahiran dan penyeliaan rapi dalam bidang jahitan; kecantikan; kraftangan; asuhan kanak-kanak; pelancongan; dan pemprosesan makanan.

Selain latihan kemahiran, para peserta turut didedahkan dengan kemahiran 'softskills' sebagai persediaan untuk mereka menceburi bidang pekerjaan atau memulakan perniagaan sendiri seperti kemahiran bahasa; interpersonal; ketrampilan; dan asas keusahawanan. Program ini telah berjaya melatih seramai 349 orang peserta.



Program Jejari Bestari

Program ini berbentuk 'outreach' di mana tenaga pengajar turun sendiri ke kawasan Parlimen di seluruh negara untuk memberikan latihan kemahiran kepada para peserta. Program ini melatih seramai 30 orang peserta untuk setiap kawasan Parlimen selama dua hari. Latihan kemahiran yang diberikan adalah seperti berikut jahitan (pakaian, langsir dan kusyen); pembuatan aksesori (kristal dan brooch); sulaman dan jahitan manik; dan gubahan hantaran. Seramai 5,949 peserta dari seluruh negara telah mendapat manfaat daripada program ini.



Program Usahawan Tani Wanita atau Agronita (Projek Penanaman Bunga Melur)

Program ini dilancarkan oleh YB Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 30 Ogos 2008 dengan kerjasama Kementerian Pertanian. Projek perintis bagi program ini dilaksanakan di Raub, Pahang di mana seramai tujuh orang peserta dari kalangan wanita dan ibu tunggal berpendapatan rendah diberi bimbingan dalam penanaman bunga melur untuk industri teh herba.

Objektif projek ini adalah untuk meningkatkan pendapatan wanita dan ibu tunggal berpendapatan rendah, seterusnya meningkatkan penglibatan mereka secara langsung di dalam industri pertanian serta mengurangkan kadar kemiskinan terutamanya di kawasan luar bandar.





Program Pembangunan Kapasiti Wanita Orang Asli

Program Pembangunan Kapasiti Wanita Orang Asli diadakan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pada 30 Ogos 2008 di padang Sekolah Rendah Satak, Raub, Pahang. YB Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan program ini. Objektif program ini ialah untuk memperkasa wanita orang asli terutama dalam menjana pendapatan dan seterusnya mempunyai daya saing dan berdikari. Seramai 500 orang peserta telah mendapat manfaat melalui program yang dianjurkan.

Program Inspirasi Kreatif

Program ini diilhamkan untuk membina jati diri dan tahap kemahiran kraf bagi wanita yang berpendapatan rendah. Para peserta diajar pelbagai jenis kemahiran kraf tangan, antaranya jahitan manik dan sulaman; aksesori perhiasan diri; gubahan bunga telur dan bunga rampai; dan kemahiran kraf menggunakan bahan terpakai dan terbuang.

Program ini telah dilaksanakan dengan jayanya di negeri, iaitu Selangor (15 hingga 16 November 2008), Pulau Pinang (29 hingga 30 November 2008) dan Pahang (13 hingga 14 Disember 2008) yang memanfaatkan seramai 30 orang peserta bagi setiap negeri.





Seminar “Entering the Corporate World”

Seminar ini mensasarkan pelajar-pelajar dari institusi pengajian tinggi. Untuk tahun 2008 seminar ini diadakan di Sabah pada 22 November 2008 dengan bilangan peserta seramai 250 orang. Objektif diadakan seminar melalui sesi forum diskusi, ceramah dan soal jawab bagi memberi pendedahan persediaan mental para pelajar untuk melangkah ke alam kerjaya. Selain itu, galakan untuk mereka menceburi bidang keusahawanan juga turut diterangkan.

Program Pejabat @ Rumah

Program ini bertujuan menggalakkan wanita untuk bekerja atau memulakan perniagaan dari rumah. Kumpulan sasaran bagi program ini adalah golongan suri rumah dan wanita kurang upaya bagi membolehkan mereka menjana pendapatan walaupun berada di rumah. Untuk itu, peserta diberikan latihan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai persediaan untuk mereka menceburi bidang ini. Pada tahun 2008 kursus ini telah dijalankan untuk seramai 30 orang peserta di Kuala Lumpur. Tempoh masa kursus adalah selama tiga (3) bulan, iaitu bermula dari 20 Oktober 2008 hingga 13 Januari 2009.



Program 'Home Manager'

Program perintis latihan perkhidmatan "Home Manager" diadakan pada 10 hingga 15 November 2008 di Institut Karisma, Bangsar, Kuala Lumpur. Seramai sepuluh 10 orang peserta yang terdiri daripada ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah telah diberi latihan.

Program ini menyediakan latihan profesional dalam bidang pengurusan rumah tangga kepada wanita bagi membolehkan mereka menceburi industri baru ini sebagai 'home manager'. Dengan itu, kebergantungan negara kepada pembantu rumah asing dapat dikurangkan.



Program Pembangunan Kapasiti Wanita melalui mekanisme PPWN

Melalui mekanisme Jabatan di peringkat negeri iaitu 13 buah Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) di seluruh negara, pelbagai program peningkatan kemahiran serta pendapatan dilaksanakan untuk wanita di peringkat negeri dan kawasan Parlimen khususnya wanita berpendapatan rendah. Program-program tersebut adalah seperti Nur Bestari dan Pengurusan Emosi.

Program Nur Bestari telah dilaksanakan sebanyak 250 program di seluruh negeri dengan melibatkan seramai 74,387 orang peserta. Program Pengurusan Emosi pula telah dilaksanakan sebanyak 194 program di seluruh negeri dengan melibatkan seramai 29,160 orang peserta.

Program Kesejahteraan Emosi Wanita

Program ini dijalankan di peringkat negeri di mana para peserta yang terdiri daripada kaum ibu, bapa dan anak-anak mereka diberikan pendedahan mengenai teknik komunikasi berkesan dalam keluarga. Selain itu, para peserta juga mendapat pengetahuan mengenai cara-cara untuk menangani tekanan dan menguruskan emosi mereka dengan lebih berkesan.

Untuk tahun 2008, program ini dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak dengan melibatkan seramai 307 orang peserta.

Perkhidmatan Kaunseling

Sepanjang tahun 2008, sebanyak 990 aduan telah diterima. Aduan ini termasuklah aduan secara bersemuka atau melalui panggilan telefon. Bilangan aduan yang diterima adalah termasuk yang dibuat melalui ibu pejabat JPW dan juga yang diterima oleh Pejabat PPWN. Antara kes yang diberikan kaunseling adalah keganasan rumah tangga, penderaan, rogol, sumbang mahram, gangguan seksual, masalah kewangan, tuntutan nafkah dan sebagainya.

Program Kerjasama Antara Kementerian/ Agensi

Seminar Peningkatan Kesedaran HIV/AIDS : Masih Ada Yang Sayang

Seminar Peningkatan Kesedaran mengenai HIV/AIDS : Masih Ada yang Sayang yang telah dimulakan pada tahun 2007 dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia. Untuk tahun 2008, program ini telah berjaya dilaksanakan di empat buah negeri iaitu Pulau Pinang (17 hingga 18 Oktober 2008 dan 24 hingga 25 Oktober 2008), Sarawak (29 hingga 30 Oktober 2008), Perak (14 hingga 16 November 2008) dan Sabah (18 hingga 20 November 2008).

Seramai 602 orang peserta telah didedahkan dengan kesedaran mengenai HIV/AIDS. Tumpuan program ini diberikan kepada kalangan pemimpin dan golongan yang banyak terlibat dengan masyarakat setempat seperti wakil agensi Kerajaan, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Ketua Kampung, Penghulu, Imam, Pengerusi Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)/kumpulan wanita dan individu-individu yang berpengaruh. Tumpuan diberikan kepada golongan tersebut dengan tujuan supaya pengetahuan, kefahaman, kesedaran mengenai jangkitan, cara pencegahan serta rawatan HIV/IDS dapat disampaikan kepada masyarakat setempat.



Majlis Dialog : Memperkasakan Wanita

Majlis Dialog tersebut dianjurkan bagi memberi maklumat dan penerangan kepada wanita mengenai perkhidmatan, skim bantuan, program dan latihan yang disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan yang boleh dimanfaatkan oleh wanita. Antaranya agensi tersebut adalah Baitul Mal; Dewan Bandaraya Kuala Lumpur; Majlis Amanah Rakyat; Pusat Giat MARA; Amanah Ikhtiar Malaysia; dan Institut Keusahawanan Negara.

Bengkel Pemerksaan Usahawan Wanita IKS

Sempena dengan Majlis Pelancaran Direktori Usahawan Wanita, Bengkel Pemerksaan Usahawan Wanita Industri Kecil dan Sederhana (IKS) diadakan dengan kerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana Malaysia (SMIDEC). Bertempat di Hotel Muar Traders, Muar, Johor pada 5 Julai 2008, program ini disasarkan kepada seramai 450 orang pengusaha kecil dan sederhana (PKS) wanita yang baru dan hendak mempertingkatkan perusahaan mereka. Melalui program ini, para peserta diberikan pendedahan, kefahaman dan pengetahuan mengenai peluang perniagaan dan aspek pengurusan perniagaan khususnya dalam industri kecil dan sederhana.



Program Pengurusan Katering

Program ini merupakan jalinan kerjasama antara JPW dengan Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Negeri Pahang (WI Pahang). Kursus Pengurusan Katering ini diadakan pada 6 hingga 8 November 2008, bertempat di Sekolah Memasak Tunku Azizah, Inderapura Resort, Pekan, Pahang. Kursus yang dikendalikan melalui ceramah dan interaksi dengan peserta oleh tenaga pengajar dari MARA ini telah memanfaatkan seramai 63 orang peserta dari setiap daerah di negeri Pahang.

Objektif utama kursus ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai pengurusan perniagaan katering secara profesional. Selain itu, peserta juga didedahkan tentang penetapan harga perkhidmatan, penyediaan makanan yang sihat dan berkualiti serta bantuan mikrokredit yang disediakan.

Seminar Pelaburan Swasta dalam Sektor Pertanian

Seminar Pelaburan Swasta dalam Pertanian merupakan program keusahawanan yang dianjurkan oleh JPW dengan kerjasama Persatuan Usahawan Graduan Malaysia (PUGM). Seminar ini telah diadakan pada 24 Disember 2008, bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh, Melaka. Seminar ini telah disertai oleh seramai 180 orang wanita yang terdiri daripada ibu tunggal, usahawan dan ahli Persatuan Belia Wanita dari sekitar negeri Melaka dan Lembah Klang.

Penganjuran program ini bertujuan memberi pendedahan kepada para peserta terutamanya wanita mengenai peluang dan insentif yang boleh diperolehi dalam bidang pertanian dan industri asas tani.





Agihan Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Wanita

JPW turut mengadakan jaringan kerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) wanita untuk melaksanakan program-program pembangunan kapasiti wanita melalui pengagihan Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan.

Peruntukan yang diagihkan kepada NGO adalah untuk pelaksanaan program pembangunan wanita di bawah bidang-bidang keutamaan seperti berikut :

- i. Latihan dan Peningkatan Kemahiran;
- ii. Peningkatan Kapasiti Wanita;
- iii. Literasi Undang-undang (Sivil dan Syariah);
- iv. Pengurusan Emosi;
- v. Kepekaan Gender;
- vi. Nur Bahagia; dan
- vii. Bidang tambahan yang ditentukan oleh KPWKMM mengikut isu-isu semasa.

Sepanjang tahun 2008, sebanyak 120 program pembangunan wanita telah diluluskan untuk dilaksanakan oleh 48 NGO dengan peruntukan berjumlah sebanyak RM965,525.00.



Program Khas

Majlis Sambutan Hari Wanita Peringkat Kebangsaan

Majlis Sambutan Hari Wanita Peringkat Kebangsaan disambut seperti kebiasaannya mengikut tarikh yang ditetapkan, iaitu 25 Ogos 2008. Sambutan pada tahun ini diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Johor Bahru. Perasmian Majlis Sambutan yang bertemakan “Wanita Penjana Ekonomi Negara” ini telah disempurnakan oleh YAB Dato’ Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia.

Majlis Sambutan pada tahun ini dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC). Objektif majlis sambutan adalah seperti berikut :

- i. Memberikan pengiktirafan kepada wanita di atas sumbangan mereka di dalam pembangunan dan kemajuan negara;
- ii. Memberi maklumat, pengetahuan dan kefahaman kepada masyarakat umum mengenai peranan wanita di dalam pembangunan negara melalui pameran-pameran dan risalah-risalah; dan
- iii. Meningkatkan kefahaman peserta mengenai hala tuju Kerajaan untuk membentuk sebuah negara yang progresif tanpa mengabaikan kepentingan dan sumbangan daripada kelompok-kelompok tertentu masyarakatnya.

Seramai 3,500 orang yang terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum dan golongan termasuk orang kurang upaya dan warga emas telah akan memeriahkan acara sambutan.





Konvensyen Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK)

Program pembangunan wanita dan keluarga di peringkat akar umbi memang mendapat perhatian khusus oleh KPWK. Menyedari akan perkara ini, Konvensyen Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Peringkat Negeri dan Kawasan Parlimen telah dianjurkan sebanyak dua kali pada tahun ini. Konvensyen MPWK Bil. 1/2008 diadakan pada 27 hingga 28 Januari 2008, bertempat di Sunway Resort Hotel & Spa, Petaling Jaya, Selangor. Konvensyen MPWK Bil. 2/2008 pula telah diadakan pada 16 hingga 17 April 2008, bertempat di Palace of the Golden Horses Hotel, Seri Kembangan, Selangor. Objektif penganjuran konvensyen ini adalah seperti berikut:

- i. Sebagai medium kepada KPWK menyampaikan hasrat dan hala tuju kementerian bagi tahun 2008 kepada para Pengerusi MPWK untuk disebarkan kepada rakyat di peringkat akar umbi agar segala perancangan yang dibuat pada tahun tersebut dapat difahami dan dihayati terutamanya yang tinggal di kawasan luar bandar;

- ii. Sebagai satu platform untuk Pengerusi MPWK Peringkat Negeri dan Kawasan Parlimen untuk mengutarakan idea dan pendapat mengenai pelaksanaan program khususnya dari segi strategi pelaksanaan yang lebih berkesan untuk memastikan objektif yang ditetapkan tercapai; dan
- iii. Membolehkan isu-isu yang timbul di peringkat akar umbi diketengahkan oleh para Pengerusi MPWK untuk perhatian KPWK dan dibincangkan bagi mencari penyelesaiannya.





LAPORAN PRESTASI
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)





LEMBAGA

Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah genap lapan (8) tahun bernaung di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada tahun 2008. Sepanjang tempoh berkenaan, terdapat banyak penambahbaikan dari segi fizikal dan program yang dilaksanakan oleh LPPKN. Ini termasuk inisiatif-inisiatif baru untuk memperluaskan perkhidmatan sedia ada demi memenuhi keperluan keluarga Malaysia di segenap lapisan masyarakat.

PENCAPAIAN 2008

PROGRAM PEMBANGUNAN KELUARGA

Majlis Perasmian Program Keluarga@Kerja (Parenting@Work) di Sektor Swasta

Majlis Perasmian Program Keluarga@Kerja (*Parenting@Work*) bagi sektor swasta telah dirasmikan oleh YB. Puan Noriah Bte Kasnon, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 17 Oktober 2008 bertempat di Auditorium Syarikat Takaful, Kuala Lumpur. Seramai 70 peserta telah menghadiri majlis ini yang terdiri daripada pegawai dan juga kakitangan cawangan Takaful di sekitar Kuala Lumpur.

Syarikat Takaful Malaysia merupakan agensi swasta yang pertama bekerjasama dengan LPPKN bagi penganjuran kursus ini. Di samping itu, program Keluarga@Kerja bagi anggota-anggota Kerajaan giat dijalankan di peringkat negeri di mana sejumlah 116 program telah dijalankan, disertai oleh 3,629 anggota dari pelbagai jabatan dan agensi berbanding dengan 20 program dan 1,051 peserta pada tahun 2007. Strategi LPPKN membawa pendidikan keibubapaan ke tempat kerja telah memberi *outcome* yang menggalakkan di mana komitmen ibu bapa untuk memantapkan institusi keluarga dapat dilihat melalui penyertaan seramai 1,367 lelaki dan 2,228 peserta wanita.



Kursus Pra Perkahwinan SMARTSTART

Dalam usaha meningkatkan penyertaan pasangan yang akan dan baru berkahwin menyertai kursus praperkahwinan, LPPKN melebarkan jaringan melalui Program Promosi Praperkahwinan SMARTSTART bersama Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), pada 9 Januari 2008 di Kuala Lumpur.

Program ini telah disempurnakan oleh YB. Datin Paduka Chew Mei Fun, Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta telah disertai oleh 175 peserta umumnya terdiri daripada Penolong-penolong Pendaftar Perkahwinan termasuk Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Badan Agama. Menyedari program SMARTSTART amat berfaedah kepada pasangan yang akan berkahwin, atas inisiatif sendiri pihak JPN telah mengadakan dua siri lagi di zon Timur dan Sarawak untuk mempromosi SMARTSTART kepada Penolong-penolong Pendaftar Perkahwinan di negeri-negeri berkenaan.

Perkongsian pintar dengan NGO juga diteruskan untuk menyebarkan luas penggunaan modul SMARTSTART. Justeru, pada 2008 sebanyak 81 program telah dilaksanakan oleh 68 NGO dengan penyertaan 2,157 peserta. Selain itu, LPPKN juga telah mengadakan program promosinya melalui pelancaran peringkat negeri dan berjaya melaksanakan 30 program Praperkahwinan SMARTSTART disertai oleh hampir 1,150 orang.



Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN

Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN berteraskan pakej Modul KASIH untuk meningkatkan ilmu kekeluargaan di kalangan masyarakat umum diteruskan sebagai satu program pendidikan bersiri secara bulanan. Bagi tahun 2008, sebanyak 79 kursus telah dilaksanakan dengan penglibatan 8,515 peserta di peringkat ibu pejabat dan negeri. Kursus ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan penilaian program mendapati hampir 95 peratus daripada peserta berpendapat bahawa kursus tersebut telah memberi pendedahan dan pengetahuan berkenaan isu kekeluargaan serta meningkatkan motivasi supaya bersikap lebih positif terhadap keluarga.

Bengkel Pengurusan Kewangan Keluarga

Menyedari yang ahli keluarga perlu diberi pengetahuan dan kemahiran dalam mengurus perbelanjaan isi rumah dan pengurusan kredit, LPPKN dengan kerjasama Agensi Kewangan dan Pengurusan Kredit (AKPK), Bank Negara telah memperkenalkan Program Bengkel Pengurusan Kewangan untuk keluarga. Sejumlah empat (4) program telah dilaksanakan dengan purata 30 keluarga bagi setiap program. Pengetahuan yang diperolehi telah berjaya meningkatkan kemahiran peserta untuk menguruskan perbelanjaan keluarga secara berhemah. Program ini akan diteruskan dengan lebih giat lagi pada tahun 2009 untuk membantu ahli keluarga menguruskan kewangan keluarga dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ini.

Forum Konsultatif Keluarga

Forum Konsultatif Keluarga bertemakan "Penguatan Institusi Keluarga dalam Menghadapi Cabaran Keluarga Semasa" telah dilaksanakan pada 14 Ogos di Dewan Besar LPPKN, Kuala Lumpur. Forum ini dirasmikan oleh YB Dato' Dr. Ng Yen Yen, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Melalui forum ini telah berjaya menghasilkan satu resolusi "Road Map of Malaysian Families". Resolusi ini akan menjadi input bagi pembentukan program untuk keluarga berisiko tinggi, juvana dan sebagainya. Forum ini telah disertai oleh 60 peserta terdiri daripada NGO, pakar akademik dan pegawai Kerajaan.



Program Mediasi Keluarga

Program latihan ini telah dilaksanakan pada 27 hingga 31 Januari 2008 di Hotel Plaza, Kuala Lumpur dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pakar mediasi dari *Centre for Peace, Conflict and Mediation, Hawke Research Institute, University of South Australia* telah mengendalikannya latihan ini.

Program ini bertujuan untuk melatih dan meningkatkan persediaan pegawai psikologi dan pegawai KPWKM yang mempunyai pengalaman dalam bidang perkahwinan untuk mengendalikan perkhidmatan mediasi bagi menyelesaikan pertikaian pasangan yang dalam proses perceraian di mahkamah. Susulan dari program latihan ini, pegawai psikologi di LPPKN telah mempunyai kemahiran untuk menawarkan khidmat mediasi ini kepada masyarakat umum terutamanya pasangan dalam proses perceraian.

International Capacity Building Workshop: Support for Drafting, Formulating and Implementing National Family Policies

LPPKN dengan kerjasama *United Nations Department of Economic and Social Affairs (UNDESA)* dan *Economic and Social Commission for Asia Pacific (ESCAP)* telah menganjurkan *International Capacity Building Workshop: Support for Drafting, Formulating and Implementing National Family Policies* pada 3 hingga 5 Disember 2008 di Kuala Lumpur.

Bengkel ini telah disertai oleh 40 pegawai kanan dan penggubal dasar dari enam (6) negara termasuk Malaysia. Melalui bengkel ini, para peserta telah dilatih mengenai penggunaan kaedah rangka kerja logikal (*Logical Framework*) dalam proses merangka sesuatu dasar dan pelan tindakannya. Kaedah rangka kerja logika ini akan digunakan oleh LPPKN untuk memantapkan lagi Pelan Tindakan Dasar Keluarga Negara yang telah dijadual untuk pembentangan kepada Jemaah Menteri pada tahun 2009.



Sambutan Hari Bapa

Pelaksanaan Sambutan Hari Bapa peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 22 Jun 2008. Satu Kem Kesihatan telah diadakan sempena Sambutan Hari Bapa di Sungai Besar, Selangor dan dirasmikan oleh YB. Puan Noriah Bte Kasnon, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pelbagai aktiviti diadakan seperti pemeriksaan kesihatan, Kem Keluarga@LPPKN, kuiz keluarga, Hari Bertemu Pelanggan KPWKM, khidmat Klinik Bergerak LPPKN dan beberapa pertandingan. Seramai 1,500 peserta telah menghadiri program ini.



Latihan dan pendidikan

Salah satu usaha ke arah pemantapan institusi keluarga adalah melalui latihan dan pendidikan kekeluargaan. Pelbagai bentuk latihan dan pendidikan kekeluargaan telah dilaksanakan oleh LPPKN merangkumi program ceramah, kursus, bengkel, seminar dan kursus diadakan di ibu pejabat LPPKN dan LPPKN Negeri.

Pelaksanaan program ini dilakukan menerusi Modul Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Berkualiti dan Modul Pakej KASIH dengan kerjasama jabatan/agensi kerajaan, Badan Bukan Kerajaan dan juga sektor swasta seperti di Jadual 1. Kepentingan meningkatkan kesedaran dan keprihatinan masyarakat di peringkat akar umbi untuk memperkukuhkan institusi keluarga dapat dilihat menerusi permohonan NGO untuk menjalankan program kekeluargaan dan juga program Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri (MPWKN), iaitu jentera KPWKM di peringkat akar umbi. Pelaksanaan program kekeluargaan oleh NGO dan MPWKN adalah seperti di Jadual 2 dan 3.

Jadual 01 Bilangan Aktiviti Latihan dan Pendidikan Pembangunan Keluarga, LPPKN Tahun 2008

PROGRAM	BILANGAN AKTIVITI	BILANGAN PESERTA
Persediaan dan Pementapan Perkahwinan	36	1,755
Keibubapaan	208	14,475
Pembangunan Remaja	291	25,978
Lain-lain (Pameran, Hari Bertemu Pelanggan, Promosi dan lain-lain)	721	142,914
Anjuran LPPKN dan Agensi Lain		
Jumlah	1,256	185,122

Jadual 02 Program Bantuan Khas Perbendaharaan Kepada NGO Mengikut Bidang, Tahun 2008

BIDANG	BIL. NGO	BIL PROGRAM	BIL PESERTA	PERUNTUKAN
Pementapan Perkahwinan	2	2	280	RM36,800.00
Keibubapaan	21	27	3,630	RM484,330.00
Kebapaan	3	6	700	RM53,570.00
Kekeluargaan	13	13	2,610	RM196,280.00
Pembangunan Remaja	28	34	2,820	RM501,250.00
Kesihatan Reproduksi	9	30	8,640	RM244,550.00
Jumlah	76	112	18,680	RM1,516,780.00

Jadual 03 Program Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Tahun 2008

PROGRAM	BILANGAN AKTIVITI	BILANGAN PESERTA
Selingkar Kasih	210	89,316
Nur Sejahtera: Kesihatan Kanser Pangkal Rahim	152	21,090
Barakah Ramadhan/Syawal	180	38,338
Jumlah	542	148,744

Perkhidmatan Kaunseling

Khidmat kaunseling keluarga telah dapat membantu klien mengatasi masalah yang mereka hadapi. Ini dibuktikan dengan peningkatan jumlah klien daripada 6,359 orang pada tahun 2007 kepada 7,557 orang bagi tahun 2008. Khidmat Kaunseling mengikut kategori kes adalah seperti di Jadual 4.

Jadual 04

Bilangan Sesi Kaunseling Keluarga LPPKN, Tahun 2008

Kategori Kes/Masalah	Jumlah Sesi	Jumlah Klien
Rumah tangga	1,453	1,147
Individu	3,471	3,243
Kesihatan	25	24
Lain-Lain	690	719
Kaunseling Kelompok	190	2,424
Jumlah	5,829	7,557

Program Kembara Kaunseling

Program Kembara Kaunseling telah dilaksanakan melalui program kemasyarakatan dan pameran serta Hari Bertemu Pelanggan untuk mendekati dan membantu pelbagai lapisan masyarakat dalam isu-isu kekeluargaan. Program *outreach* ini yang telah memenangi Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha KPWKM pada 2007 serta disenarai pendek oleh MAMPU untuk kategori Anugerah Inovasi sempena Anugerah Kualiti Sektor Awam Tahun 2008, telah berjaya menarik sejumlah 3,031 pengunjung pada tahun 2008.

Melalui penggunaan inventori psikometri bagi pengukuran pengurusan stres, gaya keibubapaan dan gaya bercinta khususnya di kalangan remaja, seramai 1,909 klien telah dirujuk untuk sesi kaunseling. Aktiviti promosi dan program *outreach counselling* tersebut ternyata telah memberi akses kepada lebih ramai ahli keluarga untuk mendapat perkhidmatan kaunseling.



PROGRAM KEPENDUDUKAN

Kajian dan Penyelidikan

Kajian Pelan Tindakan Kependudukan dan Pembangunan Ke-2 bertujuan untuk menilai keberkesanan dasar-dasar, strategi dan program nasional sealiran dengan perubahan demografi negara akan meliputi aspek-aspek Dinamik Penduduk, Komposisi dan Taburan Penduduk, Migrasi Dalam dan Migrasi Antarabangsa, Gender dan Keluarga, Kesihatan Reproduksi, Kajian dan Analisis Sektor dan Unjuran Penduduk.

Kerja awal Kajian Pekerja Asing seperti pengumpulan maklumat berkaitan kesan pekerja asing ke atas penduduk tempatan dari segi demografi, ekonomi, sosial, penempatan, pendidikan dan keselamatan serta penyediaan input kepada perancangan program dan aktiviti kependudukan dan pembangunan keluarga telah dilaksanakan pada tahun 2008. Kajian ini akan dilaksanakan pada tahun 2009.

Cadangan Dasar dan Input Teknikal

Penyediaan Nota Jemaah Menteri mengenai Perubahan Struktur Umur Penduduk Malaysia: Cabaran dan Peluang Warga Emas

- *"The Changing Age Structure of Population and their Implications for Development: The Case of Malaysia"* bagi Persidangan Kebangsaan Penduduk pada 8 Ogos 2008.
- Satu kenyataan negara bertajuk *Population, Internal Migration and Urbanisation* telah dibentangkan di 41st Session of the UNCPD pada 7 – 11 April, 2008 di New York. Delegasi Malaysia diketuai oleh YBhg. Datuk Faizah Mohd Tahir, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta diiringi oleh YBhg. Dato' Aminah Abdul Rahman, Ketua Pengarah LPPKN dan Encik Rozi Muda, Perangkawan dari Bahagian Kependudukan, LPPKN.

Pemantauan dan Penilaian

Petunjuk Penduduk dan Pembangunan

Tiga (3) set petunjuk yang telah dibangunkan bagi tahun 2006/2007 telah dikemaskini untuk mewujudkan sistem pemantauan dan penilaian yang sistematik bagi menilai keberkesanan pelaksanaan program kependudukan dan pembangunan negara. Tiga (3) set petunjuk adalah seperti berikut:

- Penduduk dan strategi pembangunan
- Penduduk dan pembangunan mapan
- Millenium Development Goals*

Latihan dan Program Advokasi

Bagi meningkatkan latihan dan program advokasi untuk kegunaan data kependudukan dalam perancangan, beberapa program dan aktiviti telah dijalankan seperti berikut:

a. Persidangan Kependudukan Kebangsaan

Satu Persidangan Kependudukan Kebangsaan 2008 bertemakan "Penduduk Muda dan Perubahan Demografi" telah diadakan pada 18 hingga 19 Ogos 2008 di Menara MATRADE, Kuala Lumpur. Persidangan dua (2) hari ini bertujuan untuk mengetahui kesan perubahan demografi ke atas penduduk muda dan mengenal pasti isu-isu sosial dan kesihatan reproduktif penduduk muda hasil daripada globalisasi.

Cadangan dan perakuan persidangan ini akan dijadikan sebagai input dalam penggubalan dasar dan perancangan program ke arah melahirkan generasi penduduk berkualiti. Pembentang kertas kerja adalah dari dalam dan luar negara yang pakar dalam bidang masing-masing. Seramai 250 orang peserta dari agensi Kerajaan, institusi dan universiti tempatan dan sebagainya telah menyertai persidangan ini.



b. Sambutan Hari Penduduk Sedunia

Sambutan Hari Penduduk Sedunia yang diadakan pada 11 Julai setiap tahun, bertujuan untuk menengahkan isu-isu semasa berkaitan penduduk dan pembangunan serta bagi meningkatkan kefahaman dan persepsi masyarakat umum mengenai hubungkait di antara penduduk dan pembangunan negara.

Sempena sambutan Hari Penduduk Sedunia, satu kenyataan media telah disampaikan oleh YB. Dato' Dr. Ng Yen Yen, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 11 Julai 2008. Tema sambutan tahun 2008 ialah "Memperbaharui Komitmen" di mana Kerajaan Malaysia dan pelbagai pihak seperti Badan Bukan Kerajaan (NGOs) dan lain-lain pertubuhan masyarakat perlu bertanggungjawab menggandakan usaha ke arah kehidupan rakyat agar lebih aman, makmur dan sejahtera. Sebanyak 11 negeri turut mengadakan program sempena sambutan Hari Penduduk Sedunia peringkat Negeri bagi tahun 2008.

c. Pangkalan Data Penduduk dan Pembangunan, POPnet

Sistem Pangkalan Data Penduduk dan Pembangunan Negeri atau *POPnet Enterprise* bertujuan untuk memudahkan orang ramai terutamanya perancang pembangunan negeri dan penyelidik, mengakses maklumat kependudukan dan pembangunan telah dibangunkan dan diperluaskan ke peringkat negeri. Projek perintis pangkalan data POPnet di tiga negeri iaitu Johor, Terengganu dan Pulau Pinang telah siap beroperasi dan tindakan perluasan operasi menyusuli ke 11 negeri lain akan diteruskan pada tahun 2009.

d. Bengkel Latihan

Untuk memperkasa penggunaan fakta kependudukan dalam perancangan pembangunan, dua (2) bengkel latihan Demografi Asas telah dilaksanakan untuk pegawai agensi di bawah KPWKM seperti berikut:

- i. Bengkel Latihan Demografi Asas bagi pegawai-pegawai Agensi di bawah KPWKM; dan
- ii. Bengkel Latihan Demografi Asas untuk pegawai-pegawai Agensi di bawah KPWKM telah diadakan pada 7 – 10 Mei 2008 di Johor Bahru.

Penerbitan

a. Dua (2) edisi helaian POPinfo Malaysia telah diterbitkan:

- i. Edisi bulan Januari 2008 – *Population Ageing*
- ii. Edisi bulan Julai 2008 – *Population Distribution, Urbanisation, Internal Migration and Development*

b. Sepintas Lalu: Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 2004

c. Manual Pengguna POPnet bagi memudahkan pengguna mengakses POPnet

d. Abstrak Kajian LPPKN, 1974 – 2004

e. Profil Penduduk Lembah Pantai

PROGRAM REPRODUKSI MANUSIA

Program Kesihatan Reproduktif Remaja (kafe@TEEN)

Program kesihatan remaja merupakan pendekatan baru LPPKN dalam menangani isu-isu berkaitan kesihatan remaja. Tiga buah pusat remaja (kafe@TEEN) telah mula beroperasi sejak 2005 iaitu di Ibu Pejabat LPPKN, Lembah Pantai, Kuala Lumpur dan Butterworth, Pulau Pinang. Melalui kafe@TEEN, remaja boleh memperoleh maklumat mengenai kesihatan reproduktif, masalah berat badan, masalah kulit, masalah merokok dan pendidikan mengenai pembangunan sahsiah.

Melalui promosi dan sesi penerangan program kafe@TEEN yang diadakan di sekolah-sekolah, seramai 6,107 remaja telah berdaftar sebagai ahli sahabat kafe@TEEN pada tahun 2008 menjadikan keseluruhan sahabat kafe@TEEN yang berdaftar sejak penubuhannya pada 2005 hingga 2008 kepada 20,225 orang remaja. Seramai 1,758 remaja telah mendapatkan perkhidmatan kesihatan remaja daripada pakar perubatan manakala 174 remaja mendapatkan khidmat kaunseling. Sementara itu, seramai 15,816 remaja telah mengikuti aktiviti-aktiviti pembangunan kemahiran (*skills building*) dalam menangani cabaran-cabaran seksualiti dan kesihatan reproduktif, manakala 1,327 pula menyertai aktiviti-aktiviti rekreasi yang bertujuan untuk memantapkan jati diri mereka.



Sambutan Hari Ibu

Sambutan Hari Ibu telah diadakan di Raub, Pahang pada 11 Mei 2008 dan dirasmikan oleh YB. Dato' Dr. Ng Yen Yen, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Seramai 3,000 orang peserta telah hadir ke majlis sambutan tersebut yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Antara aktiviti yang dijalankan adalah pemeriksaan saringan kesihatan, pameran, sukaneka keluarga, pertandingan masakan sihat, pertandingan gubahan buah-buahan dan sayur-sayuran, pertandingan mewarna bagi kanak-kanak dan persembahan kebudayaan.





Majlis Jalinan Kasih

Majlis Jalinan Kasih diadakan bertujuan untuk meraikan anak-anak dari program sub kesuburan LPPKN. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB. Dato' Dr. Ng Yen Yen, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mewakili Y.A.Bhg. Datin Seri Jeanne Abdullah, Isteri YAB Perdana Menteri pada 17 Jun 2008 di Dewan Besar LPPKN, Kuala Lumpur. Seramai 250 orang anak-anak berserta ibu bapa mereka yang telah menjalani rawatan sub kesuburan di LPPKN telah menghadiri majlis ini.

Seminar Kanser Wanita

Satu seminar mengenai kanser wanita telah diadakan di Hotel Grand Season, Kuala Lumpur pada 24 Julai 2008 dengan kerjasama *Utusan Publications*. Seminar ini bertujuan untuk memberi kesedaran, kefahaman serta maklumat mengenai cara mencegah dan rawatan terkini. Seramai 250 peserta terdiri daripada pegawai perubatan, jururawat, pamedik dan orang awam telah menyertai seminar ini.

Seminar Men's Health: A Global Concern

Bagi meningkatkan lagi kesejahteraan kaum lelaki, LPPKN dengan kerjasama *Malaysian Society of Andrology and the Study of the Aging Male (MSASAM)* telah menganjurkan *Seminar Men's Health: A Global Concern* pada 27 November 2008 di Institut Sosial Malaysia, Kuala Lumpur. Seminar yang bertujuan untuk menengahkan isu kesihatan dari perspektif global bagi meningkatkan kesedaran di kalangan kaum lelaki dianggap berjaya kerana 95% daripada 250 peserta yang hadir terdiri daripada kaum lelaki.



Program Subsidi Ujian Mamogram

Promosi bagi Subsidi Ujian Mamogram yang dimulakan sejak pelancaran pada bulan Mei 2007 telah diteruskan dalam tahun 2008. Hasil promosi Program ini telah berjaya menarik seramai 7,934 orang wanita menjalani ujian mamogram. Pada tahun 2008, sebanyak 27 pusat mamogram swasta telah berdaftar di bawah program subsidi ini. Seramai 14 wanita dikesan menghidapi kanser payu dara manakala 440 wanita pula telah dirujuk untuk membuat penyiasatan lanjut sepanjang tahun 2008.

Sementara itu, sejumlah 44,791 orang wanita telah menjalani pemeriksaan payu dara di Klinik-klinik LPPKN dan semasa aktiviti kemasyarakatan. Promosi di peringkat akar umbi melalui Program Nursejahtera yang bertema-kan 'Sihat dan Anggun' sedikit sebanyak telah memberi kesedaran kepada lebih ramai wanita untuk menjalani pemeriksaan payudara. Sebanyak 98 Program Nursejahtera telah dijalankan di kawasan Parlimen dengan penyertaan 14,370 peserta. Di samping itu, 144 ceramah kesihatan reproduktif turut dijalankan oleh LPPKN dengan penglibatan 19,761 peserta.

Perkhidmatan Klinikal dan Makmal

Secara keseluruhannya, penyampaian perkhidmatan kesihatan reproduktif LPPKN terus mendapat sambutan daripada lebih kurang 250,000 wanita dan lelaki bagi tahun 2008. Perkhidmatan perancang keluarga mencatat 142,873 kes (baru dan ulangan), menopause 1,181 kes (baru dan ulangan) dan 31,807 klien menerima perkhidmatan saringan kesejahteraan. Sebanyak 33,744 ujian diagnostik makmal telah dijalankan di samping ujian Pap Smear sebanyak 18,550 kes (baru dan ulangan).

Seramai 9,995 pasangan yang menerima khidmat rawatan di Klinik Subfertiiliti dan seramai 195 wanita telah berjaya hamil pada tahun 2008. Promosi kesihatan reproduktif terus giat dilaksanakan melalui program promosi melalui media cetak dan elektronik, ceramah, pameran dan melalui pelaksanaan program kerjasama dengan NGO.

Latihan dan pendidikan

Pada tahun 2008 sejumlah 678 aktiviti latihan dan pendidikan telah diadakan meliputi ceramah, bengkel, kursus dan latihan amali kepada anggota LPPKN, orang awam dan pelatih dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Seramai 23,345 orang telah mendapat manfaat daripada aktiviti-aktiviti ini di seluruh negara melalui LPPKN Negeri dan Ibu Pejabat.

A Joint Seminar Between Malaysia and The Islamic Republic of Iran: Approaches to HIV/AIDS Prevention, Care, Treatment and Support

A Joint Seminar Between Malaysia and The Islamic Republic of Iran: Approaches to HIV/AIDS Prevention, Care, Treatment and Support telah dilaksanakan oleh LPPKN dengan kerjasama *United Nations Fund and Population Activities (UNFPA)* dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 1 hingga 2 Disember 2008 di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur. Objektif seminar dua hari ini ialah untuk bertukar pandangan dan berkongsi pengalaman (*best practices*).

Seminar dua (2) hari ini telah merangkumi enam sesi plenari, empat (4) sesi simposium dan tiga (3) siri bengkel. Sebanyak 36 kertas kerja telah dibentangkan di seminar tersebut dan telah disertai oleh 190 peserta yang terdiri daripada para profesional dan personel yang terlibat dalam bidang berkaitan. Hasil seminar ini akan dijadikan input dan cadangan dalam pembentukan dasar dan program menangani penyebaran wabak HIV/AIDS di Malaysia.



PROGRAM SOKONGAN

Pameran

Salah satu cara untuk menyampaikan maklumat, mendidik dan meningkatkan pengetahuan masyarakat di peringkat akar umbi dan komuniti mengenai program LPPKN adalah melalui aktiviti pameran. Pameran yang diadakan adalah mengenai program pembangunan keluarga, kesihatan reproduktif dan kependudukan. Pada tahun 2008, sejumlah 105 pameran telah diadakan sempena program anjuran LPPKN atau agensi lain di seluruh negara. Antara lain, aktiviti pameran ini turut diadakan di Hari Bersama Pelanggan KPWKM dan LPPKN.

Pembangunan Sumber Manusia

Pembangunan sumber manusia terus diberi perhatian sepanjang tahun 2008 seperti berikut:-

- i. Sebanyak 80.24 % anggota LPPKN telah mengikuti kursus melebihi 7 hari.
- ii. Kenaikan pangkat anggota LPPKN seramai 17 orang bagi kumpulan pengurusan dan profesional serta kumpulan sokongan.
- iii. Pelaksanaan Sistem HRMIS bagi Latihan Aplikasi Modul Pentadbiran Sistem, Modul Perjawatan dan Modul Peribadi/ Profil Perkhidmatan.

Lawatan

Kejayaan Malaysia dalam program kependudukan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif turut diiktiraf oleh masyarakat tempatan dan antarabangsa. Pada tahun 2008, LPPKN telah menerima 16 kunjungan pelawat dari dalam dan luar negara yang terdiri dari orang kenamaan, wakil Kerajaan dan NGO. Antara negara yang berkunjung ke LPPKN adalah Indonesia, Vietnam, Qatar, Korea dan Republik China.



PERANCANGAN 2009

Secara keseluruhannya, LPPKN telah dapat melaksanakan setiap program dan aktiviti yang dirancang termasuk di peringkat negeri. Bagi tahun 2009, beberapa inisiatif baru telah dirancang untuk menambahbaik program demi memenuhi keperluan pelanggan. Antaranya ialah perluasan Klinik Nur Sejahtera dan Pusat Remaja kafe@TEEN ke negeri-negeri tertentu dan perluasan Khidmat Kesihatan Reproduksi melalui klinik-klinik baru iaitu di Kuching, Miri dan Sibul, Sarawak serta Semporna dan Sandakan di Sabah.

Sementara itu untuk program latihan dan pendidikan kepada orang ramai, kursus Keluarga@Kerja (*Parenting@Work*) akan diperluaskan kepada sektor swasta di seluruh negara. Penyebaran maklumat kependudukan akan diteruskan melalui POPnet Enterprise di sepuluh (10) negeri. Program Pengurusan Kewangan Keluarga, *Family Enrichment Programme*, Program Kesejahteraan Keluarga Untuk Orang Asli dan Pedalaman dan Program "Golden Third Age (G3A): Memperkasakan Kesihatan Reproduksi Wanita" antara program inisiatif baru akan dilaksanakan pada tahun 2009 untuk mengukuhkan lagi institusi keluarga.



LAPORAN PRESTASI
INSTITUT SOSIAL MALAYSIA (ISM)





INSTITUT *Sosial Malaysia*

Institut Sosial Malaysia (ISM), sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mula beroperasi pada 18 Januari 2002. Kampus Institut seluas lebih kurang 50 ekar adalah sebahagian daripada Lot PT 13856 Mukim Petaling, Sg. Besi, Kuala Lumpur. Keluasan keseluruhan Lot ini adalah 87.5 ekar dan baki 37 ekar telah dibangunkan dengan pembinaan Sekolah Tunas Bakti (STB) Lelaki di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Kemudahan yang terdapat di ISM terdiri daripada:

- i. Blok Pentadbiran tiga (3) tingkat yang mengandungi kemudahan latihan iaitu 4 bilik latihan akademik, 1 bilik latihan komputer, 5 bilik sindiket, 1 *moot court*, 1 auditorium dan 1 perpustakaan;
- ii. Blok Asrama yang mempunyai kapasiti 150 peserta dan 3 bilik *suite* untuk penceramah jemputan;
- iii. Blok Dewan Makan & Dapur;
- iv. Blok Kediaman Kakitangan untuk 12 keluarga; dan
- v. Pondok Pengawal Keselamatan

Matlamat penubuhan Institut adalah untuk menyediakan kemudahan latihan ikhtisas dalam pembangunan sosial kepada semua pengamal sosial daripada pelbagai peringkat dan kumpulan dari dalam dan luar negara termasuklah daripada pertubuhan atau Badan Bukan Kerajaan (NGO). Institut Sosial Malaysia akan menggunakan pendekatan konsep pendidikan sepanjang hayat yang membuka peluang kepada sesiapa yang berminat meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta profesionalisme dalam bidang perkhidmatan dan pembangunan sosial.kerja, penerapan keyakinan di kalangan *stakeholders* dan penggunaan sumber awam secara efektif.



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian ini bertanggungjawab hal ehwal pentadbiran, penerangan dan penerbitan, kualiti, pembangunan, teknologi maklumat dan belanja mengurus Institut.

BAHAGIAN LATIHAN

i. Pusat Pengajian Kemahiran Sosial

Memberikan pengetahuan terkini dan latihan kemahiran dalam bidang kebajikan sosial dan dasar sosial.

ii. Pusat Pengajian Pembangunan Komuniti

Memberikan pengetahuan terkini dan latihan kemahiran berkaitan dengan pembangunan komuniti dalam bidang perkhidmatan sosial.

iii. Pusat Pengajian Pembangunan Organisasi Sosial

Memberikan pengetahuan terkini dan latihan kemahiran berkaitan dalam bidang pembangunan organisasi.

iv. Pusat Pengajian Pembangunan Modal Insan

Memberikan pengetahuan terkini dan latihan kemahiran pembangunan modal insan.

v. Unit Penyelidikan

Menjana penyelidikan dalam pembangunan sosial dan dasar sosial yang menghasilkan input signifikan kepada penggubal dasar, penyelidik sosial dan pengamal khidmat sosial.

UNIT KOMUNIKASI KOPORAT

Unit ini menyediakan kenyataan akhbar, siaran akhbar, press kit, mengaturkan Persidangan Media. Unit ini juga mengawasi pergerakan media semasa acara serta mewujudkan perhubungan yang baik dengan editor/wartawan dan menguruskan taklimat media serta mengendalikan acara dalam dan luar agensi.

Pencapaian 2008

Pada tahun 2008, program ISM adalah berteraskan akademik selari dengan matlamat penubuhan ISM iaitu **menyediakan kemudahan latihan ikhtisas dalam pembangunan sosial kepada semua pengamal sosial daripada pelbagai peringkat dan kumpulan dari dalam dan luar negara termasuklah daripada pertubuhan atau Badan Bukan Kerajaan (NGO)**. Antara latihan-latihan yang dijalankan oleh Pusat-pusat Pengajian di ISM adalah seperti berikut:

Pusat Pengajian Kemahiran Sosial (KS)

- Asas Pegawai dan Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat
- Asas Pembantu Kebajikan Masyarakat
- Kemahiran Mengurus Kanak-kanak Bermasalah
- Kemahiran Menolong
- Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak
- Kursus Training On Trainers (Sukarelawan)
- Pengurusan Penderaan Kanak-kanak
- Kursus Pendakwaan Akta Taska

Pusat Pengajian Pembangunan Komuniti

- Kursus Kesukarelawan
- Pengurusan Kes Kerja Warga Tua
- Kursus Sistem Peningkatan Kualiti Taska (QIS)
- Kemahiran Pengendalian Orang Kurang Upaya
- Penempatan Pekerja Orang Kurang Upaya
- Kursus Teknik Pengurusan Orang Kurang Upaya di Institusi
- Kursus Asas Bahasa Isyarat
- Pengurusan Kes Orang Kurang Upaya
- Kerja Sosial dengan Komuniti
- Pengurusan Kes Bagi Kanak-kanak Yang Memerlukan Pemeliharaan dan Perlindungan
- Kursus Pegawai TASKA dan Pusat Jagaan
- Kursus Asas pengamal Kerja Komuniti
- Induksi berkaitan dengan HIV/AIDS
- Penulisan Laporan Akta Kanak-kanak
- Kursus Pendedahan HIV/AIDS

Pusat Pengajian Pembangunan Organisasi Sosial (POS)

- *Competency Profiling and Validation for JKMM CSO Officer*
- Kursus TOT SPBK (Training on Trainers – Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan)
- Biografi pengurusan kes Pembangunan Usahawan Berjaya
- Rakaman Bukti Fotografi dalam Siasatan dan Pendakwaan
- Pengurusan *Social Impact Assessment* dalam Organisasi Pembangunan Sosial
- Kursus Asas Pengurusan Kanak-kanak Mangsa Anti Perdagangan Orang

Pusat Pengajian Pembangunan Modal Insan (PMI)

- Kecerdasan Emosi dan Pembentukan *Positive Attitude* dalam Pembangunan Modal Insan.
- Kemahiran Komunikasi *Clientele* Berkesan.
- Membina Personaliti Positif
- Mindset Profiling dalam Pembentukan Keyakinan Diri dan Menyeluruh.
- Mindset Profiling dalam Pembentukan Keyakinan Diri dan Kemahiran Mempengaruhi.
- Kursus Kemaskini Fail Meja.
- Kursus Pembangunan Minda dan Pemikiran Kreatif
- Kursus Asas Agen Perubahan Berkarektor
- Kursus Pembangunan Diri Kelas Pertama
- Kursus *Emotional Excellence for Innovative Teamwork*



Selain dari kursus, ISM juga menganjurkan seminar, bengkel dan forum pada 2008. Antaranya ialah:

- ISM-UN International Experts Discourse on Ageing
- Seminar Pemahaman & Kesedaran HIV/AIDS
- SIA Workshop-Learning From Indonesians Juridicial Experience
- Bengkel Pemeraksanaan Gender Focal Point (GFC)
- ISM International Expert Training Programme: Malaysia Social Work Competency Standard
- ISM International Expert Training Programme: Child Protection
- Workshop on National Social Work Competency Standards: Developing the Social Work in Malaysia
- ISM-Hong Kong International Experts Training
- ISM-Japan International Experts Training: Disable

ISM juga sentiasa proaktif dalam menjalankan aktiviti penerbitan bagi memastikan isu-isu sosial dapat disebarikan ke seluruh negara. Antara penerbitan yang diterbitkan adalah **ISM POST; ISM GIAT; ISM MINDA; SOCIAL TRENDS; SOCIAL MATTERS; RESEARCH MONOGRAPH SERIES; MALAYSIA JOURNAL OF SOCIAL POLICY AND SOCIETY; dan SUKARELAWAN**



Program 2009

Bagi tahun 2009, Pusat-pusat Pengajian di ISM telah merangka beberapa kursus-kursus dan latihan yang baru disamping kursus-kursus lama untuk kakitangan KPWKM.

Latihan dan Kursus untuk 2009

Pusat Pengajian Kemahiran Sosial (KS)

- Kursus Asas Kerja Sosial
- Kursus Piawai Kerja Sosial Pegawai JKM



Pusat Pengajian Pembangunan Komuniti (PK)

- Kursus Penempatan OKU
- Kursus Pegawai Pemantau Taska dan Pusat Jagaan
- Kursus Pengurusan Pertubuhan Sukarela Kebajikan
- Kursus Pengendalian Kes Keganasan Rumahtangga
- Kursus Pra Penilaian Psikologi Kes
- Kursus Pengurusan Pemulihan dalam Komuniti
- Kursus pengurusan Pertubuhan Sukarela
- Kursus Job Coach



Pusat Pengajian Pembangunan Organisasi Sosial (POS)

- Kursus Penyiasat Akta Taska
- Kursus Pelaksanaan Dasar Sosial Negara dalam Pembangunan Organisasi Sosial.
- Training of Trainer (TOT) Peraturan Kanak-kanak.
- Kursus Lanjutan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984(Akta 308)



Pusat Pengajian Pembangunan Modal Insan (PMI)

- Kursus Perlaksanaan KPI
- Kursus Penampilan dan Pembangunan Kendiri
- Kursus Training of Trainers (TOT)- Program Pengupayaan Kendidri Kakitangan.
- Kursus Penulisan Dokumentasi ISO 9001/2000

Unit Penyelidikan

- Kursus Asas Penyelidikan

Seminar dan Bengkel 2009

- Bengkel Pemantapan Pelarasan Perintah Khidmat Masyarakat
- Bengkel Latihan Audit Dalam
- Bengkel Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) untuk Pemudahcara
- Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan sosial
- Bengkel Penulisan Laporan Anugerah Kualiti Perdana Menteri
- Bengkel Pengemaskinian Manual Prosedur Kerja (MPK)
- Bengkel Pembinaan Terma Rujukan (TQR)
- Bengkel Metodologi Penyelidikan
- Bengkel Statistikal Package of Social Science
- Bengkel Analisis Data
- Bengkel Penulisan Laporan Kajian



LAPORAN PRESTASI
INSTITUT PENGUPAYAAN WANITA BAGI ANGGOTA
PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI NAM (NIEW)






INSTITUT

Pengupayaan Wanita Bagi Anggota Pergerakan Negara Negara Berkecuali Nam

Penubuhan sebuah pusat pembangunan gender bagi Negara-negara Anggota NAM adalah hasil cadangan YAB Perdana Menteri Malaysia dalam ucapan beliau semasa merasmikan Mesyuarat Peringkat Menteri-menteri Anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) Mengenai Pemerkasaan Wanita pada tahun 2005. Bagi merealisasikan visi tersebut, Institut Pengupayaan Wanita bagi Anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali NAM (NIEW) telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Julai 2006 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

NIEW memberi fokus kepada aspek latihan dan pembangunan kapasiti dalam bidang yang telah dikenal pasti contohnya, wanita dalam bidang politik dan ekonomi, wanita dalam bidang pendidikan dan ICT dan wanita dalam bidang kesihatan dan anti-keganasan terhadap Wanita. Kursus dan latihan yang diadakan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Negara-negara Anggota NAM terhadap pelbagai pendekatan dan kaedah untuk menangani permasalahan dan isu wanita khususnya di peringkat antarabangsa.



Institut ini juga menjalankan program yang melibatkan kajian dan pembangunan, jalinan rangkaian perhubungan dengan institusi antarabangsa, pembinaan pangkalan data dan pelbagai aktiviti lain yang berupaya menyumbang terhadap proses pengupayaan wanita di Negara-negara Anggota NAM.

Ini sejajar dengan objektif NIEW untuk mempromosikan institut ini sebagai sebuah pusat rujukan dan pengajian antarabangsa yang menyumbang kepada pembangunan modal insan di kalangan Negara-negara Anggota NAM.

Penubuhan NIEW telah menyediakan peluang untuk menetengahkan agenda pemerksaan wanita dan kesaksamaan gender di peringkat antarabangsa. Penubuhan Institut ini pastinya akan membantu meletakkan Malaysia di barisan hadapan khususnya, sebagai penggerak dalam agenda pembangunan gender di peringkat antarabangsa.





PENCAPAIAN 2008

KURSUS PEMBANGUNAN KAPASITI

BIL	PERKARA	BILANGAN PESERTA	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1	<i>Women and Technology</i> (24 Mac – 4 April 2008)	23	378,292.25
2	<i>Empowering Women through Poverty Eradication and Micro Enterprise Development</i> (14 – 25 April 2008)	23	289,579.25
3	<i>Violence Against Women</i> (5 – 16 Mei 2008)	20	264,135.75
4	<i>Empowering Hardcore Poor Women through Micro Financing</i> (30 Jun – 11 Julai 2008)	26	355,463.50
JUMLAH KESELURUHAN			1,287,470.75

NIW GENDER SERIES (LUNCHEON TALK)

BIL	TAJUK SEMINAR	BILANGAN PESERTA	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1	<i>Towards Gender Equality in Singapore</i> (19 Februari 2008)	120	6,630.00
2	<i>Policies and Affairs of Women in the State of Qatar</i> (7 Ogos 2008)	80	3,404.00
3	<i>Malaysia's Effort in Empowering Women</i> (17 November 2008)	80	3,722.00
JUMLAH KESELURUHAN			13,756.00

PROGRAM – PROGRAM LAIN

BIL	PROGRAM	BILANGAN PESERTA	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1	<i>NIEW International Forum 2008 (22 & 23 Oktober 2008)</i>	400	173,430.00
2	<i>Book Lover's Campaign (21-25 April 2008)</i>	400	17,900.00
3	<i>NIEW Open House (13 Oktober 2008)</i>	200	-
JUMLAH KESELURUHAN			19,1330.00

LATIHAN-LATIHAN DALAMAN

BIL	KURSUS/BENGGEL/CERAMAH	BILANGAN PESERTA	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1	<i>Bengkel My Asset (12-14 Mac 2008)</i>	15	1,350.00
2	<i>Ceramah Motivasi dan Tatatertib (18 Jun 2008)</i>	35	2,190.00
3	<i>Kursus Asas Kewangan dan Pembayaran (10-12 November 2008)</i>	25	7,200.00
4	<i>Kursus E-SPKB (1-3 Disember 2008)</i>	12	4,050.00
5	<i>Retreat Strategik dan Team Building (19-21 Disember 2008)</i>	28	18,270.00
JUMLAH KESELURUHAN			33,060.00

LAWATAN-LAWATAN RASMI KE NIEW

BIL	DELEGASI	TARIKH
1	Lawatan Y.Brs. En. Saripuddin Kassim, TKSU (P) KPWKM	14 Februari 2008
2	Kunjungan Hormat Delegasi dari Pakistan	3 Jun 2008

LATIHAN-LATIHAN DALAMAN

BIL	MESYUARAT	TARIKH/KEKERAPAN
1	Technical Working Committee	21 Februari 2008
2	Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan Akaun NIEW	4 kali
3	Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan	4 kali
4	Jawatankuasa Keselamatan	4 kali

PROGRAM – PROGRAM LAIN

BIL	PENERBITAN	JUMLAH KOS
1	<i>NIEW Annual Report 2007</i>	49,000.00
2	<i>Research on Gender Profiling of 118 NAM Member Countries</i>	49,800.00
JUMLAH KESELURUHAN		98,800.00

PENGLIBATAN SEBAGAI JAWATANKUASA DI DALAM PROGRAM-PROGRAM KEMENTERIAN

BIL	PROGRAM	TARIKH	TAHAP PENGLIBATAN
1	OIC Women Conference	20 - 21 Januari 2008	Pegawai Penyambut di KLIA
2	Program NADI	31 Januari 2008	Jawatankuasa Pendaftaran
3	Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan	10 Januari 2008	Peserta Perarakan
4	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	15 - 16 Jun 2008	Jawatankuasa Fotografi
5	Majlis Makan Malam Bersama Isteri Ketua-ketua Perwakilan Asia	13 Ogos 2008	Jawatankuasa Protokol
6	Larian Perpaduan di Dataran Merdeka	17 Ogos 2008	Jawatankuasa Hadiah & Cenderahati serta membuka booth pameran
7	Hari Wanita Peringkat Kebangsaan	25 Ogos 2008	Membuka booth pameran
8	Pertandingan Pengucapan Awam dan Pidato Hari Kualiti KPWKM	28 Ogos 2008	Peserta
9	Hari Warga Tua Kebangsaan	15 November 2008	Membuka booth pameran
10	Program Social Impact Assesment (Hank)	19 November 2008	Jawatankuasa Pendaftaran
11	Konvensyen Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja	15 Disember 2008	Pengerusi Majlis



